

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Haji Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

TIDAK HADIR (Dengan maaf)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B.Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B.Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B.Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**Y.B.Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

PEGAWAI BERTUGAS

**Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan**

**Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Dewan**

**Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran**

**Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat**

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbahasan

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Saifulnizam bin Hasmawi

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor ke-13 pada 13 November 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Soalan seterusnya Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan pertama.

TUAN SPEAKER : Selat Klang?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Soalan 107.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI (N45 SELAT KLANG)

TAJUK : **TINDAKAN SERIUS MENJAGA KESELAMATAN KAMPUNG**

107. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah progress tindakan Kerajaan membantu menjaga keselamatan kampung tradisi khususnya di pinggiran bandar?
- b) Berapakah anggota keselamatan dari JKKK yang minimum untuk meronda dan mempasti keselamatan kampung?
- c) Adakah Kerajaan akan membekal CCTV di kawasan *hotspot* jenayah/gejala sosial di kampung?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker. Selat Klang bertanya berkaitan dengan menjaga keselamatan kampung. Saya kira soalan ini saya telah jawab semasa saya menjawab soalan daripada Sabak. Mana yang saya katakan bahawa Kerajaan Negeri mengadakan Program Ikatan Desa dan melalui program itu satu

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

kursus yang sedang dijalankan dalam program pasukan keselamatan kampung untuk tujuan keselamatan kampung tradisi khususnya kawasan pinggir bandar dan juga kawasan-kawasan luar bandar.

Setakat ini 10 orang anggota jawatan pasukan keselamatan kampung perlu ditubuhkan dan mereka ini sedang menjalani program ataupun kursus yang saya maklumkan. Dan setakat ini tidak ada perancangan untuk membekalkan CCTV di kawasan-kawasan kampung. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Saya nak tanya kepada Kerajaan dengan memberi kursus, latihan dan sebagainya, adakah mereka ini diberi keupayaan daripada segi peralatan, daripada sistem komunikasi, daripada segi operasi bilik gerakan untuk mereka menjalankan tugas-tugas mereka dengan berkesan?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : terima kasih Selat Klang. Sehingga kini kita memaklumkan kepada ketua-ketua kampung untuk melihat beberapa pusat-pusat yang boleh dijadikan bilik gerakan sama ada mungkin bilik-bilik yang ada di masjid ataupun di balai raya sebagai bilik gerakan mereka. Selain daripada itu, beberapa peralatan yang akan dibekalkan termasuklah *walkie-talkie*, *vest keselamatan*, lampu *button*, *first aid kit* dan beberapa peralatan lain yang sekarang ini dalam proses tender (sedang dijalankan) yang akan diberikan kepada mereka sebagai bantuan peralatan-peralatan keselamatan apabila mereka melakukan keselamatan kampung nanti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Medan tidak hadir. Soalan 109 telah dijawab bersekali dengan soalan 61. Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN : Tuan Speaker, soalan 110.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : **PROJEK LANDASAN KERETA API PANTAI TIMU (ECRL)**

110. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

- a) Apakah status terkini tanah-tanah yang terlibat dengan projek Kereta Api Laju ke Pantai Timur?
- b) Berapakah pampasan yang penduduk akan perolehi?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Y.B. Ahli-ahli Dewan sekalian. Saya mewakili Y.B. Sungai Pinang untuk menjawab soalan Gombak Setia berkenaan dengan Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL). Menurut penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan dengan East Coast Rail Link (ECRL). Soalan tersebut datangnya juga daripada Damansara Utama iaitu pada soalan 289. Izinkan saya menjawab kedua-dua soalan itu sekali untuk Yang Berhormat sekalian mengetahui tentang Projek East Coast Rail Link ataupun ECRL.

Pembangunan Projek Laluan Rel Pantai Timur (East Coast Rail Link) ECRL hanya dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa PEMANDU Projek Laluan Rel Pantai Timur Bil.1 Tahun 2017 pada 25 Januari 2017 bertempat di Kementerian Kewangan di mana Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan di dalam jawatankuasa tersebut. Lanjutan daripada mesyuarat itu, pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) selaku pemaju projek yang dilantik telah memohon untuk mengadakan kunjungan hormat pada 20 Julai 2017 bagi membincangkan pelaksanaan ECRL yang melibatkan sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor. MRL merupakan sebuah anak syarikat penuh Kementerian Kewangan diperbadankan adalah milik ECRL.

Di pihak Kerajaan Negeri, itu sahaja pemakluman tentang pelaksanaan projek ECRL fasa pertama iaitu pada jajaran Kota Baharu ke IPD Gombak. Dan masih terlalu awal untuk Kerajaan Negeri memberikan apa-apa ulasan tentang projek ini. Berhubung dengan Projek ECRL fasa kedua yang menghubungkan IPD Gombak ke Pelabuhan Klang, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang maklumat tentang perkara tersebut. Oleh yang demikian, pada masa ini tiada sebarang keputusan di peringkat Kerajaan Negeri berhubung dengan pembangunan ECRL bagi menjawab pertanyaan Y.B. Gombak Setia.

Kerajaan Negeri belum menerima apa-apa permohonan berkaitan tanah-tanah yang akan dilibatkan. Oleh itu, tiada sebarang perbincangan berkaitan perihal tanah mahupun jumlah pampasan yang telah diberikan kepada penduduk yang terbabit. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Speaker. Saya nak tanya Exco. Walaupun dari IPD Gombak sampai Port Klang tidak ada apa-apa maklumat lagi, tetapi dari Bentong kepada Gombak melalui Quartz range itu apa perkembangan itu? Ataupun pendirian Negeri Selangor atas menggunakan Quartz melalui Quartz range itu?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Saya terima kasih Seri Andalas. Saya rasa dalam penggulungan YAB Menteri Besar ada menjelaskan dengan agak teliti tentang ECRL dan jajarannya. Dan Kerajaan Negeri bertegas kita tidak akan membenarkan mana-mana projek atau laluan melalui Permatang Kuarza Gombak kerana ia merupakan salah satu warisan dan juga aset penting Kerajaan Negeri yang juga mula didaftarkan sebagai warisan kepada negara kita dan juga Negeri kita yang kita cintai. Jadi Kerajaan Negeri menerima sebarang permohonan (sedia membincangkan), tetapi beberapa prinsip hutan lipur, hutan kekal dan sebagainya itu kita akankekalkan termasuk Permatang Kuarza Gombak yang merupakan warisan kita yang sangat kita cintai. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan kereta api itu apabila dia dah lengkap, sempurna jalannya dia akan memintas dan *travel* untuk pergi ke Pelabuhan Singapura. Jadi saya ada dengar rancangan itu adalah rancangan daripada Kerajaan Negeri China. Adakah dianya disedari oleh Kerajaan Selangor? Faham ya? Tak faham? Ok sekali lagi. Laluan kereta api itu kalau disambung dari Port Klang ke Gombak dan terus ke Pahang, dia akan memendekkan perjalanan berbanding jalan pelabuhan kapal ke Singapura. Jadi sikit itu akan menjadikan turun di Port Klang lebih dan Kuantan lebih menarik berbanding dengan turun di Singapura. Adakah ia akan menjelaskan hubungan diplomasi antara Malaysia dan Singapura? Dan adakah Kerajaan Selangor sedar perkara itu?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Saya tidak boleh menjawab bagi pihak Singapura. Namun begitu, kalau ia memberikan manfaat kepada Pelabuhan Klang saya rasa ia satu yang begitu baik khususnya untuk Kerajaan Negeri dan juga Pulau Indah yang kita bukakan pusat-pusat ataupun kawasan-kawasan industri. Kalau kita sampai ke Putrajaya dan kita *deal* fasal hubungan diplomatik tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 111.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : PASAR TAMAN SRI MUDA

111. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan status terkini pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda, bilakah ia boleh dimasuki oleh peniaga.
- b) Nyatakan pecahan jumlah peniaga di sini dan apakah ada tambahan peniaga baru.
- c) Berapakah jumlah parkir untuk kenderaan bagi kemudahan orang ramai dan golongan OKU di sini?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Sri Muda yang nampaknya masih muda dan sihat lagi. Status pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda Seksyen 25 Shah Alam adalah berikut:-

Tarikh mula	:	1 Jun 2017
Tarikh siap	:	30 November 2018
Kemajuan Kerja Sebenar	:	4.03%

Jika tiada kelewatan, peniaga boleh memulakan operasi pada 31 Disember 2018. Pecahan jumlah peniaga di Pasar Taman Sri Muda Seksyen 25 Shah Alam adalah seperti berikut :-

Bangsa	Bilangan Peniaga
Melayu	45
Cina	123
India	83
Jumlah	251

Tiada tambahan peniaga baru di Pasar Taman Sri Muda kecuali pertukaran nama penyewa di kalangan ahli keluarga sahaja yang dibenarkan. Jumlah parkir untuk kenderaan bagi kemudahan orang ramai dan golongan OKU di Pasar Taman Sri Muda adalah seperti berikut :-

Tempat Parkir	Bilangan Petak
Tempat Letak Kereta	214
Tempat Letak Kereta OKU	4
Tempat Letak Motosikal	75

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Sekian.

TUAN SPEAKER : Soalan 112 telah dijawab bersekali dengan soalan 44. Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih. Soalan 113.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LEE KEE HIONG (N06 KUALA KUBU BAHRU)

TAJUK : PERUNTUKAN PELANCONGAN

113. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada PBT yang menganjurkan aktiviti-aktiviti Tahun Melawat Hulu Selangor 2017 dan Tahun Melawat Klang 2017.
- b) Nyatakan projek atau aktiviti pelancongan di Selangor yang menerima peruntukan yang terbesar pada tahun 2017 dan impaknya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker dan juga Kuala Kubu Baharu. Peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada PBT yang menganjurkan aktiviti-aktiviti Tahun Melawat Hulu Selangor 2017 dan Tahun Melawat Klang 2017 adalah berikut :-

- i) Majlis Perbandaran Klang sejumlah RM842,878.30 melibatkan 7 program sebanyak RM125,000 dan 5 projek pelancongan sebanyak RM711,878.30 telah disalurkan kepada MPK;
- ii) Untuk Tahun Melawat Hulu Selangor 2017, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM1,080,000 melibatkan 28 projek menaik taraf produk-produk pelancongan dengan kos yang berjumlah RM970,000 dan sebanyak RM110,000 bagi pengajuran 4 program pelancongan yang diadakan bersempena Tahun Melawat Hulu Selangor.

Projek dan aktiviti pelancongan di Selangor yang menerima peruntukan terbesar pada tahun ini adalah Tahun Melawat Klang dan diikuti oleh Tahun Melawat Hulu Selangor.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker.
Nombor 114.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL (N29 SERI SERDANG)

TAJUK: **KERAJAAN MENGADAKAN / MENYEDIAKAN
PERKHIDMATAN BAS SELANGORKU DARI PUCHONG
PERMAI KE HOSPITAL BESAR SERDANG**

114. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Bolehkah Kerajaan mengadakan / menyediakan perkhidmatan Bas Selangorku dari Puchong Permai ke Hospital Besar Serdang?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker. Sekali lagi saya mewakili Sungai Pinang untuk menjawab soalan berkenaan dengan pengangkutan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Saya meminta izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 153 yang datangnya daripada DUN Dusun Tua.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Sambutan terhadap perkhidmatan Bas SMART Selangor yang sangat memberangsangkan telah memberikan maklum balas yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk senantiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Kerajaan Negeri juga akan memberikan fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas SMART Selangor dan tambahan laluan-laluan baru yang akan dilakukan berdasarkan empat kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor :-

- a) Menepati struktur *bus networking revamp* oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat Negara iaitu SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas-bas sedia ada;
- b) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
- c) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat Kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan yang komersial dan kompleks perniagaan; dan

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

- d) Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti Stesen Komuter ataupun stesen LRT, MRT maupun BRT. Ini konsep ‘*first smile and last smile*’ sebagaimana yang disebutkan oleh YAB Menteri Besar dalam sesi penggulungan.

Yang kedua, bagi laluan yang dipohon oleh Y.B. Seri Serdang, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) perlu melihat kesesuaian laluan tersebut berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dan seterusnya mengemukakan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Negeri Selangor, Pengangkutan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun laluan ke Hospital Besar Serdang telah diambil kira dalam laluan ke empat bas *Smart Selangor* MPSJ ataupun SJ04A iaitu laluan koy komuter Serdang hingga ke Hospital Serdang. Manakala untuk menjawab Dusun Tuan, bagi laluan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pihak Berkuasa Tempatan akan diminta bersama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat SPAD untuk menjalankan kajian keperluan dan permintaan serta mengkaji kesesuaian laluan bagi operasi di kawasan ini demi keselamatan pengguna. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO berhubung dengan permohonan Dusun Tuan untuk laluan bas daripada Ampang ke Hulu Langat. Pihak MPKJ telah membuat kajian tahun lepas tapi saya merasakan bahawa bukan saya katakan kajian itu tak betul, tetapi apa yang kita lihat akhir-akhir ini jalan itu telah diturap baru dan setiap hari pengguna jalan raya bertambah di situ kerana jalan lalu ke Cheras selalunya jem dan mereka menggunakan Jalan Ampang yang bekerja di sebelah Hulu Klang dan Ampang, saya rasa memang perlu untuk kita adakah bas *smart Selangor* di situ kerana saya rasa akhir-akhir ini lebih kurang seribu dua ribu pengguna jalan raya lalu di situ dan selama ini tidak pernah pun ada satu pun *public transport* yang lalu, minta maaf

TUAN SPEAKER : Soalan Dusun Tuan, terus kepada soalan.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Soalan saya minta pihak Negeri pertimbangkan untuk diluluskan laluan di situ. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih saya percaya Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan berdasarkan 4 kriteria yang saya sebutkan tadi yang sebagainya diulang Yang Berhormat ketika bertanyakan soalan itu. Berkenaan dengan laluan kawasan. Tapi kawasan tersebut tadi ada perkiraan-perkiraan tertentu sebab ia melibatkan laluan Kajang dan juga Ampang dan sebagai contoh Majlis Perbandaran Ampang dan Kajang dan cuma persoalan-persoalan itu akan diambil kira namun saya percaya kalau kertas kerjanya telah siap dan dihantar

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

kepada Jawatankuasa Tetap Pengangkutan. Jawatankuasa Tetap Pengangkutan mempunyai beberapa pilihan-pilihan untuk melaksanakan kalau pertimbangan atau tidak saya sedia pertimbangkan. Terima kasih.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Saya ambil maklum apa yang Y.B. EXCO sebutkan tadi tetapi apa yang disebutkan dari Serdang LRT Serdang ke Hospital Serdang ini jauh beza tempat dia ya. Sebab apa yang saya minta adalah dari Puchong Permai ke Hospital Serdang yang tidak ada perkhidmatan awam di sana dan kawasan Puchong Permai ini terlalu padat penduduk yang berpendapatan rendah. Sebab itu saya kemukakan dalam sidang ini mohon simpati daripada EXCO yang *incharge* lah. Wallahu alam.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Saya menerima simpati itu Yang Berhormat sekalian. Namun simpati harus berdasarkan kepada prinsip-prinsip 4 perkara yang saya sebutkan tadi. Apa yang boleh dijawab oleh pihak Kerajaan Negeri ialah Hospital Serdang dah termasuk dalam jajaran salah satu jajaran itu. Jadi kalau kita pertimbangkan mana-mana jajaran selebihnya ia akan bergantung dengan dan dengan sebagainya dan Inn Shaa Allah tahun ini selepas ini setelah kita menerima kertas kerja – kertas kerja tertentu kita boleh hubungkan daripada Puchong mungkin sampai ke KTM Serdang. Sebab 4 perkara yang sebutkan tadi ya, kepadatan penduduk, laluan yang tidak bercanggah dengan kenderaan ataupun syarikat-syarikat bas lain dan juga yang berkaitan dengan *connectivity* dengan LRT, komuter dan sebagainya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ijok tidak hadir. Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Soalan saya 116.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI (N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : LEBUH RAYA PANTAI BARAT SEMENANJUNG (WCE)

116. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan lebuhraya tersebut?
- b) Nyatakan jumlah aduan yang diterima dari pembinaan lebuhraya tersebut?
- c) Apakah bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam membina lebuhraya tersebut?

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sungai Panjang yang bertanya. Untuk maklum dewan, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pembinaan Lebuh raya Pantai Barat Semenanjung (WCE) ketika ini melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak, kerja tanah, perparitan, pengalihan utiliti, rawatan tanah dan kerja-kerja pembinaan jambatan yang melibatkan pakej-pakej bagi kedua-dua Negeri iaitu di Negeri Selangor dan Negeri Perak. Di samping itu, terdapat juga sebahagian pakej yang masih terlibat dengan proses pengambilan balik tanah dan juga proses reka bentuk. Sehingga tempoh berakhir September 2017, status kemajuan keseluruhan jajaran Lebuh raya WCE di Selangor adalah sebanyak 22.44% berbanding kemajuan kerja yang dirancang sebanyak 31.11%. Perbezaan sebanyak 8.67 %.

Dari sudut aduan yang di terima, WCE melaporkan ada daripada 19 Oktober 2015, sehingga 27 Disember 2016 sebanyak 8 aduan yang saya kira besar yang telah tercatat di sini. Sekiranya Sungai Panjang inginkan secara *detail* saya boleh serahkan kemudian. Dan untuk makluman dewan pembinaan mana-mana lebuh raya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Peranan Kerajaan Negeri adalah mempertimbangkan dan meluluskan proses pengambilan balik tanah berdasarkan cadangan jajaran serta memberikan kelulusan jajaran yang melalui Negeri Selangor. Pelaksanaan dan pemantauan kepada kerja-kerja pembangunan adalah dalam bidang Kerajaan Persekutuan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Terima kasih Yang Berhormat EXCO berapa kali disebutkan tadi ada perbezaan sebanyak 8%. Ada data tak? Kenapa ada perbezaan 8% ini daripada unjuran yang sedia ada dengan sasaran yang ditetapkan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sungai Panjang. Sepertimana yang kita sedia maklum, pembinaan WCE ini dibahagikan kepada 7 Seksyen, Seksyen yang pertama daripada Banting ke SKVE peratusnya adalah 8.88%. Tapi di sana ada saya tidak ada jawapan di sini jawapan berbanding dengan peratusan sebenar seperti mana yang kita maklum ini adalah di bawah bidang kuasa ataupun pemantauan Kerajaan Persekutuan. Untuk Seksyen 2 SKVE - KESAS sebanyak 5.35% dan Seksyen yang 3 KESAS ke NKVE 18.65 % dan Seksyen 4 NKVE ke NNKSB 73.2%, Seksyen 5 NNKSB - Kapar 55.69% dan Seksyen 6 Kapar – Assam Jawa 7.41% dan yang Seksyen 7 masih dalam proses reka bentuk dan memuktamadkan jajaran 0%.

TUAN SPEAKER : Sekinchan

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang berhormat Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO dengan proses pembinaan WCE ini di mana melalui sebahagiannya di Sekinchan pekan Sekinchan di mana telah menimbulkan kacau ganggu dan merosakkan jalan-jalan, utiliti, jalan-jalan di bawah seliaan pekan di bawah seliaan PBT telah menyebabkan keluhan daripada rakyat. Apakah bidang kuasa Kerajaan Negeri boleh masuk untuk mempertahankan supaya kerosakan ini dapat mereka perbaiki untuk kemudahan rakyat. Berikan penjelasan.

Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sekinchan. Seperti mana kita sedia maklum bahawa WCE pembinaannya di bawah Kerajaan Persekutuan dan juga di bawah tanggungjawab syarikat-syarikat yang kontraktor yang telah pun dilantik. Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita menyalurkan, menyalurkan setiap aduan-aduan yang kita terima melalui Yang Berhormat yang berhormat, Pusat Khidmat begitu juga kepada EXCO Kerajaan Negeri untuk dipanjangkan kepada pihak yang berwajib dan di sana juga kita sering kali bangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri bersama untuk mereka mengambil tindakan. Tindakan dan juga pemantauan adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Seri Andalas dulu.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM : Terima kasih Speaker. Ada sekeping tanah, jalan itu yang melalui kawasan Seri Andalas dan ini terlibat dengan pengambilan tanah WCE dengan penduduk-penduduk di dalam kawasan itu lama dia. Apakah statusnya sekarang? Untuk tentukan pampasan itu wajib di bagi kepada penduduk-penduduk dalam kawasan. Walaupun ada sedikit *technicality* yang mereka hadapi dan juga adakah pampasan ini sudah di tetap ataupun penduduk boleh berunding dengan KPTG dan PTG untuk tentukan pampasan dia. Nombor 2 ialah, apakah...

TUAN SPEAKER : Satu sahaja Seri Andalas.

Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Seri Andalas. Berkaitan dengan pengambilan tanah ini dia melalui proses yang biasalah yang ada tawaran berdasarkan tawaran harga semasa sekiranya ada. Ketidaksetujuan boleh dibawa mahkamah dan sebagainya. Walaupun walau bagaimanapun soalan itu adalah spesifik, spesifik yang saya tidak boleh memberikan jawapan khusus kepada kepingan tanah yang dibangkitkan oleh Seri Andalas. Walau bagaimanapun saya akan berusaha untuk mendapatkan maklumat *detail* dan akan serahkan kepada Seri Andalas berkaitan dengan isu yang dibangkitkan secara spesifik tersebut.

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Ya. Rentetan dari soalan Sekinchan saya ingin tanya, bukankan kontrak untuk yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan ini perlu memohon kebenaran daripada PBT dan sekiranya berlaku apa-apa kecelakaan dan kemalangan, mereka perlu membayar pampasan ataupun bon ataupun jaminan mereka perlu di *forfeit* ataupun kelulusan ataupun kelulusan *stakeholder* perlu dikeluarkan terhadap syarikat-syarikat ini. Saya beri satu contoh, tahu lepas Tuan Speaker di kawasan Meru projek yang sama, kontraktor yang sama WCE dan juga lebuh raya pembinaan pantai barat berlaku kemalangan melibatkan kematian sepasang suami isteri, jadi itu berlaku tetapi nampaknya Kerajaan ataupun MPK tidak mempunyai ruang ataupun kuasa undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap kontraktor ini seolah-olah kontraktor ini adalah raja di Malaysia di Selangor dia boleh buat apa sahaja. Jadi saya minta apakah benar Kerajaan ada kuasa ini dan kita perlu gunakan kuasa ini untuk *settle of them, tell them you have to follow the rule ang regulation. This is Selangor not Pahang or Kelantan. Thanks you.*

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Kampung Tunku di atas keprihatinan sudah pasti sekiranya ia berada dalam bidang kuasa atau melalui permit kebenaran daripada PBT di sana *stakeholder* boleh dikeluarkan bila-bila masa sekiranya berlaku pelanggaran ataupun kemalangan. Itu memang dan saya yakin bahawa sepanjang perjalanan ataupun pembinaan pelaksanaan WCE ini ada dikeluarkan kompaun dan juga *stakeholder* sekiranya ada pelanggaran di atas mana-mana syarat.

TUAN SPEAKER : Telok Datok.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG : Terima kasih Tuan Speaker . Soalan saya nombor 117.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG

(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : APLIKASI PARKIR DALAM TALIAN PBT

117. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah pelanggan menggunakan aplikasi parkir dalam talian yang dikendalikan oleh Flexi parking mengikut susuan Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Bandar raya Shah Alam, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya?
- b) Berapakah kos pengurusan dibayar oleh setiap PBT untuk *flexi parking*?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Teluk Datok. Jumlah pelanggan yang menggunakan aplikasi parkir dalam talian dikendalikan oleh *Flexi Parking* bagi empat PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Perbandaran Sepang sebanyak 26,268 orang. Seterusnya jumlah kos pengurusan *Flexi Parking* hanya di Majlis Perbandaran Ampang Jaya berjumlah RM3,995.34 sen. Manakala tiga PBT lain Majlis Bandar raya Shah Alam, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Sepang tidak mempunyai kos pengurusan *Flexi Parking*. Itu sahaja Yang Berhormat Speaker.

TUAN SPEAKER : Soalan 118 telah dijawab bersekali dengan 42. Batu Tiga tidak hadir. Soalan 120 telah dijawab bersekali dengan soalan 27. Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 121.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN NG TIEN CHEE (N27 BALAKONG)

TAJUK : CAJ PARKIR

121. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perbandingan hasil dan kos pengurusan caj parkir termasuk kos mengepos notis tuntutan.
- b) Adakah berbaloi untuk meneruskan caj parkir jika diambil kira segala kos termasuk kos mengeposkan notis tuntutan dan setem?
- c) Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menghapuskan kutipan parkir?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Balakong. Jumlah keseluruhan kos pengurusan caj parkir di PBT-PBT Negeri Selangor sebanyak RM9,433,117.93, manakala jumlah keseluruhan hasil pengurusan pulan sebanyak RM49,550,655,68 sen. Tiga PBT yang masih melaksanakan caj parkir iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Kual Selangor dan Majlis daerah Sabak Bernam. Kerajaan Negeri mendapati kos pengurusan caj parkir masih rendah berbanding dengan jumlah hasil. Justeru itu ia masih berbaloi untuk dilaksanakan. Kerajaan Negeri Selangor tiada cadangan untuk tidak mengenakan caj parkir kenderaan di Selangor buat masa ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY B. HASSAN : Tuan Speaker, Soalan saya No. 122.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN (N23 DUSUN TUA)

TAJUK : MEMBENDUNG CAPAIAN MAKLUMAT NEGATIF DI ALAM MAYA

122. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencegah golongan belia daripada mengakses maklumat siber yang mengandungi unsur-unsur negatif yang boleh memendorong ke arah masalah sosial, seks, ketagihan bahan lucah dan jenayah?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Dusun Tua di atas soalan tersebut. Untuk makluman kuasa untuk mengawal selia akses kepada Internet termasuk akses kepada bahan-bahan negatif seperti yang mendorong ke arah masalah sosial, seks, lucah dan jenayah di kawal oleh SKMM yang terletak di bawah Kerajaan Pusat.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan 123.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

123. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos keseluruhan bagi pengurusan sisa pepejal mengikut Pihak Berkuasa Tempatan dari Tahun 2010 hingga tahun 2016?
- b) Apakah usaha Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengurangkan kos ini?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Kota Anggerik. PBT mula mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada Syarikat Alam Flora pada tahun 2012 dan menguruskan sepenuhnya pada tahun 2013. Anggaran kos keseluruhan pengurusan sisa pepejal mengikut PBT pada tempoh 2013 sehingga 2016 adalah MBSA - 67,741,685.55, MPPJ - 219,238,301.03, MBSJ - 83,220,000.00, MPKJ - 232,553,589.27, MPS - 99,911,375.56, MPK - 91,589,390.16, MPAJ - 61,345,502.58, MP Sepang - 43,723,00.00, MDKS - 43,812,593.20, MDKL - 28,035,900.00, MDSP - 8,980,719.12, MDHS - 33,819,443.20.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Kos pengurusan sisa pepejal di PBT Selangor sukar dikurangkan disebabkan oleh beberapa faktor antaranya, penubuhan bandar yang pesat, penubuhan kawasan perumahan, penambahan bilangan penduduk dan peningkatan kos operasi sejajar dengan penubuhan ekonomi. Walau bagaimanapun langkah-langkah bagi mengurangkan pengurusan sisa pepejal secara tidak langsung boleh dikawal kos pengurusan telah dilaksanakan oleh PBT Selangor seperti:-

1. Menjalankan aktiviti kitar semula dengan menggunakan program 3R bersama komuniti penduduk dan juga di peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan Peringkat Dalaman PBT.
2. Menyediakan Pusat Kitar Semula dan Tong Pengumpulan Bahan Kitar Semula Berpusat serta Kutipan Bahan Kitar Semula secara terus dari penduduk.
3. Program pengkomposan sisa makanan dan kitar semula serta gaya hidup berkarbon rendah.
4. Memastikan konsep 3R diserap di peringkat perancang iaitu permohonan kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan sebagai contohnya Sistem IBS bagi pembinaan bangunan.
5. Mengadakan kempen Ramadhan mampan.
6. Mensyaratkan larangan penggunaan beg plastik di kedai-kedai dan pasar raya.
7. Larangan penggunaan polisterin sebagai bekas makanan di restoran dan pasar dan juga melaksanakan kempen-kempen pengumpulan minyak masak terpakai.

Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya rasa jawapan sukar di kawal tu, sebab saya dapat ada teknologi-teknologi yang boleh digunakan kalau boleh kita menggunakan secara *gradually* kos pengurusan sisa pepejal ni dan sejauh mana dia bersungguh-sungguh dilaksanakan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Kota Anggerik. Memang benar apa yang dikatakan oleh Kota Anggerik tadi kerana beberapa PBT

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

telah memulakan beberapa projek perintis seperti di MBSA, MPPJ telah juga mulakan meletakkan mesin yang terkini untuk melupuskan sampah organik di peringkat pasar supaya sampah organik ini tidak dimasukkan ke dalam land field dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Soalan 124 telah dijawab bersekali dengan soalan 30. Teratai

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 125.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN TIEW WAY KENG (N22 TERATAI)

TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI JALAN 19 TAMAN PUTERA, AMPANG

125. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah dewan ini boleh dibina atas tanah rizab pendidikan?
- b) Bilakah dewan ini boleh dibaikpulih atau diserah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, saya minta tangguhkan soalan 125 kerana jawapannya masih belum disediakan.

TUAN SPEAKER : Tolong segerakan ya, Seri Kembangan. Meru.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Sudah baik dari demam. Soalan No. 126.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN (N42 MERU)

TAJUK : BEKALAN AIR BERSIH DI KAWASAN DUN MERU

126. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan dan keupayaan bekalan air loji kolam di Meru?
- b) Apakah punca utama kekerapan kes gangguan bekalan air selain daripada kes paip pecah di Meru?

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

- c) Apakah perancangan menambah baik bekalan selain program penggantian paip lama di Meru?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Tuan Speaker, terima kasih kepada Meru yang bertanya. Untuk makluman pihak Dewan terdapat dua sumber bekalan air yang utama ke kawasan Meru. Yang pertama dari loji rawatan air Noshaq terdapat satu loji rawatan air di kawasan Meru iaitu loji rawatan air Noshaq. Loji ini mendapat bekalan air mentah dari Empangan Tasik Subang. Loji ini membekalkan air ke kawasan Meru dengan kapasiti pengeluaran semasa sebanyak 15 juta liter sehari melalui pam utama bersaiz 500 mm dari kolam air bersih ke kawasan agihan di Pekan Meru. Yang keduanya dari Kolam Air Lambi. Yang menjadi sumber bekalan air yang utama ke kawasan Meru dengan reka bentuk kapasiti simpanan sebanyak 19 juta liter air. Kolam ini mendapat bekalan dari sumber loji rawatan air Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2 yang mendapat bekalan air mentah dari Sungai Selangor.

Berdasarkan rekod yang diperolehi loji Noshaq membekalkan air untuk kawasan Meru berjumlah 4,430 akaun manakala untuk kolam air Lambi pula membekalkan air sebanyak 28,820 akaun untuk kawasan Kapar dan Meru.

Bekalan air ke kawasan Meru disalurkan dari loji rawatan air Noshamoq dan dari sumber bekalan air dan dari sumber bekalan SSF1 dan SSF2. Terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan gangguan bekalan air di kawasan Meru. Yang pertama, gangguan pengeluaran atau pun pengurangan bekalan air dari loji rawatan air utama yang disebabkan oleh kes pencemaran sumber air mentah atau pengurangan kadar aliran dari sungai. Yang kedua, gangguan bekalan elektrik ke atas pemasangan atau penambahbaikan Rumah Pam Loji Rawatan Air terputus bekalan elektrik dan yang ketiga, kerosakan kepada pepasangan injap kawalan tekanan atau pada pepasangan injap di sepanjang jajaran tersebut sebagai contoh, injap yang jatuh, injap yang tersekat, pecah ataupun bocor. So, perancangan menambahbaikkan bekalan selain daripada program penggantian paip adalah dengan melakukan program pembentukan zon kawalan meter, *district metering zone* (DMZ) ataupun zon pemantauan tekanan, *pressure monitoring zone* (PMZ) dan bagi kawasan yang kritikal dan berada di luar liputan DMZ atau pun PMZ akan dipasang juga injap kawalan tekanan untuk mengurangkan tekanan air ke tahap yang optimum.

Langkah ini akan dapat mengurangkan masalah paip pecah yang disebabkan oleh tekanan air yang tinggi dan keadaan paip air yang uzur. Pengurangan tekanan akan dilakukan tanpa menjaskan bekalan air kepada pengguna.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan 127.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : ENAKMEN PENGURUSAN SISA PEPEJAL SELANGOR

127. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Bilakah Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal akan dilaksanakan?
 - Senaraikan undang-undang kecil dan pelan tindakan pengurusan sisa pepejal yang telah dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sementara menunggu pelaksanaan enakmen ini.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang. Draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor masih dalam proses penelitian secara terperinci oleh Pihak Perundangan kerana proses kelulusan Enakmen tersebut perlu melalui beberapa proses yang lebih ketat. Sehubungan itu, PBT masih menggunakan peruntukan sedia ada iaitu Undang-undang Kecil Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap 2007. Sementara menunggu proses semakan Draf Enakmen tersebut siap sepenuhnya.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah memohon pandangan dan ulasan perundangan untuk menambah baik Undang-undang Kecil yang saya maksudkan tadi dengan memasukkan input-input yang telah dipersetujui semasa penyediaan Draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor. Dan jawapan ini saya telah jawab pada masa penggulungan minggu yang lepas. Sekian.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 128.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

128. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi baik pulih dan penyelenggaraan PPR di Selangor dari tahun 2014 – 2017.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

- b) Nyatakan kategori baik pulih dan penyelenggaraan yang telah dibuat.
- c) Nyatakan lokasi PPR yang menerima manfaat tersebut.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat Pagi. Bismillahirrahmannirahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. atau PHSSB mula mengambil alih kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR Kota Damansara daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya ataupun MBPJ pada 1 Mei 2013. Kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh PHSSB adalah RM13,081,983.40. Seterusnya PHSSB telah mengambil alih kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR Kampung Baharu HICOM daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) pada 1 September 2014.

Kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh PHSSB adalah sebanyak RM5,196,191.66. Kos ini adalah tidak termasuk dengan kerja pembaikan yang dijalankan oleh LPHS.

Manakala PPR Seri Kiambang, Serendah, PHSSB mula mengambil alih pengurusan bangunan tersebut daripada LPHS berkuat kuasa pada 1 Mac 2015. Kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh PHSSB adalah sebanyak RM472,999.50. Kos ini adalah tidak termasuk dengan kerja pembaikan yang dijalankan terus oleh LPHS.

Tentang kategori baik pulih dan penyelenggaraan yang telah dibuat kerja-kerja baik pulih untuk perumahan, Perumahan dan Hartanah Selangor atau PHSSB mula mengambil alih kerja-kerja tersebut penyelenggaraan bangunan PPR Kota Damansara daripada MBPJ seperti yang saya nyatakan tadi adalah pada 2013. Di antara kerja baik pulih yang dijalankan oleh PHSSB adalah seperti berikut iaitu:-

- (a) Membaik pulih dan menaik taraf lif yang sebelum ini hanya satu lif, unit lif sahaja berfungsi di setiap blok dan kerap mengalami kerosakan.
- (b) Membaik pulih *railling* koridor dan tangga yang hilang dan reput.
- (c) Membuat kolaborasi ke atas sistem elektrik.
- (d) Mengecat semula keseluruhan bangunan yang luntur.
- (e) Seterusnya menaik taraf dan membina tempat letak motosikal dan ditambah dengan lampu untuk keselamatan.
- (f) Memasang CCTV.
- (g) Memasang dan menggantikan lampu koridor dan lampu tangga yang hilang dan rosak.
- (h) Memasang dan menggantikan pintu-pintu sistem elektrikal yang rosak.

saya boleh baca tapi benda ni sampai (x). Jadi saya pergi seterusnya.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Seterusnya PHSSB mula mengambil alih kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan di Kampung Bharu HICOM daripada LPHS. Di antara kerja-kerja yang dilakukan adalah membaik pulih dan menaik taraf lif membaik pulih tangki yang bocor. Pemasangan *barrier gate*. Pendawaian semula kabel bumi. Pemasangan CCTV di dalam lif. Saya akan beri jawapan ini in detail sebab ada sampai (m) di situ. Untuk baca tak sempat .

Bagi PPR Seri Kiambang, Serendah PHSSB mula mengambil alih pengurusan bangunan tersebut daripada LPHS berkuat kuasa 1 Mac 2015. Di antara kerja-kerja yang dilakukan adalah membaik pulih tangki dan rumah pam.

- (b) Membaik pulih unit kosong.
- (c) Membaik pulih pondok pengawal.
- (d) Membaik pulih pagar masuk.
- (e) Pembersihan dan menutup pintu dan tingkap bagi unit yang kosong.

Sementara kerja-kerja penyelenggaraan pula, kerja-kerja penyelenggaraan harian bangunan dijalankan oleh PHSSB di ketiga-tiga PPR itu ialah

- (a) Menyelenggara sistem mekanikal dan elektrikal merangkumi lif, genset, pam dan tangki air dan penyelenggaraan lampu kawasan guna sama ataupun *common area*.
- (b) Menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pencucian kawasan guna sama seperti di lobi, laluan koridor, di tangga, longkang dan tempat parkir serta menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput.
- (c) Menjalankan kerja-kerja pengurusan sampah domestik dan pukal.
- (d) Menjalankan kerja-kerja pengurusan keselamatan bangunan

TUAN SPEAKER : Cempaka boleh ringkaskan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Dan seterusnya sampai (g). Saya akan berikan. Nyatakan lokasi PPR yang menerima manfaat iaitu saya telah jawab lah iaitu di Kota Damansara, di PPR HICOM dan PPR Serendah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ni kepada EXCO, Y.B. EXCO, saya nak sedikit penjelasan tadi disebut mengenai dengan kerja-kerja penyelenggaraan di Tasik Kiambang, Serendah dan kos dia lebih kurang

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

RM422,000.00 termasuk kos membaik pulih tangki rumah pam. Jadi tangki rumah pam ni saya difahamkan hampir RM700,000.00, so macam mana ni ada pertelaghanan angka di sini dan tangki rumah pam ini diusahakan oleh KPKT. Boleh bagi sedikit penjelasan?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kita sebenarnya kerja-kerja di Tasik ataupun di Serendah ni kita dah berhentikan kerja-kerja untuk menyelenggara. Bukan menyelenggara, untuk baik pulih oleh kerana sekarang ini pihak KPKT pun minta untuk mengambil alih di Serendah apa ni, di Serendah, di PPR Serendah, jadi sekarang ni

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Maksud saya tu, kos dia tu. Bila dimasukkan sekali dalam penerangan tadi, penjelasannya agak kurang, kabur. Tu jadi nak jelaskan sikit.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ya lah, tapi nanti saya semak balik. Selalunya apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri selalunya lebih murah dan rendah daripada Kerajaan Persekutuan dalam apa-apa yang kita lakukan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Bukan itu yang saya maksudkan Tuan Speaker, saya kena

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Cuma saya nak ceritakan di sini bahawa

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Bukan itu jawapan yang saya ingin. Saya tengok ada pertelaghanan. Ada pertelaghanan jumlah dekat sini. Kalau RM400 ribu *total* kita sepanjang 2015 sedangkan satu benda tangki rumah ni sudah RM700 ribu

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Saya kena semak balik lah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Maknanya angka ini sudah bersalahan

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Saya kena semak balik lah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Jadi maklumat yang diberi kepada Dewan agak mengelirukan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Bukan, masalahnya ini jawapan saya .

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN MAT NAZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ya, ini sekarang saya bagi tahu sebab itu saya mintakan penjelasan sama ada betul ataupun tidak.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Yang Berhormat berikan itu ialah jawapan Yang Berhormat. Jadi saya kena semak balik.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sebab kalau nak teks saya bacakan banyak lagi benda yang tak dibuat. 200 unit tidak diperbaiki

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Bukan 200 unit, 170 unit, sekarang ni masalahnya, masalahnya di situ sekarang ni KPKT berhasrat nak mengambil alih. Boleh tak saya jawab?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Kerja-kerja cat saya ada nampak di buat.

TUAN SPEAKER : Batang Kali. Tanya soalan biar Cempaka jawab.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sekarang ni di PPR di Serendah, KPKT hendak ambil alih, menyatakan hasrat untuk ambil alih. Jadi apa yang kita lakukan bahawa kita dah berhenti kerja-kerja untuk membaik pulih 170 unit. Kita tunggu sampai selesai rundingan ataupun apa-apa di antara kita dan KPKT baru kita boleh mulakan sebarang baik pulih yang tadi tu saya bagi saya punya *figure*, statistik saya. Yang Berhormat bagi statistik Yang Berhormat. Jadi bermakna bahawa kita *check* balik lah, saya semak balik nak *confirm* kan betul atau tidak statistik daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Statistik Batang Kali datang dari jawapan Cempaka atau datang daripada sumber luar?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Cempaka menyatakan RM422 sebab saya yang *handle* rumah tangki ini pembaikan rumah tangki ini. So, harga dia tu saya tahu bila dia bagi harga itu saya kata apa sebab harga yang dia bagi dengan apa yang saya ada berlainan. Tu yang saya nak minta penjelasan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Saya tidak tahu kenapa, saya tak tahu pun dari mana apa ni Yang Berhormat dapat, tak pe lah, saya semak lah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : *I see you. I see you.*

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tak pe lah, saya semak lah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Kerja-kerja ni dimasukkan, penjelasan yang mengelirukan sebab tangki rumah pam.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Bukan penjelasan mengelirukan. Penjelasan saya dah bagi.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Tangki rumah pam ini dimasukkan ke dalam penjelasan tadi. Di dalam penjelasan, penerangan dan bukti-bukti yang dibagi termasuk

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sekarang ni ada kekeliruan, saya bagi satu *figure*, saya bagi satu jumlah, Yang Berhormat bagi satu jumlah jadi kita semaklah yang mana yang betul. Boleh?

TUAN SPEAKER : Pandamaran. Tidak hadir. Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Terima kasih Tuan Pengurus. Soalan saya 130.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)

TAJUK : SKIM SMART SEWA

130. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapa peruntukan yang telah dikeluarkan setakat ini?
- Berapa peserta setakat ini yang terpilih mendapat pembiayaan ini?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Pada Sabak, sehingga hari ini sebanyak 6,861 unit rumah mampu milik dengan kos RM123.14 juta telah pun diproses untuk pemilikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan Syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini. Sehingga kini 220 iaitu sebanyak 26% unit rumah telah disedia untuk disewakan dengan kadar sewa RM550 sebulan hingga RM650 sebulan. Manakala sehingga hujung tahun ini sebanyak 111 unit lagi dijangka akan disiapkan dan sedia disewakan dan manakala bakinya sebanyak 530 unit dijangka dapat disiapkan untuk disewakan mulai tahun 2018 sehingga 2020.

Tuan Speaker, setiap penyewa dijangkakan akan menerima balik sekurang-kurangnya sebanyak RM10 ribu hingga RM12 ribu selepas 5 tahun. Dari itu Kerajaan Negeri dijangkakan akan mengembalikan kepada penyewa sebanyak RM9.5 juta bagi membolehkan keluarga tersebut, keluarga-keluarga yang terlibat untuk memiliki kediaman yang baru. Terima kasih.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

TUAN SPEAKER: Baiklah, saya balik kepada soalan Teratai tadi. Silakan Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Teratai. MPAJ mendapati bangunan ini dibina sebelum tahun 2008 oleh penduduk setempat sebagai balai raya serta diambil alih oleh MPAJ sejak tahun 2009. Pengambil alihan ini adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 15/2008 bertarikh 18 Jun 2008 memutuskan mana-mana bangunan yang dibina di atas rizab Kerajaan atau kawasan lapang diurus tadbir oleh pihak Majlis. Pada masa ini, ia dalam proses pewartaan semula sebagai rizab kemudahan awam. Ketika ini pihak Majlis sedang menyelaraskan pewartaan semula tapak rizab pendidikan kepada kemudahan awam. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, soalan 131.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)

TAJUK: PELABURAN DI SELANGOR BIO BAY

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- Apakah bentuk insentif utama Kerajaan bagi menarik minat pelaburan di Selangor Bio Bay?

TUAN SPEAKER: Batu Caves. Soalan 131.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Yang Berhormat, saya minta masa sebab soalan, jawapan-jawapan yang saya dapat semua berkenaan dengan pengangkutan. Tunggu kejap ya.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Tuan Speaker, boleh saya tanya soalan tambahan untuk soalan yang dijawab?

TUAN SPEAKER: Tak boleh Teratai. Saya sudah ke soalan seterusnya. Baiklah, saya tangguhkan soalan 131 dulu. Soalan 132 telah dijawab bersekali dengan soalan 44. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: INFRASTRUKTUR

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Selangor telah dimaklumkan tentang cadangan jajaran terkini Projek *High Speed Rail* melalui Negeri Selangor?
- b) Apakah Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan tersebut?
- c) Apakah bentuk penyelesaian isu pengambilan tanah penduduk yang terlibat?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker. Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan Dengkil iaitu pada soalan 234. Ahli Yang Berhormat sekalian. Pelaksanaan projek kereta api berkelajuan tinggi ataupun *High Speed Rail* (HSR) Kuala Lumpur ke Singapura yang melibatkan sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor, MMKN Ke 21 Tahun 2016 ataupun pada tarikh 23 Jun 2016 oleh *MyHSR Corporation*. Berdasarkan keputusan MMKN tersebut, yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 22/2016, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan memutuskan bahawa jajaran koridor berkenaan belum dimuktamadkan. *MyHSR* hanya dibenarkan untuk mengemukakan permohonan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi membolehkan kajian tapak dibuat. Pada masa ini, *MyHSR Corporation* masih belum membentangkan hasil kajian kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan selanjutnya. Merujuk kepada pengambilan tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil dan Yang Berhormat Tanjung Sepat, perkara ini hanya akan dapat dilaksanakan setelah lot-lot yang terlibat dengan cadangan jajaran dikenal pasti iaitu setelah pembentangan mengenai hasil kajian dibuat oleh *MyHSR* kepada Kerajaan Negeri Selangor. Antara isu berbangkit yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri ialah berkenaan dengan hentian. Setakat laporan pertama ditunjukkan, tidak ada hentian diletakkan di Negeri Selangor dan laluan-laluan *High Speed Rail* ini dengan izin hanya melalui Negeri Selangor tanpa hentian. Jadi, untuk manfaat rakyat dan masyarakat Negeri Selangor saya kira Kerajaan Negeri mengetengahkan isu ini dan menunggu jajaran kembali yang akan dikemukakan oleh *MyHSR Corporation*. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

TUAN SPEAKER: Saya tak benarkan soalan tambahan untuk Batu Caves kerana Batu Caves menjawab bagi pihak Sungai Pinang ya. Kajang, tidak hadir. Telok Datok.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Tuan Speaker, soalan saya 135.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LOH CHEE HENG (N52 TELOK DATOK)

TAJUK: MEWUJUDKAN SISTEM DINAR DI NEGERI Selangor

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengambil inisiatif melaksanakan sistem dinar emas di dalam urus niaga perdagangan dalam Negeri Selangor supaya membantu peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur dalam dan luar Negeri mengelakkan risiko kerugian di dalam urus niaga mata wang Ringgit Malaysia?

TUAN SPEAKER: Batu Caves. Ada?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Belum dapat lagi Yang Berhormat. Tapi saya dah dapat soalan 131. Boleh saya jawab?

TUAN SPEAKER: Jawab Hulu Kelang dulu.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Ya. Terima kasih. Pihak Kerajaan Negeri tidak memberikan insentif untuk menarik minat pelaburan di Selangor *Bio Bay* kerana insentif-insentif berbentuk kewangan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensi seperti MIDA dan *Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd.* dan lain-lain yang berkaitan dengan industri Bio Teknologi.

Walaupun secara dasarnya tiada insentif atau galakan berbentuk kewangan yang ditawarkan, namun pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenal pasti tapak, menyelaras permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan 136.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK: PENGURUSAN SISA PEPEJAL INDUSTRI

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- Sila nyatakan apakah kaedah pengurusan sisa pepejal industri di semua PBT?
 - Sila nyatakan apakah kaedah pengurusan sisa pepejal industri yang bertoksik dan berbahaya?
 - Sila huraikan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam konteks pengurusan sisa pepejal industri secara holistik?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Sekinchan. PBT mempunyai 2 kaedah dalam pengurusan sisa pepejal industri iaitu :

- Memberikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal melalui kontraktor yang dilantik oleh PBT bagi kawasan pekilang kecil atau ringan atau kawasan komersial seperti sampah-sampah harian atau sisa kantin dengan jadual kutipan sebanyak 5 kali seminggu dan dilupuskan di tapak pelupusan yang dibenarkan oleh PBT.
- Sisa pepejal bagi industri berat atau pasar raya – pasar raya yang besar merangkumi sisa-sisa pukal. PBT telah mensyaratkan kepada pengusaha pemilik lesen untuk melantik kontraktor panel atau kontraktor yang berdaftar dengan PBT dengan menggunakan kos sendiri bagi perkhidmatan tersebut.

Bagi memastikan sisa yang diangkut dibuang dengan selamat ke tapak pelupusan yang dibenarkan, PBT mengenakan syarat wajib kepada setiap kontraktor panel sisa industri untuk menghantar laporan bulanan kepada PBT yang mempunyai bukti penghantaran sampah ataupun *tipping* resit ke tapak pelupusan sebagai salah satu syarat untuk membaharui lesen kutipan sampah. PBT juga mewajibkan pemilik premis menghantar laporan bulanan pembuangan sisa pepejal sebagai bukti pematuhan syarat. Pengurusan sisa industri yang di kategori sebagai sisa berjadual ataupun bahaya oleh Jabatan Alam Sekitar. Pihak PBT telah menetapkan kepada setiap premis industri berlesen untuk melantik kontraktor yang mempunyai lesen daripada Jabatan Alam Sekitar dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh pemilik premis. Kontraktor tersebut hendaklah menguruskan sisa pepejal ataupun pelupusan sisa pembuangan tersebut dengan menghantar sisa tersebut ke Syarikat Kualiti Alam atau syarikat Radicare untuk dilupuskan. Selain itu, bagi tujuan pemantauan syarikat PBT telah, pihak PBT telah mengarahkan setiap premis

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

industri berlesen menghantar laporan pelupusan sisa buangan terjadual secara bulanan. Sisa industri, pengurusan sisa industri khususnya oleh PBT-PBT yang mempunyai pusat-pusat industri ringan atau berat sentiasa komited dalam usaha menambah baik pengurusan sisa pepejal industri. Bagi memastikan sisa-sisa yang dijana oleh industri diurus dengan selamat sehingga ke tapak pelupusan yang dibenarkan. Sehubungan itu, PBT ada membuat perancangan dalam tempoh masa pendek dan panjang. Antaranya, perancang, perancangan-perancangan oleh PBT adalah:

- 1) Perancangan masa pendek. PBT bekerjasama dengan pihak industri kilang secara komited dalam usaha untuk mencari penyelesaian pengguna untuk menguruskan sisa industri dengan berkesan.
- 2) Mendidik pekerja dan pihak pengurusan tertinggi industri atau kilang untuk mengambil aktiviti kitar semula di semua peringkat sektor perkilangan dan industri
- 3) Pihak industri kilang diminta untuk mewujudkan polisi kitar semula sebagai aktiviti yang diperlu amal oleh mereka
- 4) PBT akan memberikan sebagai inisiatif dan perkongsian sesi taklimat, ceramah dan berkaitan dengan 3 R ke kilang-kilang. Lima mewujudkan usaha sama

TUAN SPEAKER: Boleh ringkas, Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ya saya terus ke perancangan masa panjang, satu merancang untuk memperkasakan sisa industri bersepada. Dua merancang untuk menjalankan jadual secara berkala terhadap pengusaha kilang dan kontraktor panel yang dilantik. Ke tiga merancang untuk mengambil alih urusan sisa industri sekiranya mempunyai peruntukan yang mencukupi. Empat menjemput pelabur untuk membuat pelaburan khusus untuk pihak swasta bagi menerokai sistem rawatan atau pelupusan sisa industri yang baru, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Batu Caves untuk soalan Telok Datok tadi.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih pada masa ini pihak Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk melaksanakan sistem Dinar Emas berkenaan kerana sistem ini masih terlalu asing dan kita masih menggunakan sistem komersial sedia ada yang digunakan majoriti daripada negara-negara yang ada di dunia ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Selat kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker, Soalan 137.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK: WABAK MALARIA DAN DENGGI.

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status Malaria di Selangor.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan kelompok pendatang asing tidak menjadi pencetus wabak malaria dan denggi?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Selat Kelang, Tuan Speaker status kes malaria di Negeri Selangor telah dicatatkan sehingga 11 Oktober 2017 adalah sebanyak 87 kes. (b) Aktiviti kawalan malaria adalah di bawah bidang Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor kawalan malaria bertujuan untuk mengurangkan mortaliti dan mobiliti penyakit m\Malaria serta mencegah malaria di kawasan yang bebas daripada penyakit Malaria. Bagi mengelakkan daripada kes kematian yang sama berulang pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mengarahkan semua hospital di Negeri Selangor untuk memantau perkara berikut. Pertama sejarah pergerakan pesakit dalam tempoh satu bulan sama ada baru balik dari hutan atau kawasan terlibat malaria. Ke dua golongan berisiko pembalak, orang asli, pemburu, pelancong atau penduduk yang tinggal berhampiran pinggiran hutan. Yang ketiga mempunyai hubungan terus dengan “*Macaque Monkey*” atau pun monyet berekor panjang kerana monyet ini juga adalah antara pembawa ataupun hos bagi penyakit malaria. Dalam masa yang sama juga semua pengamal perubatan swasta diminta meningkatkan indeks “off species”, jangkitan malaria dan melaksanakan ujian BMFP terhadap kumpulan berisiko yang mana mempunyai sistem demam yang mempunyai kriteria berikut. Pertama warga asing dari negara berisiko malaria seperti Afika, Pakistan, Myanmar, India, Indonesia, Nepal dan lain-lain. Ke dua orang asli dan warga Malaysia yang mempunyai sejarah pergerakan ke kawasan berisiko malaria sama ada di dalam atau di luar negara. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor turut untuk membantu melaksanakan aktiviti pencegahan bagi kes Malaria. Contohnya Majlis Perbandaran Klang yang memantau dan mengadakan zon kuning untuk menempatkan pekerja-pekerja asing yang digajikan oleh pengilang-pengilang supaya tidak menimbulkan kacau ganggu dan kesihatan awam. Di samping itu mesyuarat membincangkan perkara berkaitan pengilang dan pekerja dilaksanakan setiap 4 bulan sekali bersama pemain industri bagi menyelesaikan perkara-perkara berkaitan termasuk demam malaria. Selain itu penyediaan pamflet berbagai-bagai bahasa berkaitan malaria juga telah diedarkan oleh PBT kepada warga asing bagi membolehkan mereka memahami perkara tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, soalan 138.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)

TAJUK: PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DAN TANAH PERSENDIRIAN

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan penguatkuasaan yang dilakukan untuk menyekat pencerobohan ke atas tanah Kerajaan dan tanah persendirian?
- b) Adalah perlu untuk menggubal enakmen baru bagi mendenda dan memenjarakan penceroboh tanah Kerajaan dan tanah persendirian?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Yang Berhormat Seri Andalas ingin mengetahui apakah bentuk tindakan penguatkuasaan yang dilakukan untuk menyekat pencerobohan ke atas tanah Kerajaan dan juga tanah persendirian dan apakah perlu digubal satu enakmen baru bagi menghalang aktiviti pencerobohan ini daripada terus berlaku? Untuk makluman Yang Berhormat sebarang jenis pencerobohan yang dilakukan ke atas tanah Kerajaan akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 125 Kanun Tanah Negara. Antara usaha Kerajaan Negeri bagi menyekat pencerobohan ke atas Kerajaan adalah dengan mendirikan papan tanda tanah Kerajaan sebagai notis awal bahawa menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang sekiranya ada pihak yang menceroboh tanah Kerajaan. Usaha juga menglibatkan penguatkuasaan statik di tapak yang berkenaan, mendirikan dan membina pagar di tanah tersebut selain daripada membina parit di jalan masuk apabila pihak berkuasa ada aktiviti pencerobohan berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat sekiranya berlaku pencerobohan di atas tanah Kerajaan, maka Pentadbir Tanah akan mengeluarkan notis 425 Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun bagi pencerobohan di atas tanah persendirian adalah menjadi tanggungjawab pemilik tanah untuk menjaga tanah yang telah diberi milik pada mereka. Walau bagaimanapun sekiranya berlaku aktiviti di atas tanah persendirian yang boleh mencemarkan alam sekitar atau mengganggu ketenteraman rakyat dan menjelaskan keselamatan rakyat maka Kerajaan Negeri boleh melucut hak tanah yang berkenaan mengikut seksyen 127 sehingga seksyen 129 Kanun Tanah Negara. Berhubung perkara kedua Kerajaan Negeri berpandangan buat masa ini tidak perlu digubal enakmen baru kerana Kanun Tanah Negara telah pun diperkuuhkan dengan membuat pindaan pada tahun 2016 di bawah Akta A 1516 dan bermula pakai mulai Januari 2017 yang mana dengan ke atas penceroboh tanah Kerajaan telah dinaikkan daripada RM10,000.00 kepada

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

RM500,000.00 serta penjara juga telah dipanjangkan tempohnya daripada 2 tahun kepada 5 tahun, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Tuan, Speaker, soalan 139.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK: PELABURAN DI SELANGOR

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan dari blok Asia di Selangor.
- b) Nyatakan jumlah dan jenis pelaburan dari blok dari Negara OIC.
- c) Nyatakan jumlah dan jenis pelaburan dalam negara di Selangor.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih sekali saya mewakili Sungai Pinang, Ahli Yang Berhormat sekalian daripada tahun 2015 sehingga 2017 sebanyak 145 projek perkilangan telah diluluskan di Selangor dengan penglibatan dari pelaburan dari negara-negara blok Asia dengan nilai pelaburan sejumlah RM5,387,532,751 secara mudahnya RM5.4 bilion. Bagi tempoh 2015 hingga 2017 sebanyak 17 projek perkilangan telah diluluskan di Selangor yang melibatkan pelabur-pelabur dari negara-negara OIC dengan nilai pelaburan sejumlah RM308,403,623. Antara industri-industri yang melibatkan penglibatan pelabur-pelaburan dari Negara OIC adalah seperti berikut:- Pembuatan makanan ataupun "*Food Manufacturing, Chemical Products, Petroleum Products dan Textiles*". Bagi tempoh 2015 hingga 2017, MIDA merekodkan nilai pelaburan berjumlah RM17,550,421,629 atau secara mudahnya RM17. 55 bilion dengan 551 projek perkilangan yang telah diluluskan di Negeri Selangor. Pelabur tempatan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai pelaburan berjumlah 55% secara tempat RM9,582,432,557 ataupun 55%. Antara industri-industri yang menjadi tumpuan adalah seperti berikut:- dengan izin, "*Food Manufacturing, Beverages & Tobacco, Textiles Products, Wood Products, Furniture & Fixtures, Paper, Printing & Publishing, Chemical Products, Petroleum Products, Rubber Products, Plastic Products, Non – Metallic Mineral Products, Basic Metal Products, Fabricated Metal Product, Machinery Manufacturing, Electronics & Electricals Products, Transport Equipment dan seterusnya Scientific & Measuring Equipment*", terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Medan, tidak hadir, Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Tuan Speaker, soalan 141.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK: STATUS TANAH BUMI HIJAU GOMBAK

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri berhubung status tanah Kerajaan Negeri di bumi hijau Gombak?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, terima kasih kepada Gombak Setia, tanah bumi hijau terletak di dalam Mukim Setapak Daerah Gombak seluas 119.7 hektar. MMKN 31/2016 yang diadakan pada 21.9.2016 telah disahkan melalui MMKN 32/2016 telah meluluskan secara perizaban di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara di kawasan bumi hijau dan desa angkasa sebagai kawasan pertanian dengan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai pegawai pengawal. Program ini adalah merupakan projek rintis dalam menyelesaikan isu peneroka-peneroka di tanah Kerajaan di bawah Ladang SMART Selangor. Sekarang dalam proses untuk pelantikan pegawai penyenggaraan dan seterusnya nanti akan diwujudkan pelan akui dan nombor lot terkini yang diperolehi daripada JUPEM sebelum proses pewartaan akan disempurnakan.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 142.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK: PENGGUNA PERKHIDMATAN BAS SELANGORKU

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Dalam perancangan khidmat bas ini, kenapa tidak mengambil kira Bestari Jaya dan Pekan Ijok? Harap beri penjelasan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Ijok atas soalan yang dikemukakan saya ingin imbau kembali 4 faktor atau 4 kriteria yang disebutkan tadi untuk laluan yang telah dibangkitkan oleh Ijok iaitu laluan antara Bestari Jaya ke pekan Ijok, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor telah membentangkan dua cadangan iaitu laluan UNISEL, Bestari Jaya, Ijok, Puncak Alam sepanjang 20 kilometer sepanjang tahun 2016 dan laluan stesen bas dan teksi Kuala Selangor, hentian bas dan teksi Bestari Jaya, UNISEL Bestari Jaya sepanjang 35 kilometer pada tahun 2017. Walau bagaimanapun kedua-dua laluan telah dicadangkan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor ini tidak dapat dilaksanakan kerana ia bertentangan

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

dengan faktor pertama yang saya sebut tadi iaitu menempati struktur bas “networking” RIBEN BMR oleh SPAD iaitu laluannya tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan sedia ada kerana pada waktu yang sama Selangor Bus, Wawasan Sutera dan RAPID KL sekali gus adalah merupakan operator sedia ada di laluan-laluan yang telah dibangkitkan tadi. Jadi Kerajaan Negeri tidak boleh melaksanakan program SMART Selangor atau bas SMART Selangor di situ kerana ada operator-operator lain sebagaimana yang telah ditetapkan oleh peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat Negara, terima kasih.

Y.B. Soalan Tambahan boleh.

TUAN SPEAKER: Saya tidak benarkan soalan tambahan kerana ini bukan portfolio Yang Berhormat Batu Caves. Baiklah Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN B IN MOHD ZOHDI: Soalan saya 143.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI

(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK: AKHBAR SELANGOR KINI

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi membiayai akhbar Selangor Kini dari 2014 – 2017?
- b) Senarai secara terperinci syarikat yang menaja akhbar Selangor Kini sekiranya ada?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Yang Berhormat Sungai Panjang ingin mengetahui jumlah perbelanjaan bagi membiayai akhbar Selangor Kini dari 2014 hingga 2017. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah perbelanjaan bagi penerbitan akhbar Selangor Kini sehingga bulan Oktober 2017 adalah sebanyak RM7.05 juta di mana kos percetakan adalah sebanyak RM3.6 juta, kos pengedaran adalah RM1.39 juta dan kos kakitangan adalah RM1.26 juta. Jumlah penerbitan akhbar Selangor Kini edisi Melayu adalah sebanyak 200,000 naskhah setiap minggu, edisi Mandarin sebanyak 70,000 naskhah setiap minggu, edisi Tamil dan Bahasa Inggeris sebanyak 50,000 naskhah sebulan. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2016 adalah RM8.15 juta, untuk tahun 2015 adalah RM5.81 juta dan tahun 2014 adalah sebanyak RM5.34 juta. Tidak ada mana-mana syarikat yang menaja penerbitan akhbar Selangor Kini, terima kasih.

Y.B. TUAN BUDIMAN B IN MOHD ZOHDI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN BUDIMAN B IN MOHD ZOHDI: Kita lihat pada hari ini memang Selangor Kini bertebaran di seluruh Negeri Selangor, saya fikir di masjid, surau, rumah-rumah dan sebagainya. Saya fikir dari satu segi dia memberikan.

TUAN SPEAKER: Soalan.

Y.B. TUAN BUDIMAN B IN MOHD ZOHDI: Soalan saya ialah dia memberikan keterbukaan maklumat kepada mana-mana pihak penjawat awam dan sebagainya tetapi apabila ada beberapa polisi yang keluar bertebaran di Internet menunjukkan pemberhentian langgan Berita Harian, Utusan yang tersebut 2008 ialah penambahbaikan daripada maklumat yang diberikan. Jadi adakah Kerajaan Negeri tidak kah lihat pemberhentian dan penambahbaikan penyambungan ini. Di lihat satu cara sebagai ke tidak kebebasan maklumat yang diberikan.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Sg. Panjang. Saya sudah menjangkakan soalan ini akan dijadikan soalan tambahan. Walaupun ia tidak ada kaitan dengan soalan pokok, Yang Berhormat Tuan Speaker tapi izinkan saya memberikan respons dengan membaca penulisan Editor Kumpulan New Straits Times saudara Mustafa Kamil Mohamed Janor yang berkhidmat dengan NSTP selama 27 tahun dan jawatan terakhir beliau adalah Editor kepada NSTP izinkan saya Tuan Speaker bekas editor Kumpulan New Straits Times NSTP Mustafa Kamil bin Mohamed Janor menempelak Ketua UMNO Tan Sri Anuar Musa yang membidas tindakan Kerajaan Negeri menghentikan lengan akhbar Utusan dan NSTP. Kata beliau Tan Sri Anuar Musa marah kepada MB Selangor kerana Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Pakatan itu berhenti melanggan akhbar-akhbar daripada Kumpulan Utusan dan NSTP. Utusan dan NSTP itu UMNO yang punya buat apa Kerajaan....

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Tuan Speaker, saya minta dia respon, saya minta dia respon, kepada saya respon, respon ini sangat mudah, kalau respon dari jawapan kepada handphone, saya pun boleh, standard.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : izin, izin respon yang jawab,yang jawab ini adalah Editor NSTP

TUAN SPEAKER : Sg Panjang, Sg Panjang, Sg Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Macam mana punya respon yang dia berikan itu sahaja. Sebab pada saya ada kaedah Speaker ini kaedah yang paling mudah, saya minta dia respon, respon baca daripada handphome.

TUAN SPEAKER : Sg Panjang, Sg Panjang, tolong duduk, duduk

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : yang paling mudah saya minta tetapi tidak perlu, saya fikir

TUAN SPEAKER : Sg Panjang, Sg Panjang dengar saya cakap dulu

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Kaedah mudah, pendek sahaja, Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER : Sg Panjang, Sg Panjang dengar saya cakap dulu

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya tahu

TUAN SPEAKER : Sg Panjang duduk, Sg Panjang saya kata duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian apabila tanya soalan tambahan kena tanya dengan hati yang jujur mahu dengar jawapan kalau tanya soalan tapi tak nak dengar jawapan ini, ini yang buat saya marah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Tidak, saya ingat jawapan saya lebih mudah

TUAN SPEAKER : Saya arah, yang penting pihak Kerajaan jawab soalan dia baca handphone atau baca kertas, atau baca screen yang penting jawapan. Saya arahkan Sg Panjang duduk, biar Menteri Besar jawab, habiskan Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ini masalah UMNO dia tak berani dengar fakta. Saya nak sambung Tuan Speaker Utusan dan NSTP itu UMNO yang punya buat apa Kerajaan Selangor nak langgan akhbar yang polisi sidang Pengarahnya semata-mata untuk seterus politik mereka. Ini jawapan Editor NSTP yang dimiliki oleh UMNO. Cuba fikir sejenak macam mana kah akhbar NSTP itu jualan harian sekitar 50,000 naskhah sahaja sehari. Berita Harian sekitar 100,000 sedangkan UMNO ada 3 juta ahli, jika 1/10 sahaja pun dari jumlah Ahli UMNO beli kedua-dua akhbar ini kedua-duanya akan sihat kewangan. Mustafa mempersoalkan sokongan Ahli UMNO terhadap akhbar Utusan dan NSTP jadi eloklah tanya Ahli UMNO dulu kenapa mereka sendiri tidak menyokong akhbar mereka sendiri. Jadi ini la jawapan saya . Kalau Ahli UMNO pun tidak menyokong Utusan Malaysia dan NSTP buat apa Kerajaan Negeri mahu melanggan akhbar yang tidak ada nilai langsung, ini wang Kerajaan, ini wang pembayar cukai tak perlu kita melanggan akhbar yang tidak ada nilai berita langsung yang ada fitnah, yang ada putar-belit, yang ada kecaman yang tidak berdasas, sekarang ini orang Melayu tak baca Utusan Malaysia lagi. Ahli UMNO pun tak melanggan Utusan Malaysia lagi. Memang benar dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, saya mahu rakyat Selangor ada ekses kepada Ilmu yang memberi pencerahan kepada mereka tetapi pencerahan yang saya maksudkan adalah pencerahan yang berasaskan fakta dan ilmu yang baik, bukan fitnah, bukan budaya samseng saya tidak membenarkan mana-mana jabatan dan agensi Kerajaan melanggan akhbar yang tidak ada nilai berita untuk rakyat Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada soalan tambahan? Saya bagi ruang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Soalan tadi saya mudah, adakah tindakan ini merupakan tindakan yang ke belakang? Sebab apabila arahan polisi tahun 2008 ia seolah-olah tidak diikuti jadi polisi itu di peringatkan semula, itu sahaja

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

soalan saya. Kan, kalau dia diperingatkan semula adakah maknanya arahan yang terdahulu itu tidak diikuti atau menunjukkan tidak hormatnya kepada Menteri Besar yang ada pada hari ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sungai Panjang sekali lagi jangan putar belitkan bukanya kita tidak mahu menghormati keputusan 2008 tetapi kita memberi peluang kepada Utusan Malaysia untuk insaf.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya ingat Menteri Besar, Menteri Besar cuma nak

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tetapi

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa silakan jawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, kita dah beri ruang yang akhirnya tidak melihat sekarang ini

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Menteri Besar cuba nak putar-belit. Tadi dia kata ini akhbar yang paling tak okay, kemudian ini dia kata cuma nak bagi peluang.

TUAN SPEAKER : Baiklah Sungai Panjang, Bukit Antarabangsa tak payah jawab sebab kerana Sungai Panjang tak nak dengar jawapan. Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, soalan no. 144.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TINDAKAN PENGUATKUASAAN NO. 18, JALAN UNIVERSITI, PETALING JAYA

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kronologi tindakan Kerajaan terhadap kedai Perodua yang beroperasi tanpa lesen di No. 18, Jalan Universiti?
- b) Mengapakah tindakan tidak dapat diambil untuk menyita barang perniagaan secara berkala?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Bukit Gasing. Majlis Bandar raya Petaling Jaya akan menjalankan tindakan penguatkuasa secara bersepada yang melibatkan aspek pelesenan bangunan perancangan perundungan ke atas permit berkenaan. Berikut merupakan statistik tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Majlis di bawah Undang-undang Kecil

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Pelesenan Trade Perniagaan dan perindustrian MBPJ 2007 dan Undang-undang Kecil Iklan MBPJ 2007 ke atas aktiviti perniagaan tanpa lesen tersebut.

12 kompaun telah diberikan ke atas kepada pemilik premis tersebut. Walau bagaimanapun tindakan penguatkuasaan masih boleh dibuat dengan meneruskan tindakan sitaan dan juga pendakwaan ke Mahkamah, sekian.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya tanya berkenaan dengan kronologi, saya ingin tahu setiap tahun apa tindakan yang diambil, lebih daripada 5 tahun premis ini beroperasi kedai Perodua telah buka di premis banglo jadi ini salah guna tanah atau kesalahan tanah dan juga salah guna dari segi tiada lesen perniagaan. Jadi satu kedai jual kereta Perodua tak boleh buka di suatu rumah banglo dan kita tak boleh membenarkan tabiat ini merebak jadi saya mohon ada tak tindakan ini akan diarahkan ke atas premis?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Bukit Gasing, seperti apa yang dibangunkan 12 kompaun telah dikenakan kepada mereka dan saya akan mengarahkan MBPJ supaya menjalankan sitaan ke atas permit tersebut dengan serta-merta dan juga pendakwaan ke Mahkamah dengan segera, sekian.

TUAN SPEAKER : Soalan 145 telah di jawab bersekali dengan soalan no. 44. Batu Tiga tidak hadir. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan saya 147.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB

(N18 HULU KELANG)

TAJUK : MANFAAT PROGRAM RANGSANGAN KERJAYA RAKYAT SELANGOR (RKRS)

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan untuk melebarkan lagi manfaat daripada program Rancangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) kepada lebih ramai penerima manfaat?

Y.B. TUAN NIK NAJMI NIK AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang program jalinan kerjasama di antara Perangsang Selangor selaku pengajur program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor atau pun (RKRS) bersama Yayasan Hijrah Selangor iaitu Program Pembangunan Usahawan ("Zero to Hero") dengan izin telah membantu memberi peluang kepada peserta-peserta RKRS yang terdiri daripada anak-anak Selangor untuk menjadi usahawan.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Mengambil kira kekangan modal yang dihadapi oleh bekas peserta kursus berikutan keadaan ekonomi semasa, program kerjasama ini dilihat mampu memberi impak yang positif kepada pembangunan usahawan di Negeri ini di mana bakal-bakal usahawan terlebih dahulu dipilih untuk mempersiapkan kemahiran teknikal usahawan dan Insaniah *Softskills* dengan izin di bawah program RKRS tajaan Perangsang Selangor sebelum mereka di bantu dengan suntikan pinjaman modal mikrokredit daripada Yayasan Hijrah untuk memulakan perniagaan.

Bagi tahun 2016 seramai 120 peserta telah dibantu melalui pakej bantuan latihan kemahiran RKRS dan tawaran pinjaman daripada Hijrah. 75% daripada peserta tersebut berjaya membuka perniagaan sendiri manakala bagi tahun 2017 seramai 180 peserta telah dipilih menyertai kursus RKRS dan seterusnya menerima tawaran pinjaman daripada Hijrah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : 75% daripada peserta berjaya membuka perniagaan sendiri. Apakah 3 jenis perniagaan utama daripada mereka yang sudah mulakan perniagaan?

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD : Ah, itu soalan yang spesifik dan saya akan beri secara bertulis kepada Hulu Kelang.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih soalan no. 148.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LEE KEE HIONG (N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : WABAK DENGGI

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kes denggi dan kematian pada tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016 mengikut daerah.
- b) Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya terdapat pemaju yang membina struktur seperti SPAH yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kuala Kubu Baharu soalan Tuan Speaker, soalan a) telah pun saya jawab dalam jawapan yang lepas untuk soalan no. 91, 92 dan 108, jadi saya tidak perlu menjawab untuk a). Saya teruskan kepada jawapan untuk b). Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Kesihatan Negeri Selangor telah membangkitkan isu sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan atau SPA yang telah menjadi tempat pembiakan denggi semasa Mesyuarat tindakan denggi Negeri yang turut terdiri oleh wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pemeriksaan ke atas 6 kawasan perumahan yang telah diduduki dan belum diduduki di Daerah Klang yang mempunyai SPA telah mengenal pasti kerja-kerja pelaksanaan SPA yang tidak sempurna dan tidak mematuhi kriteria yang telah ditetapkan serta kekurangan pemantauan semasa pelaksanaan projek yang akhirnya menyebabkan sistem tersebut menjadi sebahagian daripada punca pembiakan nyamuk aedes. Mesyuarat tindakan denggi di Negeri juga telah meminta agar pihak KPPT meneliti dan memantau semula pelaksanaan dan penguatkuasaan ke atas semua projek-projek yang melibatkan SPA terutama di Negeri Selangor serta memastikan spesifikasi kerja di dalam SPA dipatuhi. Bagi mengelakkan kes denggi daripada meningkat Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor sentiasa memantau pemaju-pemaju yang terlibat di dalam pembinaan terutamanya yang melibatkan SPA agar mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak KPPT. Sekiranya terdapat pemaju yang didapati di tempat pembiakan tindakan penguatkuasaan akan diambil sama ada tindakan penutupan atau tindakan Mahkamah tertakluk kepada arahan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat EXCO adakah Kerajaan Negeri mendapatkan teknologi mahu khusus dari luar negara untuk mengurangkan cara wabak denggi di Selangor ini?

Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI : Soalan Hulu Bernam tidak berkaitan dengan jawapan yang saya berikan dengan soalan yang ada di tangan saya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Melibatkan soalan main wabak denggi sebab itu saya keluarkan soalan ini. Jawab sahajalah.

TUAN SPEAKER : Soalan kena berkaitan dengan soalan pokok yang di tanya oleh Kuala Kubu Baharu. Baiklah jam telah menunjukkan 11.30 pagi maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya sambungan Usul No. 9 Tahun 2017. Usul peruntukan pembangunan 2018.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya mempersilakan Dewan Negeri yang ingin membahaskan Usul ini, ada? Hulu Bernam silakan.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Tuan Speaker, Terima kasih Tuan Speaker saya ingin bersama dalam Perbahasan dalam Jawatankuasa Pembangunan ini pertama dalam PK 2 Kod Projek 02005 Kundangan Awam atau pun Asas Desa Vot 01 muka surat 185 yang mana saya nyatakan bahawa keperluan tiang-tiang lampu yang bermula daripada Kampung Gesir, di kawasan saya, terus kepada Sungai Tengi Selatan, yang mana begitu gelap. Dan yang berlaku beberapa rompakan kecil. Terutama di Bukit Kampung Gesir ke Felda Gedangsa. Saya harapkan, diadakanlah, ditambahlah lampu-lampu jalan ini, supaya sekurang-kurangnya keselamatan penduduk yang lalu di situ terutama di waktu malam dapat dipelihara. Yang keduanya, bagi PK 15, Kod Projek 15005, Vot P01, muka surat 188, mengenai pembangunan rumah. Yang saya bawakan adalah permohonan rumah generasi kedua di Felda, yang mana dalam ucapan bajet, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, menyatakan akan membina sebanyak 136 rumah Gens, Generasi kedua di tapak seluas 17 ekar. Yang ini menjadi satu pertanyaan kerana sebelum ini kita nak bina sebanyak mungkin, rumah generasi kedua kerana bukan 136 orang saja yang perlu. Ramai, hampir 2,000 orang di kawasan itu. Kalau dibina 136, sudah tentu menjadi isu kepada generasi kedua. Yang begitu ramai, ya, dan kenapa hanya 136. Dan soalannya kenapa, yang Kerajaan persekutuan ingin membina rumah generasi kedua ini tidak diluluskan dalam Mesyuarat MMKN pada 12hb, tarikh, yang bertarikh 12.9.2011 tanpa sebarang kenyataan penolakan sebab-sebab pembinaan ini. Kita telah memohon bermula tahun 2010, yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah buat pecah tanah. Tetapi sudah hampir lapan tahun, baru Kerajaan Negeri memikirkan nak bina. Itu pun macam melepaskan batuk di tangga saja. 136 nak bina rumah generasi kedua di kawasan felda, yang mana satu-satunya kawasan di DUN Hulu Bernam. Terima kasih, Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada PK 4, 04500 Daerah Hulu Langat. Saya dapat bahawa peruntukan untuk memasang lampu jalan dan lampu isyarat di Daerah Hulu Langat, hanya diperuntukkan sebanyak RM55,500.00. dan saya rasa ianya satu jumlah yang tidak mencukupi bagi pihak JKR Hulu Langat untuk menjalankan tugas dengan berkesan. Kerana banyak juga lampu jalan dan lampu isyarat di sekitar daerah Hulu Langat yang perlu, perlu, penyelenggaraan. Dan selain itu saya juga merujuk kepada 04508, iaitu menaik taraf jalan-jalan di daerah Hulu Langat. Di mana diperuntukkan RM1,000,000.00. Balakong ingin memohon supaya pihak JKR memberi tumpuan kepada satu-satunya jalan JKR di dalam DUN kawasan Balakong iaitu jalan Balakong yang sepanjang tak sampai satu kilometer, hanya 800 meter. Jalan ini, perlukan penaiktarafan dengan secepat mungkin kerana ia sudah tidak dapat menampung jumlah trafik yang semakin meningkat di kawasan tersebut. Saya

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

berharap pihak JKR boleh melakukan sesuatu lah dalam secepat, masa yang terdekat.

Selain daripada itu, err, saya merujuk kepada errr, JKR juga, 01001, iaitu membaik pulih cerun di seluruh Selangor. Saya meminta jasa baik pihak JKR, untuk mempercepatkan lagi errr, kerja-kerja membaik pulih cerun di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Damai Perdana. Cerun di hadapan sekolah ini telah runtuh. Dan saya telah memanjangkan aduan ini sejak Jun tahun ini, tapi sehingga hari ini saya difahamkan bahawa pihak kementerian belum lagi ada apa-apa, errr, peruntukan untuk membaiki cerun tersebut. Saya berpandangan bahawa ia adalah di kawasan sekolah dan ia sangat bahayalah jika kita tidak membaikinya dengan secepat yang mungkin.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada, Jabatan Agama Islam, mengenai isu masjid Al Ikhlas, Bukit Belimbing yang telah diperuntukkan RM16,000,000.00 untuk pembinaannya,. Saya memohon agar ianya dapat, saya berharaplah pembinaan masjid ini boleh bermula pada tahun ini. Kerana sudah banyak tahun kami nampak peruntukan ini dalam buku bajet. Dan belum lagi ada apa-apa kerja pembinaan. Jadi saya berharap ada apa-apa masalah teknikal dapat diselesaikan dengan secepat yang mungkin. Dan selain daripada itu, saya juga ingin merujuk kepada isu penyelenggaraan surau juga. Di mana tahun lepas, tahun ini, kami memperuntukkan RM500,000.00, tetapi jelas, nyata ianya tidak mencukupi. Dan berharap ia dapat ditingkatkan lagi, ditambahkan lagi. Supaya banyak surau boleh menerima bantuan untuk kerja-kerja pemberkhan infrastruktur dan juga bangunan.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada JPS P13, P13 JPS iaitu mengenai, mengenai penyelenggaraan sungai. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memperuntukkan RM5,000,000.00 untuk kerja-kerja membaiki ataupun membaik pulih Sungai Balak. Walau bagaimanapun saya berasa tibalah masanya juga untuk JPS, untuk melihat pada keadaan Sungai Langat yang juga menjadi salah satu punca kepada banjir kilat yang berlaku di sekitar Pekan Batu 11 dan juga C180 Balakong. Dan akhir sekali saya ingin merujuk P16, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, mengenai pembangunan mampan Negeri Selangor. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya pihak Kerajaan Negeri perlu ataupun jabatan perancangan perlu memberi tumpuan kepada isu-isu tanah untuk kegunaan institusi kebajikan. Maksud saya bukannya pihak Kerajaan memberi tanah kepada mereka, tetapi mewartakan setengah tanah untuk tujuan berkenaan. Saya rasa kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat menghadapi masalah yang sama, iaitu apabila sebuah rumah orang tua ataupun rumah anak yatim terpaksa beroperasi dalam rumah teres ataupun banglo dalam satu taman perumahan. Jiran-jirannya akan membuat aduan kerana mereka mengatakan tempat ini tidak sesuai untuk dijadikan rumah orang atau rumah anak yatim. Dan PBT terpaksa mengambil tindakan. Kerana mereka telah salah guna rumah kediaman untuk tujuan yang berlainan. Jadi bagaimana kita nak

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

selesaikan masalah sedemikian. Jadi saya berpandangan Kerajaan Negeri harus dalam peringkat perancangan, mewartakan sebahagian tanah untuk tujuan-tujuan berkenaan. Supaya pengusaha-pengusaha rumah anak yatim ataupun rumah orang tua, tak lah kira secara yang jenis swasta ataupun yang tidak berbayar, boleh memohon untuk menjalankan kegiatan tersebut di atas tanah yang telah diwartakan tujuan tersebut. Untuk mengurangkan aduan-aduan sedemikian. Jadi itu sahaja daripada Balakong. Sekian, terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Saya bagi Permatang dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih. Assalamualaikum warahmatuhi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Speaker bagi ruang kepada saya untuk dalam perbahasan bajet pembangunan ini. Saya hanya ada dua tiga perkara yang minta respon daripada pihak Kerajaan. Yang pertama, untuk memudahkan perbahasan saya ini, saya akan rujuk terus kepada muka surat tanpa merujuk mana-mana Vot supaya lebih mudahlah. Yang pertama, Tuan Speaker, saya merujuk kepada muka surat 246. Untuk Exco Pertanian lah. Jadi kepada Vot mengenai Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan, ya. Jadi muka surat 246, mengenai peruntukan sebanyak RM2,070,000.00. Jadi saya nak minta kepada Exco supaya, saya tak butiran mengenai TKPM pedaging ini. Sama ada melibatkan semua TKPM yang ada di Negeri Selangor ataupun TKPM-TKPM tertentulah. Supaya kita dapat, minta penjelasan sebenarnya kepada pihak Exco. Dan merujuk kepada TKPM yang ada di kawasan saya sendiri, TKPM yang dipanggil juga sebagai Agrotek. Jadi, saya nak minta sedikit penjelasan kerana kawasan ini ialah kawasan yang menjadi pertikaianlah pada saya istilahnya. Dan saya pun dah beberapa kali saya bentangkan. Kerana penduduk-penduduk ataupun pengusaha-pengusaha di kawasan TKPM ini nampaknya dalam keadaan yang tak tau macam mana nak memajukan pertanian mereka. Sebab status kawasan ini masih lagi tidak digazetkan sebagai TKPM. Sedangkan kita maklum bahawa TKPM ini ialah pembekal utama kepada industri sayur, pemakanan, penternakan di kawasan TKPM Agrotek ini. Jadi saya nak minta kalau boleh diberikan apa status terkini kerana mereka diberikan tahun ke tahun untuk mereka beroperasi di sana. Jadi mereka nak majukan pun mereka rasa, kalau nak buatkan modal, meminjam, modal yang besar. Mereka tak tau apa status. Jadi mereka kena keluar. Bagaimana keadaan. Jadi TKPM ini, saya nak minta kalau boleh dilihatlah. Dan saya berharap dalam kawasan ini, saya mohon kalau boleh Jabatan Pertanian pernah memohon, jabatan pertanian daerah Kuala Selangor pernah memohon untuk digazet sebagai kawasan TKPM, yang ada status TKPM lah. Jadi kalau itu dapatkan gazet itu diberi kepada Agrotek Bestari Jaya ini, maka mudahlah untuk pengusaha-pengusaha ini mengeluarkan modal, mengeluarkan perbelanjaan dan memajukan perniagaan mereka. Dalam keadaan sekarang ini, mereka pun tak tahu di mana kedudukan mereka.

Yang kedua, mengenai sebagai pengumuman yang dibuat Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai penggantian jambatan lama di kampung rantau panjang. Halaman 206. Bagi pihak penduduk, kita alu-alukan, ucap terima kasih di atas pengumuman ini. Apa yang diumumkan. Walaupun tahun lepas kita menunggu-nunggu, diumumkan juga. Jadi nampaknya tahun ini diumum lagi sekali. Mungkin tahun lepas saya tak pasti, barangkali ada masalah-masalah dari segi penyediaan design, barangkali, pengambilan tanah sebagainya lah. Cuma harapan kita di sana ialah nak minta supaya pembinaan ini mungkin akan mengambil masa beberapa tahun, ya. Jambatan yang sedia ada itulah yang paling terdekat untuk penduduk-penduduk di kawasan Estet Sungai Tinggi, Estet Ladang Mary, penduduk di kawasan Bestari Jaya, untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang paling hampir yang mereka duduk sekarang ini ialah Sekolah Rendah Rantau Panjang dan Sekolah Menengah Rantau Panjang. Itu ialah jalan yang paling dekat. Kalau jalan ini, tak ada nanti kalau pembinaan baru dibuat, sekiranya tidak melibatkan kawasan jambatan ini ataupun permukaan tapak yang sama, saya nak minta supaya jambatan ini dikekalkan sementara sehingga pembinaan selesai. Tapi sekiranya jambatan ini digunakan tempat membina jambatan yang baru, saya nak minta supaya ada satu alternatif kepada penduduk. Sebab kalau mereka terpaksa pusing di kawasan yang lebih jauh, akan melibatkan sekitar 20 kilometer. Sudahlah penduduk kawasan ini menghadapi masalah murid ponteng. Saya akui ini memang berlaku kerana, oleh kerana laluan ini agak jauh. Kalau jambatan yang sedia ada itu diroboh. Bina atas yang itu, kena ada satu cara lain. Bagaimana nak pastikan supaya anak-anak sekolah tu boleh pergi ke sekolah melalui jalan yang lebih dekat. Kalau tidak mereka kena pusing lebih kurang sekitar 15 kilometer ke 20 kilometer lah.

Yang ketiga, saya nak merujuk juga kepada pihak JKR ya. JKR Negeri Selangor, halaman 212. 212 projek-projek, 04700 Daerah Kuala Selangor. Saya rasa agak sedikit kecewalah kerana perkara ini pun sudah saya bangkitkan juga beberapa kali. Iaitu mengenai menaik taraf jalan SMK Tiram Jaya dan juga jalan Lintas, ataupun Cross Ban, Blok E ke Blok F. Jadi nampaknya tahun ini masih lagi, tahun depan nampaknya masih RM10.00. jadi masih tidak dapat pembinaannya dibuat. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Exco, bahawa laluan ini sebenarnya laluan yang sangat penting kepada penduduk tempatan. Untuk maklumat bahawa jalan ini bersambung daripada kawasan blok- blok yang lain di Sungai Burung, DUN Sungai Burung. Yang mana di kawasan Sungai Burung, pembinaan dua lorong ataupun boleh berselisih ini telah dibuat, sebelum tahun 2008. Tapi bila sampai saja masuk ke blok E, blok F, blok K dan sebagainya, masih satu lorong. Isunya ialah apabila berlaku penuaian padi. Apabila lori lalu, orang lain tak boleh lalu. Kena satu kena berhenti. Ataupun bila berselisih tak boleh berselisih, satu kereta kena berhenti. Tempat berhenti pun tak ada. Kerana cari kawasan-kawasan kunci-kunci air yang ada kawasan lapang sikit mereka berhenti untuk beri laluan. Masalahnya bila berlaku majlis-majlis hujung minggu ya, ada majlis

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

perkahwinan, majlis-majlis apa-apa juga maka ini menjadikan satu kesesakan yang sangat teruk di sini kawasan ini sebab tiada laluan. Tiada laluan langsung, 1 lorong sahaja untuk 1 laluan, kena beri laluan kepada yang hendak masuk. Dan ini, memang kawasan utama untuk penduduk di kawasan ini. Juga yang di kawasan SMK Sri Tiram Jaya, untuk maklumat Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa lorong ini pun tidak boleh berselisih. Jadi guru-guru, pagi-pagi kejar masa nak masuk, nak *punch card* pukul 7.30. Jadi terpaksa berselisih dengan orang kampung yang hantar anak, maka tidak boleh selisih. Cuma alhamdulillah setakat ini tiada kes-kes terjun paritlah. Tapi memanglah guru-guru merasa amat tertekan, ibu bapa dalam masalah tertekan, kerana lorong ini amat kecil cukup, untuk satu kereta sahaja. Sedangkan saya tengok ada garisan putus mungkin itu di bawah JKR, kalau boleh patutnya ada pertimbanganlah kepada pihak Kerajaan. Saya memang mengharapkan 2 projek ini akan dimasukkan tetapi nampaknya hanya diletakkan RM 10.00. Walau bagaimanapun, saya hendak minta ruang-ruang untuk dalam bentuk tambah dan sebagainya. Kerajaan Negeri kalau boleh bantulah sebab kawasan ini amat diperlukan kerana memang tidak boleh selisih pun. Bila ia cuti sekolah orang balik kampung semuanya, memang menjadi masalah yang cukup besar kepada kawasan dua ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat rujuk muka surat berapa, Yang Berhormat?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya merujuk muka surat 212. 212 kod 04704 dan 04705 mana masih diletakkan RM10.00 lah! Ini memang Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita rasa kawasan sini memang ini kritikal jalan ini dinaiktaraf. Sebab di situ jalan orang ambil padi, di situ jalan orang berkaitan sosial, di situ jalan orang pergi sekolah, hantar anak dan sebagainya. Dan, saya juga merujuk mengenai program Di bawah Kerajaan Negeri mengenai Kerajaan prihatin. Saya hendak minta perkara PK 8 – Kerajaan Prihatin ada diperuntukkan lebih kurang RM2,500,000 ya. Dalam Kerajaan Prihatin ini saya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Muka surat Yang Berhormat?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Muka surat. Saya rujuk terus muka surat di bawah kod Menteri Besar di 84, 184, PK 8. Dalam Kerajaan Prihatin ini saya yakin dan percaya salah satu daripadanya ialah mungkin salah satunya membantu pelajar-pelajar khususnya masyarakat India yang tinggal di kawasan estet. Ini dalam program yang lepas, Kerajaan Prihatin ini mereka diberikan bayaran tambang bas. Itu memang ada diberilah kepada anak-anak pekerja ladang. Tapi masalahnya basnya tiada. Bas tiada di kawasan situ ya. Jadi bila kita bagi bantuan itu sebenarnya untuk ibu bapa, duit minyak ibu bapa sebenarnya. Jadi saya hendak minta kalau boleh dilihat semula pemberian bantuan tambang bas ini mungkin dalam kaedah-kaedah lain, mungkin dalam sara diri kepada keluarga-keluarga yang terlibat. Hari ini pun majoriti sebagai besar di kawasan estet didiami oleh pekerja asing yang diambil oleh majikan daripada Bangladesh, daripada India yang hari ini

memonopoli kawasan ini, jadi saya hendak minta supaya EXCO yang terlibat ini untuk melihat bagaimana perjuangan kita hendak pastikan penduduk-penduduk tempatan juga mendapat peluang pekerjaan yang mana hari ini menjadi isu Kerajaan, syarikat-syarikat peladang-peladang ini lebih berminat ambil pekerja-pekerja asing dan majoriti mereka menguasai, hampir semua kuarters, sebahagian besar kuarters-kuarters di kawasan ladang hari ini didiami oleh pekerja Indonesia, pekerja Bangladesh. Ini kalau boleh saya hendak minta Kerajaan Negeri kalau boleh berbincang dengan majikan-majikan supaya peluang-peluang pekerjaan di estet ini sama ada di peringkat pekerja-pekerja am ataupun pekerja-pekerja apa ini, perkeranian dan sebagainya diberi ruang kepada anak-anak tempatan untuk diberikan peluang kepada apa ini, penduduk tempatan. Dan akhirnya Tuan Speaker saya juga hendak merujuk kepada halaman 184. 184, saya di bawah PK 15 Perumahan dan Hartanah. Yang mana peruntukkan kali ini 49,100,000. Ada pecahan yang dibuat atas jumlah ini. Kalau PK 15, Maaf Tuan Speaker, lambat sikit sebab hari ini tidak bawa teropong, tidak jelas. Perumahan Rumah Selangorku 15005 ini status. Kita sedia maklum hari ini isu perumahan ini merupakan isu, merupakan isu yang dasar di Negeri Selangor khususnya golongan muda, pasangan muda juga golongan-golongan yang meliputi pendapatan rendah ya. Jadi, saya lihat kepada, saya sebenarnya tertunggu-tunggu Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya ada satu bentuk bajet yang besar khusus untuk menangani masalah perumahan di Negeri Selangor. Ini saya nampak barangkali, tidak jelas di sini dasar perumahan ini dan hari ini Perumahan Selangorku ini dipikul sepenuhnya oleh syarikat-syarikat swasta melalui syarat-syarat yang dikenakan sewaktu diberikan kebenaran Merancang. Ini kita hendak tengok supaya sebenarnya bagaimana agensi Kerajaan Negeri sendiri. Kalau dulu zaman sebelum 2008 orang sebut rumah PKNS, di mana-mana pun orang sebut rumah murah PKNS, rumah PKNS, di kawasan perumahan saya pun ada tapi selepas 2008 rumah atas nama PKNS sudah tidak ada dah. Jadi hari ini PKNS saya tengok, saya bukan nak beri teguran tapi saya cuma hendak beri pandangan sahaja. Hari ini pun PKNS nampaknya seperti pemaju swasta. Mereka juga satu contoh di Bandar Baru Kuala Selangor ketika mereka majukan rumah teres 2 tingkat, menjual pada harga RM450,000.00. bukan tidak boleh tapi peranan PKNS itu, asas penubuhan PKNS itu kena dijelaskan. Tujuan dulu, tujuan PKNS adalah menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat yang mana hari ini PKNS tidak beri secara *detail* lah. Sepatutnya tempat mungkin di beberapa tempat tapi mungkin jumlah dan kuantiti yang agak sedikit beberapa ratus unit sahaja. Sedangkan sepatutnya mereka kena memainkan peranan itu. Saya hendak minta juga PMSB, PNSB, Worldwide saya minta supaya Kerajaan Negeri benar-benar atas nama Kerajaan Negeri keluarkan bajet sebab kita ada rizab yang besar. Kita ada rizab yang besar sepatutnya kena fokus. Jumlah ini biarkan PKNS ke hadapan sebagai agensi Kerajaan sebagaimana. Saya bukan hendak buat berbandingan, sebagaimana Kerajaan Persekutuan apabila ia letak sasaran, ada bajet dan ada agensi pelaksana. Kita hendak di Negeri Selangor juga memainkan peranan yang sama ada, sasaran berapa ribu, ada agensi pelaksana dan ada bajet yang disediakan Kerajaan Negeri yang cukup supaya permasalahan

perumahan ini dapat diatasi. Dan kita sedia maklum PKNS banyak mempunyai tanah-tanah yang strategik untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah rakyat di Negeri Selangor ini. Dengan bajet yang ada ini saya tidak nampak *detail* nya jadi diletakkan Rumah Selangorku ini dengan jumlah 46 Juta. Jumlah ini pun nampak besar, 46 Juta dan saya mengharapkan supaya benar-benar Kerajaan Negeri sendiri memikul tanggungjawab, memikul peranan supaya rumah Selangorku ini benar-benar dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri barulah rakyat dapat melihat bagaimana Kerajaan Negeri, dapat melihat bagaimana penyertaan Kerajaan Negeri melalui agensi. Kalau kita letak pemaju swasta dan kita pun telah beberapa kali mendapat kenyataan EXCO Perumahan. Kadang-kadang pemaju swasta ini sedia maklum letakkan sasaran itu ada dimasukkan sebagai contoh meletakkan di kawasan saya sendiri dengan pembinaan hampir lebih 300 lebih ekar, Rumah Selangorku yang digazet 700 unit sampai ke hari ini tiada rumah itu, pembinaan komersial, pembinaan rumah-rumah apa ini sederhana dan kos tinggi sudah selesai.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Projek mana tu Yang Berhormat, sila beritahu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Projek di bawah rumah di bawah Pemaju Gold Page di Pasir Penambang. Sehingga kini 700 Unit itu tidak nampak. Tapak pun tidak dapat dikenal pasti. Jadi rakyat pun tertanya-tanya. Jadi ini sebagai satu contoh sahaja ya Yang Berhormat EXCO. Mungkin ada di kawasan-kawasan lain juga yang mungkin kita hendak seriuslah. Jika kita sudah bagi sasaran kepada pemaju perumahan untuk buat Rumah Selangorku kita ada *balance* kan. Mereka buat untuk yang mahal, untuk subsidi sebagainya dalam masa yang sama kita boleh pastikan sebelum projek berakhir. Projek Rumah Selangorku mesti nampak di mana kesan, di mana perumahan-perumahan sudah dilaksanakan ya, kalau tidak pemaju-pemaju Cuma tinggalkan betul mereka boleh selender balik kawasab tanah yang telah digazetkan itu. Memang Kerajaan Negeri bagi intensif dalam bentuk premium untuk Rumah SelangorKu. Tapi Kadang-kadang itu tidak menjadi satu jaminan kepada pemaju untuk melaksanakan rancangan sosial ini. Jadi rakyat kita hendak rakyat hendakkan rakyat dahagakan kawasan perumahan. Jadi saya hendak minta supaya peranan PKNS, peranan anak-anak syarikat yang terlibat dalam pembangunan ini kita memperkasakan supaya rumah di Selangor ini khususnya untuk golongan ... untuk rakyat yang kurang ada kemampuan ini benar-benar dapat dilaksanakan. Saya yakin jika dilaksanakan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri pasti Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan giat terus KPI nya, pelaksanaannya, bajetnya, ini kalau swasta kadang-kadang macam itu jugalah pandai juga main kelip-kelip. Kelip sana kelip sini, Akhirnya bila sampai masanya rumah yang hendak digazetkan tidak dilaksanakan ataupun hanya sebahagian. Ini menyebabkan kekecewaan kepada rakyat dalam Negeri Selangor. Saya ingin Speaker telah saya bahaskan. Perbahasan saya pada tengah hari, pada pagi ini dan saya harap dapat *response* yang daripada Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahir wabarakatuh.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI: Terima kasih kerana memberi ruang kepada Kota Anggerik. Saya merujuk kepada muka surat 241, 310103 – Rancangan Kerajaan Tempatan. Saya minta Jabatan Perancangan dan Desa kena *form* dalam membuat Rancangan Kerajaan Tempatan sebab dengan berubah-ubah Kerajaan Tempatan ini jadi tidak teratur sebagai contoh Seksyen 13 Shah Alam yang sepatutnya keseluruhan kawasan itu adalah kawasan rekreasi tetapi telah jadi *development* dan menjadikan kawasan Seksyen 13 jadi tidak teratur di Shah Alam. Ada 2 keping tanah di Shah Alam yang diperuntukkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk Polis dan juga kepada Kementerian Pertahanan tapi masalahnya tanah tersebut telah dijual kepada pihak swasta. Jadi tanah tersebut adalah tanah kepentingan awam saya tidak faham kenapa KDN hendak benar menjual tanah. Walhal tanah untuk Polis di Shah Alam ini susah. Setelah Kerajaan Negeri beri peruntukkan untuk Polis, KDN telah jual tanah tersebut. Jadi saya minta Kerajaan Negeri kena *form* dengan Rancangan Tempatan. Pihak swasta boleh beli tanah itu tetapi tanah itu tanah kepentingan awam bukan mudah tanah individu menjadi komersial ataupun mini komersial. Jadi saya cadangkan supaya dengan Polis masih dijaga di tanah tersebut bukan hanya dijadikan pejabat kecil untuk Balai Polis, contohnya kalau buat rumah Selangorku untuk anggota polis khas untuk mereka kerana tanah ini diperuntukkan untuk mereka. Kedua, tanah di Bukit Raja yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan juga dijual. Saya difahamkan ada kepentingan ya berkenaan UMNO Selangor sendiri. Sekarang telah dijual menjadi satu untuk TOYOTA dan sebahagian untuk eko. Saya minta ini untuk kepentingan rakyat dijaga di situ supaya rumah untuk tentera ataupun jabatan lain disediakan di situ. Pemaju menjual tanah tersebut tetapi di Negeri Selangor tiada kepentingan awam dijaga. Keduanya, pada muka surat 245 iaitu pusat ternakan puyuh. Di dalam RMK11 ada diperuntukkan sebanyak RM40 Juta untuk Pusat Penternak Puyuh, dicadangkan Selangor menjadi satu pusat untuk pengeluaran puyuh sebab permintaan di Negeri Selangor adalah tinggi. Dan ketika ini pengeluaran puyuh adalah daripada Negeri lain iaitu Johor dan daripada Negeri Sembilan tetapi saya lihat dalam bajet tahun hadapan tiada peruntukkan disediakan oleh Kerajaan Negeri hendak menuruskan projek ini ataupun hanya sekadar itu sahaja. Saya cadangkan supaya pusat ini diteruskan sebab kena ada pengeluaran unggas juga hendak dibuat tidak hanya ada ayam daging, ayam telur, lembu, kambing tetapi juga satu alternatif sumber protein juga disediakan di Negeri Selangor. Tuan Speaker itulah saja. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul pembangunan. Perkara pertama yang saya ingin bangkitkan pada hari ini adalah PO1 PK16 di mana kita ada banyak projek pembangunan industri air, infrastruktur air seperti HORAS 600, Loji Rawatan Air Semenyih 2 di mana saya lihat projek-projek ini ada kemampuan untuk menjadi 2 purpose (*dengan izin*) di mana selain daripada menjadi infrastruktur air ia boleh jadi tempat rekreasi kerana kolam takungan air yang amat besar dalam ketiga-tiga tempat ini memang cantik pemandangan dia, setelah saya lawat dalam beberapa bulan yang lepas. Saya rasa Kerajaan Negeri haruslah melihat potensi untuk mengembangkan ia sebagai tempat rekreasi dan pelancongan. Memang maklum di Selangor ini kita sangat memerlukan tambahan projek rekreasi di kawasan-kawasan rekreasi. Kalau saya lihat di kawasan saya di atas Bukit Gasing cukup ramai yang hendak pergi untuk mendaki di kawasan hijau pada setiap hujung minggu. Yang kedua yang saya ingin bangkitkan ialah P 01 juga tapi dalam PK 5 ialah TVET untuk di mana kita memperuntukkan RM52 juta. Saya amat bangga dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk agak berani memperuntukkan satu amaun yang cukup besar bagi sesebuah Kerajaan Negeri untuk membangunkan pendidikan Teknikal dan Vokasional. Saya ingin mencadangkan kerana kita akan melaburkan satu amaun yang cukup besar. Kita juga mengujudkan proses pensijilan “*certification*” dengan izin supaya semua graduan kursus-kursus TVET ini mempunyai satu standard dan kita juga boleh menjemput pengamal dalam industri-industri ini untuk mengambil ujian-ujian yang berkenaan supaya kita boleh mewujudkan dalam pelbagai industri TVET ini satu “*level of certification*” jadi semua pengamal memperbaiki “*plumbing*” dengan izin. Mereka mempunyai “*certification*” dan bila kami sebagai penduduk di Negeri Selangor ingin mengupah seseorang untuk kerja-kerja sebegini kami yakin siapa yang kita mengupah ini mempunyai kualiti yang diiktiraf oleh Kerajaan. Jadi satu “*level of certification*” di sini saya lihat satu potensi untuk Selangor mendahului negara-negara lain. Saya juga ingin mengharapkan Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan program “*at friend ship*” dengan izin untuk pelajar-pelajar Tibet ini supaya mereka mempunyai pengalaman kerja sebelum mereka keluar ke lapangan kerja. Cadangan terakhir untuk pelajar-pelajar Tibet saya harap latihan-latihan untuk mereka juga akan memberi latihan kemahiran kewangan, pemasaran dan perundangan basis supaya mereka boleh melakukan “*business*” mereka dengan lebih cekap. Dan mereka boleh menguruskan hasil pendapatan mereka dengan lebih cekap. Isu seterusnya yang saya ingin bawa hari ini ialah P 01 PK 18 Program Skim Usia Emas, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, yang ini adalah skim mesra anak kepada usia emas yang menerima manfaat apabila usia emas meninggal dunia. Saya harap mewakili usia-usia emas di kawasan DUN Bukit Gasing bahawa kita akan memberi skim yang memanfaatkan warga emas semasa mereka masih hidup. Saya ingin mencadangkan satu yayasan mungkin boleh ditubuhkan untuk membuat aktiviti, pelbagai aktiviti bagi golongan warga emas ataupun satu badan yang akan menjaga kebajikan mereka. Jadi perkara ini saya harap akan diberi perhatian kerana kita memang melaburkan wang yang cukup besar, skim Usia Emas saya harap skim ini akan memanfaatkan mereka bila mereka

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

masih hidup. Perkara seterusnya PK 17 juga dalam P 01 berkaitan dengan “Japanese Garden” , saya ingin mohon penerangan daripada Kerajaan Negeri objektif “Japanese Garden” ini di mana satu aman yang cukup besar telah diperuntukkan untuknya. Isu seterusnya dia boleh isu SMART Selangor tetapi isunya untuk perkhidmatan-perkhidmatan kaunter di Negeri Selangor. Saya boleh, saya jangka boleh masuk dalam PK 1 atau PK 11 di mana saya harap pada tahun 2018 ini peruntukan SSTU, peruntukan ICT boleh membangunkan aplikasi-aplikasi internat supaya semua perkhidmatan kaunter boleh dilakukan diatas talian. Buat masa ini, masih lagi terdapat banyak perkhidmatan kaunter di mana pemohon ataupun penduduk kena hadir sendiri ke pejabat Kerajaan untuk memohon perkhidmatan tersebut. Contohnya nak tempah gelanggang badminton, nampaknya agak mudah kalau kita nak tempah gelanggang badminton kita boleh pakai internat, kita boleh pakai “*online banking*”, kredit kad untuk bayar dan saya harap perkara ini boleh dilakukan. Satu lagi contoh ialah lesen anjing, setiap tahun pemilik anjing hendak memperbaharui lesen anjing dia kena pergi ke kaunter dan beratur. Dan ini menyusahkan orang ramai terutama di dalam satu daerah SMART Selangor, saya harap semua perkhidmatan di kaunter juga diberi pilihan supaya dia boleh dilakukan di atas talian di antara melalui aplikasi SMART “*phone*” atau “*website*” tidak kira tetapi ada pilihan “*online option*”. Memang cukup ramai boleh “*booking*” tiket Airasia mereka dah tahu dah nak belanja duit “*online*”, ini akan membawa banyak manfaat. Di bawah kot PK 9 juga di P 01 untuk pengangkutan awam, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sistem TRAM di Petaling Jaya. Saya dimaklumkan sistem TRAM ini sudah ada perbincangan dengan pihak swasta untuk dibangunkan. Saya ingin tanya di sini apakah status Kerajaan Negeri Selangor adakah kita akan meneruskan projek ini untuk kawasan Petaling Jaya. Untuk PK 7 pembangunan generasi muda, saya ingin membawa satu cadangan di mana wang pembangunan ini boleh dimanfaatkan untuk golongan muda iaitu mewujudkan satu “*job center*”, satu pusat pekerjaan di Negeri Selangor atau pun di pun di bandar-bandar di seluruh Negeri Selangor untuk membantu anak muda dalam usaha mereka menjadi pekerjaan. Apakah satu “*job center*”, boleh buat untuk anak muda? Yang pertama dia boleh mendapat bimbingan macam mana hendak menulis surat “*job application letter*” macam mana nak tulis “*resume*” Yang ke dua dia boleh mendapat latihan buat “*practices station in job interview*” terutama dalam pelbagai bidang mungkin cara “*short interview*” ini berlainan di lain sektor. Yang ke tiga saya mencadangkan kita juga membantu mereka dari segi “*grooming*” dengan izin dengan meminjam baju kot tidak ramai anak muda ada baju kot ini pergi untuk “*job interview*” dan saya mendapat ilham daripada idea ini dari Bandar raya Seoul di Korea Selatan. Mereka telah menyediakan beribu-ribu baju kot ini supaya anak muda boleh menyewa, meminjamnya untuk pergi “*job interview*” . Dan kita nak membangunkan anak muda ini mungkin dari segi baju boleh dipinjamkan tetapi juga pentingnya dari segi latihan. Mereka perlu ada satu tempat yang mereka boleh pergi untuk mendapatkan bimbingan untuk mendapat “*one to one*” kaunseling macam mana nak menjawab soalan-soalan dalam temu duga. Macam mana nak menambah baik kekurangan di

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

dalam “resume” mereka supaya mereka adalah lebih baik dan lebih menghadapi pasaran di luar. Dan perkara seterusnya PK 1 di dalam juga P 01 di dalam kandungan penyelidikan pembangunan ekonomi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah jenis penyelidikan yang Kerajaan Negeri akan buat untuk tahun depan berkenaan dengan pembangunan ekonomi. Sedikit lagi perkara yang ingin saya bawa, perkara di jabatan lain P 08 PK 9 untuk tanah terbiar petani, saya rasa ini amat sedihlah di mana pembangunan tanah terbiar ini masih menjadi isu di Negeri Selangor. Apakah hasil dalam dua, tiga tahun yang lepas usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah terbiar untuk tujuan pertanian dan apakah rancangan untuk tahun 2018? Macam mana kita nak mempercepatkan perkara ini di mana memang banyak tanah terbiar ini boleh memberi peluang pekerjaan kepada ramai orang di Negeri Selangor. “*One hand we talk about jobless*” isu dan ramai yang hendak menceburi bidang pertanian mereka tidak ada tanah. Tapi tuan tanah yang ada tanah mungkin kurang sihat dan atau pun tidak minat dan tidak membangunkan tanah. Jadi Kerajaan Negeri harus menjadi satu “*matching agent*” dengan izin macam mana kita nak sambungkan antara mereka yang minat dan untuk menceburi pertanian dengan mereka yang ada tanah tapi tidak minat. Bagaimanakah kita boleh memberi inisiatif supaya tuan tanah ini menyewa tanah kepada mereka yang hendak membangunkan pertanian. Kalau kita tenguk drastik di Filipina tanah itu ada dirampas bila mereka tidak membuat aktiviti pertanian, saya jangka di Selangor, kita tidak akan drastik seperti itulah. Tetapi kita haruslah aktif, kita janganlah pasif membiar sahaja kepada tuan tanah kalau dia minat dia cari penyewa, kalau dia tidak minat tanah itu terbiar jadi saya harap wang yang diperuntukkan itu pembangunan tanah akan membangunkan satu sistem di mana kita memberi inisiatif golongan dengan izin supaya tanah kosong ini boleh disewakan kepada golongan yang berminat untuk membangunkan pertanian. Perkara seterusnya P 12 perkara PK 1 baik pulih cerun ada RM600,000 diperuntukkan saya ingin tanya penjelasan daripada Kerajaan Negeri adakah RM600,000 mencukupi untuk tujuan ini. Perkara seterusnya P 13 PK 2 terdapat banyak projek yang dicadangkan untuk JPS, adakah “*design*” untuk projek-projek ini adalah untuk hujan lebat biasa ataupun hujan lebih yang berapa teruk, apakah “*design*” kriteria yang Kerajaan Negeri berapa mm hujan sehari di mana projek-projek ini dapat menampung. Kalau kita nak buat sesuatu projek baru baik kita buat projek yang dapat menampung hujan yang sangat teruk, yang kita jangka akan datang dalam 50 tahun ataupun 100 tahun yang akan datang. So pelaburan ini tidak katakan “*is long excited*” dengan izin dia bukan buat projek ini 10 tahun ke “*extend*” projek ini lagi sekali. P 14 peruntukan untuk masjid-masjid saya mohon seperti setiap tahun saya bangun untuk meminta sedikit bantuan kewangan diberikan kepada masjid-masjid Bulat di Petaling Jaya. Masjid ini sedang merancang untuk membangunkan satu blok baru, blok sokongan dan permohonan daripada mereka belum mendapat apa-apa maklum balas daripada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya ingin membawa permintaan mereka pada dewan yang mulia ini. Akhir sekali P 16 dalam kepada PK 1 JPPD saya ingin mencadangkan selaras dengan ucapan bajet Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar. Saya ingin mencadangkan JPPD

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

mewujudkan satu “*grand piece master plan*”, kita telah memberi arahan supaya PBT mewujudkan tempat rekreasi yang lebih. Dato’ Menteri Besar telah mengumumkan bahawa 20 juta akan diperuntukkan untuk kawasan hijau dalam bajet Negeri Selangor untuk tahun depan. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk pergi kepada langkah seterusnya. “*grand piece master plan*”, kita dah ada unjuran penduduk untuk Negeri Selangor sehingga tahun 2035 dalam rancangan struktur Negeri Selangor. Dari unjuran tersebut kita dah tahu keperluan kawasan hijau untuk 9 juta penduduk yang akan datang di Negeri Selangor. Dan saya mengharapkan satu “*master plan*”, dibuat untuk mencari ruang di mana kita nak wujudkan kawasan rekreasi ini. Saya ingin memberi contoh Bandar raya Sydney di Australia, mereka mempunyai satu pelan cari di internat dia cari butiran-butiran “*master plan*”, mereka dah kenal pasti di mana mereka nak wujudkan taman awam yang baru. Mereka juga mengenal pasti berapa juta ringgit mereka nak beli tanah di setiap tempat mereka nak wujudkan taman awam yang baru. Kita mengutip premium tanah yang cukup besar setiap tahun, saya harapkan Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan pertamanya membuat pelan dan keduanya melaburkan sebahagian daripada premium tanah hasil daripada pembangunan dan penambahan penduduk di Negeri Selangor supaya kita boleh membeli balik tanah di kawasan yang sesuai untuk membangunkan kawasan hijau yang cukup bagi penambahan penduduk di Negeri Selangor yang akan datang. Supaya “*City in the world in*” Selangor akan terus meningkat dan saya harap bila kita lihat dah “*top ten in city the world*” selalunya Bandar raya Australia, Kanada, Eropah yang mendahului top ten saya harap Negeri Selangor, Bandar raya Petaling Jaya, Shah Alam dan sebagainya boleh mencecah paling kurang pun top 50 Bandar raya “*City in the world*”. Ini adalah cadangan-cadangan dan soalan-soalan saya, sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih Tuan Speaker kerana izinkan saya untuk berbahas berkaitan dengan bajet pembangunan. Yang pertama P 01 PK 6 pembangunan kesihatan mana RM5 juta telah diperuntukkan untuk membasmi denggi dan saya difahamkan terdapat daerah-daerah yang tidak mendapat peruntukan PCO iaitu *Pest Control Operator*, sebagai contohnya adalah Kelang, dan Kuala Langat. Jadi saya memohon kepada bajet ini diagihkan lebih kepada daerah-daerah yang tidak mendapat PCO *Pest Control Operator* daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, saya dimaklumkan hanya 2 daerah yang dilantik PCO oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor iaitu daerah Hulu Langat dan daerah Petaling. Jadi memang kita saya tahu saya faham Kerajaan Negeri mengagihkan sama rata terhadap kepada semua daerah-daerah dalam memperuntukkan bajet untuk PCO tapi saya mohon supaya daerah-daerah yang tidak mendapat bajet daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor seperti saya sebut tadi di Kelang dan Kuala Langat diberikan peruntukkan yang lebih untuk bajet tersebut.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Yang ke-2 adalah P13 Jabatan Pengairan Negeri Selangor iaitu berkaitan dengan insiden ban di Pantai Kelanang telah mengalami telah pecah pada minggu lepas dan ban ini adalah sebenarnya adalah jalan susur sepanjang pantai daripada Pantai Morib ke Pantai Kelanang dan kita tahu kegunaan jalan di ban ini agak terhad agak tidak berfungsi dengan baik tetapi fungsi ban di pantai tersebut di pantai antara Pantai Morib dan Pantai Kelanang adalah fungsi yang amat penting untuk mengelakkan air laut masuk ke dalam kawasan kampung. Jadi pihak Jabatan JPS telah mengambil tindakan dengan membuat kerja-kerja segera untuk memulihkan keadaan tersebut tetapi saya mohon pihak JPS mengambil tindakan yang lebih serius membuat kajian untuk memastikan ban ini dalam keadaan baik yang mana daripada Pantai Morib ke Pantai Kelanang terdapat bahagian –bahagian tertentu khususnya yang berkaitan dengan Pantai Kelanang yang agak kritikal dan perlu penambah baikkan. Ya saya faham, saya tahu sebelum ini telah ada bajet yang diperuntukkan untuk ban tersebut termasuk juga penghalang ombak saya kira bajet 3juta ringgit telah diperuntukkan namun untuk insiden kali ini untuk keadaan kali ini mengharapkan saya mengharapkan perhatian lebih serius.

Yang ke-3 adalah berkaitan Vot P01 PK18 iaitu Pusat Khidmat Krisis Sehenti yang mana kita Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 50,000.00 ringgit untuk program ini saya mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan apakah program-program yang telah kita laksanakan dan kesedaran masyarakat terhadap pusat khidmat ini masih saya kira di peringkat yang sederhana yang ramai lagi yang tidak mengetahui akan kewujudan Pusat Khidmat Krisis Sehenti ini jadi saya mohon pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan dan juga mengambil membuat program-program yang lebih proaktif dan saya mohon untuk penjelasan apakah yang telah kita laksanakan.

Seterusnya adalah P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor PK2 iaitu berkaitan dengan pembinaan jejantas dan juga jalan dan walaupun dalam bajet kali saya lihat tiada bajet yang diperuntukkan oleh JKR kepada Kuala Langat namun daripada program projek-projek jejantas yang telah dilaksanakan di daerah Kuala Langat di Pekan Banting di Teluk Panglima Garang di Jenjarom dan lain-lain saya lihat kegunaan jejantas ini amat terhad dan boleh kata sebahagiannya boleh dikategorikan sebagai gajah putih. Sebagai contoh di Pekan Banting di hadapan Sekolah Chong Hwa yang mana jejantas itu bermotosikal yang kategori yang jejantas yang boleh digunakan oleh motosikal telah mengakibatkan kedai-kedai yang berhampiran daripada pembinaan jejantas tersebut telah mengalami kemerosotan perniagaan dan juga banyak mengalami masalah perniagaan dan juga keadaan di situ agak malap dari sudut perniagaan. Oleh itu, saya memohon pihak JKR membuat kajian terhadap jejantas tersebut sebab saya boleh kata hampir tidak melihat sebarang pergerakan sebab apa kebanyakan ibu bapa mengambil anak mereka di tidak di bahagian hadapan lagi tetapi di pintu bahagian di Jalan Kiambang jadi boleh kata tidak ada penggunaan langsung jejantas tersebut saya mohon pihak

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

JKR membuat kajian dan juga adakah boleh bahagian yang digunakan untuk bermotosikal tersebut dibuka atau pun seumpamanya.

Seterusnya berkaitan dengan walaupun tidak berkaitan dengan bajet saya ingin mohon pihak JKR Jalan Persekutuan Banting Kelang yang begitu jalan yang bertampal-tampal, lampu jalan yang tidak berfungsi, jambatan yang rosak, dan mengakibatkan keadaan ketinggian jambatan kepada jalan begitu berbeza menyebabkan rosak tayar-tayar kenderaan terutamanya motosikal yang begitu berbahaya sekali jadi saya mohon pihak JKR mengambil perhatian yang serius terhadap Jalan Persekutuan tersebut yang saya kira bertambah teruk dari masa ke semasa jalan bertampalnya bukan setakat bertampal di sana sini tetapi bertampal itu bersambung-sambung tampalan tersebut mengakibatkan jalan yang tidak

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Yang Berhormat jalan mana Yang Berhormat

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Jalan Banting Kelang, Jalan Persekutuan Banting Kelang.

Seterusnya perkara ke-5 Peduli Sihat juga P01 saya mohon mencadangkan supaya Kad Peduli Sihat ini juga boleh digunakan di kedai-kedai perkhidmatan farmasi yang mana perkhidmatan farmasi adalah satu perkhidmatan yang profesional dan di kawal selia oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Lembaga Farmasi Malaysia dan sekiranya kad ini boleh digunakan untuk

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Ya Hulu Kelang nak tanya fasal apa

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Sebelum itu kena nyatakan kepentingan kad ada beberapa kepentingan

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Ada kepentingan, Hulu Kelang tanya jika ada kepentingan, mungkin ada kepentingan tapi secara am saya ingat tidak salah untuk saya memberikan menyuarakan pandangan tersebut *Self Medication* macam demam, batuk, selesema sakit kulit, kecederaan ringan boleh digunakan kad untuk di perkhidmatan farmasi sebagai contoh, perbaasan yang lepas masa perbaasan yang sebelum ini saya menyatakan hanya pengadu mengalami demam tapi beliau dia kenakan *charge* sebanyak 60ringgit, maknanya 50ringgit di *charge* kepada kad dan 10ringgit dia tambah lagi kepada pesakit kepada pengguna kad. Jadi kalau bayaran yang boleh dikenakan di perkhidmatan farmasi mungkin hanya sekitar 10 ringgit atau tidak lebih 20 ringgit jadi betul lah penjimatan yang boleh dilakukan sekiranya menggunakan perkhidmatan farmasi untuk kad kesihatan itu cadangan.

Seterusnya no.6 berkaitan dengan P01 PK2 iaitu Pembangunan Luar Bandar dan peranan yang di antara peranan yang penting dalam perkhidmatan dalam

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Pembangunan Luar Bandar ini adalah Ketua Kampung dan saya maklumkan di sini seorang ketua kampung daripada saya telah meninggal dunia moga-moga beliau ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh dan beliau meninggal dunia pada bulan 6 dan telah di *interview* untuk calon-calon yang baru Ketua Kampung Kelanang pada bulan 8 dan sehingga kini belum buat sebarang lantikan dan kita mempunyai masa yang panjang lagi sehingga habis penggal dan saya mengharapkan seorang ketua kampung yang baru dilantik secepat mungkin untuk memastikan segala kelangsungan kerja-kerja pembangunan di luar bandar dan juga kerja-kerja dalam pentadbiran kampung dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan lebih efisien.

Seterusnya yang terakhir adalah berkaitan dengan P01 PK3 Usahawan iaitu Bazar Darul Ehsan di Kanchong Darat yang mana bazar ini telah dibina sekitar 2010 tetapi sehingga sekarang bazar ini tidak dapat berfungsi dengan sepatutnya sewajarnya dan ia menjadi satu projek gajah putih dan juga yang menyebabkan keadaan bangunan tersebut ditumbuhinya lalang dan juga dirosakkan oleh mereka yang telah mencuri segala peralatan dan barang-barang di dalam bazar tersebut. Ya saya tahu saya faham sebelum ini pihak PWB telah berusaha untuk memajukan tempat ini dan akhirnya telah dicuri telah dirosakkan segala peralatan di tempat tersebut. Namun saya ada mencadangkan kepada pihak Exco Usahawan tentang perkara ini tentang bangunan ini untuk kita segera pulihkan dan saya difahamkan telah diberikan kepada usahawan-usahawan Hijrah, Koperasi Usahawan Hijrah kalau tak silap saya namun sehingga sekarang masih tertangguh dan tiada apa-apa tindakan yang sepatutnya. Jadi saya mengharapkan Bazar Darul Ehsan ini atau apa juga nama yang akan diberikan kemudian dapat digunakan dengan sebaik mungkin dapat diatur. Apakah kegunaan yang sebaiknya untuk masa-masa akan datang. Tuan speaker saya mencadangkan terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakuh, Salam Sejahtera terima kasih Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan untuk sama-sama berbahas tentang perbelanjaan pembangunan, terus sahaja saya fokus kepada Vot P13 Jabatan Pengairan dan Saliran, takziah kepada yang ditimpa banjir baru-baru ini hari Jumaat lepas di Dusun Tua. PK1 Pembangunan Projek Tambatan Banjir sungguhpun tambatan banjir telah dilakukan iaitu di Sungai Serai jumlah 6.18juta tetapi ini adalah kali yang ke-2 Dusun Tua menerima bencana banjir ini tahun ini yang pertama pada bulan 6 dan hari Jumaat lepas berlaku juga iaitu di tempat yang sama iaitu di masjid Sungai Serai yang mana di situ kita telah buat beberapa pembangunan tambatan banjir di sana tetapi tidak dapat untuk menyelesaikan masalah ini. Apa yang saya lihat ialah peruntukkan yang sebanyak itu rasanya tidak mencukupi untuk kita menyelesaikan masalah banjir yang berlaku di Dusun Tua ini terutamanya di Sungai Serai ini.

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Apa yang saya harapkan, sama ada pihak JPS, Pejabat Daerah sendiri dan juga pembangunan yang baru ini iaitu EKVE iaitu *Eko Highway* jajaran yang dibuat di melalui Dusun Tua ini kerana di lihat EKVE ini salah satu daripada projek yang menggondolkan bukit-bukit di sana dan ini lah punca yang kita dapati banjir berlaku di Dusun Tua ini banjir lumpur yang masuk ke rumah-rumah dan kita mengharapkan supaya pihak terutamanya PBT mestilah mengambil apa juga bentuk tindakan supaya pihak EKVE ini dapat melaksanakan tanggungjawabnya membuat parit-parit ataupun aliran-aliran air yang tidak masuk ke kampung-kampung dan ke rumah-rumah. Lagi satu yang menjadi punca tambatan banjir ini ialah sungai-sungai di daerah Hulu Langat terutamanya di DUN Dusun Tua ini tidak dapat diselenggarakan sepenuhnya kerana Sungai Langat ini apabila berlaku banjir bulan 6 yang lepas telah diberisihkan tebing-tebingnya tapi tidak didalamkan. Dan lagi sekali saya ucapkan terima kasih kepada pihak JPS terutamanya Jurutera Daerah kerana telah berusaha memohon untuk mendapatkan peruntukan untuk mendalamkan sungai terutama daripada Batu 23 Sungai Lui sampai ke Cheras dan beliau telah maklumkan bahawa peruntukan itu katanya telah diluluskan oleh pihak persekutuan sebanyak 41 juta tetapi akhirnya peruntukan itu dipindahkan pula ke Sepang. Saya tak tau apa sebabnya sedangkan di Hulu Langat ini terutama di Dusun Tua ini memang kerap berlaku banjir yang kadang-kadang kita lihat perkara ini tidak sepatutnya berlaku begitu. Peranan Kerajaan Negeri yang saya harapkan supaya kita mestilah sama-sama untuk melaksanakan juga tanggungjawab ini beri sedikit bantuan ataupun peruntukan daripada JPS, Hulu Langat untuk membersihkan anak-anak sungai yang banyak di Dusun Tua ini. Ada 1 tempat yang saya pergi iaitu di Sungai Gahal, anak sungai di situ hampir 40 tahun, 30 tahun tidak dicuci tidak didalamkan. Dan puncanya ialah apabila airnya banyak, apabila hujan lebat satu jam, dua jam maka sungai itu akan melimpah dan masuk ke rumah-rumah di situ. Dan saya teruskan kepada vot P12...

TIMBALAN SPEAKER : Dengkil minta mencelah.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Minta mencelah, boleh?. Sekejap saja. Berkenaan banjir, sebelum Dusun Tua masuk vot lain.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Boleh, boleh.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Terima kasih. Dusun Tua saya ingin nak tanya pada Dusun Tua pandangan fasal banjir ini. Banjir ini sebenarnya dari Dusun Tua punya air, dari Semenyih punya air, pergi ke Dengkil. Dengkil yang banyak banjir tapi baru-baru ini Yang Berhormat EXCO datang semalam 2 hari lepas ke Dengkil. Banjir di Dengkil ini tidak ramai yang pindah ke tempat pemindahan ada 3 4 keluarga saja. Tapi banyak yang terlibat ini 150 keluarga yang terlibat ini tidak pindah. Bantuan untuk mangsa banjir ini kita bagi kepada orang yang berpindah sahaja. Jadi Dusun Tua setuju tak dengan saya bahwasanya Kerajaan Negeri perlu membantu mangsa-mangsa yang tidak pindah kadang-kadang air pun sampai had pinggang mereka tidak dapat dibantu Kerajaan

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Negeri. Apakah Dusun Tua bersetuju dengan saya dan boleh ke Dusun Tua masukkan ucapan saya ini sebagai sebahagian daripada ucapan Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Saya ingat nak tolong saya. Berhubung dengan bantuan tadi tu Unit Bencana Banjir syarat-syarat yang diterangkan ataupun dimaklumkan pada kita bahawa setiap rumah ataupun mangsa banjir ini dia setahun hanya boleh dibantu hanya sekali sahaja. Iaitu bantuan Unit Bencana Banjir ini hanya setahun sekali sahaja. Tapi saya lihat perkara ini macam baru-baru ni berlaku di Sungai Serai rumah yang terlibat, mangsa yang terlibat sama juga dengan bulan 6 yang lepas. Tapi saya fikir perkara ini tidak sepatutnya macam itu kerana mangsa ini bukannya dia nak banjir itu menimpa mereka tetapi syarat-syarat itu saya rasa boleh dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri kerana mereka ini kadang-kadang tak sempat untuk nak berpindah ke tempat pemindahan macam yang baru lepas ini ada 65 keluarga yang dipindahkan dan mereka itu menerima juga pampasan atau sumbangan yang diberi oleh Unit Bencana Banjir ini. Tapi kalau mereka tak pindah maka mereka tak dapatlah sumbangan atau pampasan ini. Untuk itu saya minta Kerajaan Negeri supaya mempertimbangkan untuk memberi sumbangan kepada mereka ini dan saya juga semalam dimaklumkan hari Sabtu lepas bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak datang Dusun Tua untuk melihat sendiri kesan-kesan banjir itu. Semalam saya tunggu tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak dapat hadir dan tak apalah yang pentingnya kita sama-sama bersimpati dengan mereka yang ditimpa banjir ini supaya kita memberi mereka sedikit bantuan untuk mereka membeli perkakas-perkakas yang rosak apabila banjir berlaku pada hari Jumaat yang lepas. Terima kasih Dengkil.

Saya nak teruskan dengan vot P12 iaitu PK4 iaitu untuk menaiktaraf jalan-jalan. Dan begitu juga banjir yang berlaku ini ada 1 tempat iaitu di depan Petronas Taman Bunga Raya di Batu 14. Jalan itu dah rendah dan bila hujan satu jam dua jam air akan melimpah ke jalan tersebut dan longkang-longkang di tepi itu tidak diganti, dikorek begitu juga culvert di tengah jalan itu tidak diganti lagi dan saya minta supaya pihak JKR Daerah supaya melaksanakan pembaikpulih longkang dan juga culvert ini seberapa segera yang boleh kerana memang setiap kali kalau banjir, kalau hujan lebat tempat itu memang akan jem teruk kerana kereta tidak boleh lalu kerana air naik sehingga 3 kaki di situ. Kerana jalannya dah rendah dan saya minta supaya pihak JKR membuat sesuatu untuk meninggikan balik jalan tersebut. Seterusnya kepada vot P14 iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Saya melihat berhubung dengan masjid ini, ada 2 masjid yang kritikal iaitu di Hulu Langat ini iaitu di tempat saya di Dusun Tua terutama Masjid Sungai Serai. Masjid Sungai Serai ini apabila banjir dah dua kali dah masjid itu dah ganti karpet baru. Tiba-tiba bulan 6 itu hari banjir, sekarang banjir lagi. Kena tukar karpet yang lain pulak kerana masjid itu terlalu rendah. Masjid itu boleh dianggap masjid yang patut berpindah ke tempat lain. Dan sekarang ini masjid itu dah ada tanahnya untuk didirikan masjid baru tetapi pihak Kerajaan, Jabatan Agama Islam tidak dapat membina masjid itu. Saya tak tahu kemungkinan saya agak itu hari Rancangan Malaysia Ke11 dah

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

masuk masjid Sungai Serai ini untuk dibuat masjid baru kerana tapak itu tidak sesuai lagi tapi tidak ada. Saya tengok nama yang ada di situ masjid yang dipilih tak ada nama Sungai Serai dan saya minta Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya masjid di Sungai Serai ini dapat dipindahkan dengan seberapa segera yang boleh kerana kesian kepada jemaah di sana kerana apabila banjir mereka tidak dapat mengerjakan solat di masjid tersebut. Begitu juga dengan masjid Kampung Batu 10 Cheras. Masjid itu sekarang ini telah dihimpit dengan pembangunan yang mana jajaran MRT telah ada di sana dan masjid itu sudah bertambah sempit, tidak ada kawasan lagi. Dan kita minta supaya pihak JAIS mempertimbangkan kalau boleh ambil tanah yang di sebelahnya. Lebih kurang ada dua ekar tanah itu untuk dibesarkan masjid tersebut. Dan yang ketiganya, iaitu vot P08 Jabatan Pertanian. Saya setuju dengan Bukit Gasing tadi berhubung dengan PK9 ini iaitu tanah terbiar. Tanah terbiar ini saya rasa saya tak jemu-jemu. Setiap kali saya sebut fasal pertanian ini saya sebut tanah-tanah yang terbiar ini jangan dibiarkan begitu. Salah satu daripada contoh itu hari saya bagi tahu iaitu dimiliki oleh PKPS Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor yang ada di Semungkis ada berpuluhan ekar tanah di situ tidak dibangunkan sampai dah menjadi hutan tebal. Pokoknya dah 40 tahun, 50 tahun tapi tidak dibangunkan. Apa salahnya tanah-tanah ini diberikan kepada pengusaha-pengusaha yang ingin membangunkan pertanian tersebut. Saya dah sebut dalam dewan ini supaya ambil perhatian dan peserta-peserta ini dah adapun. Anak-anak muda sekarang ini dah tak minat nak bekerja. Mereka suka untuk bertani ini kerana mereka tahu pendapatan untuk bertani ini kadang-kadang lagi banyak daripada mereka makan gaji dengan pihak Kerajaan atau di mana juga. Jadi saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan mempertimbangkan tanah-tanah terbiar ini diberikan kepada siapa juga yang mahu untuk mengusahakan pertanian kontan ataupun apa juga tetapi mestilah syarat-syaratnya itu saya melihat menjadi kekangan yang mereka ini tidak dapat untuk menguruskan ataupun nak memohon tanah tersebut jadi saya minta EXCO yang bertanggungjawab dan Pejabat Daerah memberi satu panduan supaya mereka ini boleh memohon dan mereka berusaha untuk bercucuk tanam di sana. Dan saya telah menulis surat kepada PKPS untuk memohon tanah tersebut dan PKPS berjanji akan melepaskan ataupun memberi syarat iaitu tanah itu boleh diusahakan tetapi kena bayar sewa. Satu bulan RM60 satu ekar. Jadi kita minta Kerajaan mempertimbangkan ini supaya kalau boleh tanah-tanah tersebut kita berikan kepada siapa juga yang ingin mengusahakan tanah itu untuk dibangunkan menjadikan tanaman-tanaman kontan. Saya nak merujuk kepada P01 iaitu Jabatan Orang Asli. Sungguhpun bajet baru ini Kerajaan Negeri tidak memberi one off peruntukan kepada Batin-Batin di Jabatan Orang Asli seperti mana Kerajaan persekutuan panggil Batin-Batin datang ke Parlimen dan mengatakan Batin pun dapat RM1500 kot diberi. Kerajaan Negeri Selangor tidak memberi peruntukan kepada Batin-Batin ni tetapi kita prihatin dan kita perjuangkan juga hak-hak orang asli ini terutamanya di DUN Dusun Tua ini kerana masih lagi banyak kampung orang asli ini yang tidak dapat dibangunkan kerana pihak JAKOA tidak membenarkan kita campur tangan dalam urusan mereka. Tapi kadang-kadang mereka datang pejabat kita minta bantuan itu, minta bantuan ini. Saya tak ada

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

masalah. Saya beri kepada mereka itu. Yang pertamanya iaitu tanah orang asli di Perdig Seberang. Tanah itu telah disewakan kepada penduduk setempat. Setahun RM50 disewakan. Jadi kadang-kadang saya tanya penduduk di situ dah berapa lama sewa tanah orang asli ini. Jadi saya minta pihak Kerajaan untuk mempertimbangkan apakah syarat-syaratnya, bolehkah tanah orang asli itu disewakan kepada penduduk dan mereka duduk di situ hampir 60 tahun. Tidak bolehkah kita tukar titlenya ataupun tukar tempatnya di situ kita wartakan ataupun berikan kepada penduduk-penduduk yang menyewa itu. Dan hak orang asli itu kita pindahkan di tempat lain. Jadi saya minta pertimbangan ini dari Kerajaan Negeri Selangor supaya penyewa-penyewa di situ dapat selesa duduk di situ dan tanah itu kalau boleh dipertimbangkan diberikan kepada mereka. Terima kasih Tuan Speaker, saya dibenarkan untuk ambil bahagian dalam perbahasan perbelanjaan pembangunan ini.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Terima kasih Tuan Speaker. Berbaki lima belas minit yang ada ini Insyaallah saya akan habiskan beberapa perkara yang akan saya kemukakan berkaitan dengan usul Bajet Peruntukan Pembangunan 2018. Pertama saya pergi ke Jabatan Pertanian. Memang saya minat pertanian. Muka surat 197 PK2 Kod Projek PK2020001 Tanam Semula Kelapa. Tuan Speaker, dah nak akhir tahun ini saya rasa di peringkat awal saya masuk ke dalam Dewan Negeri ini saya memang perjuangkan tentang kelapa ini. Kerana saya sangat dekat dengan mereka. Masalah selalu timbul ramai nak mengusahakan tanaman kelapa. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah ketiadaan benih yang disukai ialah matag. Matag ini pula sukar hendak diperolehi sekarang ini. Ini masalah yang ada depan kita. Banyak kali saya timbulkan perkara ini dan saya telah nyatakan bahawa ada pilihan lain kenapa tidak diambil oleh pihak Kerajaan Negeri atau Jabatan itu sendiri menggunakan apa yang ada di hadapan mata kita. Bila diajukan untuk kelapa pandan, orang tak berapa minat ya. Yang minat matag, jadi matag dah tak ada, pilihan yang ada saya telah nyatakan dalam Dewan Negeri ini dalam persidangan sebelum-sebelum ini. Kita ada barang ini, ya benih anak kelapa ini ada depan kita yang dikeluarkan atas muka bumi Selangor ini sendiri. Kalau ikut matag sukar diperolehi tapi kenapa pekebun-pekebun kelapa peminat-peminat tetap tanam kelapa ini daripada Kedah, Perak, Pahang, Melaka, Johor datang ke tempat kita. Mengambil benih yang ada yang tersedia ada yang tidak kita guna pakai. Sekarang ini saya dimaklumkan ada 5,000 keperluan anak benih dari kebun kelapa di daerah Sabak Bernam, di Sepang dan juga di Kuala Selangor. Jadi saya pernah mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini penggunaan benih yang ada di Tanjung Karang, di Sungai Gulang-Gulang yang kita panggil SGG. Kenapakah orang luar hendak benih itu? Kenapakah kita tak hendak pakai? Ini persoalannya. Kita tahu orang luar juga dari Negeri Selangor pun perlukan juga benih kelapa untuk mereka menanam kelapa. Bila dah tak ada pilihan matag, maka mereka cari pilihan lain, ada di Selangor. Kalau perkara ini benih ini lebih kurang sama macam matag

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

dan mudah. Dia gugur biarkan dia tumbuh terus tanam balik asal kepada pokok SGG tak payah diproses nak itulah nak inilah, tak payah. Yang ini ada pada benih SGG, jadi saya minta kepada Kerajaan Negeri buatlah satu keputusan bagi membolehkan pekebun-pekebun kelapa yang mana dilihat dari sekarang ini satu industri yang baik kelapa ini sekarang. Jadi tak boleh ke, tak payahlah kalau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pakai *variety* ini dan ada *variety-variety* yang baru yang akan diperkenalkan saya sendiri pun tak tahu lagi macam mana, yang ada depan mata kita boleh atau tidak kita gunakan benih SGG ini. Ini cukup pada saya kalau kita dapat gunakan amalan pertanian yang baik, dia dapat hasil sama lebih kurang macam matag, melebihi 20 biji 1 tandan. Jadi saya minta kepada Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian berpakat-pakatlah elok-elok, benih ini di depan mata kita, orang luar Selangor yang datang ambil. Hari-hari datang ambil sampaikan tak cukup benih pula sekarang. Ini kalau Kerajaan Negeri dah putuskan nak pakai *blink arrow* ya tak keluar benih tak keluar lagi, sudah satu lagi masalah lagi pada kita ya. Jadi mintalah dipertimbangkan supaya benih ini dapat diguna pakai, benih SGG yang ada di hadapan mata kita. Itulah sebahagian yang pertama yang saya mohon pada Kerajaan Negeri melalui Exco yang berkenaan berpakat-pakatlah dengan Jabatan Pertanian supaya dapat menggunakan peruntukan RM785,000.00 yang diperuntukkan 2018 ini menggunakan benih atau pun daripada SGG ini.

Yang kedua saya beralih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran PK3 Kod 03004 Pembinaan Perangkap Sampah atau pun long bom bagi daerah yang telah diperuntukkan 2018 RM1 juta. Sekali lagi Tuan Speaker pernah beberapa kali saya mengutarakan soalan-soalan ke Dewan ini berkaitan dengan sampah yang ada di Sungai Selangor. Kadang-kadang persoalan saya pertanyaan ialah daripada Sungai Rambai ke Kuala Selangor. Jawapan yang saya terima sudah sedia ada perangkap sampah di Batang Berjuntai. Saya tak hendak di Batang Berjuntai, saya hendak daripada Sg Rambai menghala ke Kuala Selangor. Jadi perkara ini banyak kali saya nyatakan bahawa perkara ini mengaibkan sekiranya air pasang besar waktu siang. Kalau ada pelancong-pelancong datang tapi saya yang ini pelancong datang ke Kg. Kuantan, Kg. Kelip-kelip pada waktu malam. Jadi kalau air pasang besar, dia tak nampak benda ini tapi kalau waktu siang, kalau kita duduk di keliling muara jeti itu kita akan malu sendiri tengok begitu banyak sampah dalam sungai itu. Maka dengan ada peruntukan ini Tuan Speaker, saya berharaplah supaya melalui peruntukan ini dapatlah dibuatkan perangkap sampah daripada Sungai Rambai menghala ke Kuala Selangor. Tapi yang saya nyatakan sebelum-sebelum ini sampah ini tidak akan sampai ke jambatan Kuala Selangor. Memang orang tak perasan tapi kalau kita berada di Kg. Kuantan, di Kg. Sepakat kita akan nampak sampah ini. Jadi mintalah disediakan dibuatkan perangkap seperti ketika dulu Majlis Daerah Kuala Selangor pernah buat perangkap sampah ini untuk mengeluarkan sampah-sampah yang begitu banyak di dalam Sungai Selangor ini. Saya berharaplah dengan peruntukan yang ada kali ini menjelang 2018 ini apa yang saya

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

telah suarakan sebelum-sebelum ini dan hari ini supaya dapat menjadi kenyataanlah. Jadi itu berkaitan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran berkaitan dengan kod PK3.

Kemudian saya beralih juga kepada Pembangunan Lembangan Sungai juga termasuklah dalam perkara ini kod 03002 ya benteng atau pun ban. Dalam kawasan saya terdapat di sepanjang Sungai Selangor itu ada ban yang telah pun rebah pada tahun yang lepas. Telah juga dibaiki dengan segera dibaiki oleh pihak JPS, maka bertahannya tidaklah lama. Baru-baru ini pecah balik di situ, rebah lagi tempat yang sama ya. Maka tindakan pun diambil permohonan segera pun dimohon kepada Kerajaan Negeri ialah saya dengar sudah ada peruntukannya maka akan diadakan semoga akan dibaikilah kawasan yang berkenaan iaitu di belakang. Kalau kita pergi, kalau betul-betul kita faham kedudukan tempat itu kalau berlakulah sesuatu perkara yang di luar dugaan kita Tuan Speaker, sebelahnya ialah taman perumahan ya. Di belakang Taman Kuala Selangor Utama Fasa 5. Jadi apa yang saya bimbangkan Tuan Speaker, kalau perkara ini tidak dilakukan kajian sebaik-baiknya saya dapat lihatkan apa yang akan dibina semula dibaiki semula dengan peruntukan yang sudah diluluskan saya dengar, saya bimbang mungkin untuk jangka pendek juga. Jadi saya mintalah Kerajaan Negeri supaya benteng atau pun ban dari depan bermula dari depan kompleks IADA Barat Laut Selangor, terus berjalan menghala ke Kg. Kuantan Kuala Selangor, bukan Kg. Kuantan Klang, Kg. Kuantan Kuala Selangor supaya dapat dilihat dibuatkan kajian untuk jangka panjang. Kerana keadaan-keadaan yang ada pada hari ini kita pelik, satu ketika tahun lepas tak ada siapa sangka bahawa di Kg. Kuantan atau dengan kata khasnya lagi di Kg. Tanjung Baharu, berlaku banjir. Air pasang besar di laut air tinggi, tiba-tiba dia banjir melimpahi jalan raya. Semua orang terkejut tak pernah berlaku. Jadi ini perkara yang perlu kita tengok, perkara-perkara yang perlu kita kaji bahawa dari depan Kompleks Barat Laut itu menghala ke Kg. Kuantan itu dilihat bagaimana keadaan ban atau benteng yang ada itu kekuatannya untuk jangka panjang. Kadang-kadang kita banyak perkara yang kita ambil ini jangka pendek-pendek tapi kita kena buat kajianlah jangka panjang bagi menyenangkan keadaan fenomena cuaca yang berlaku dalam dunia hari ini kita pun tak sangka, tak pernah banjir tiba-tiba banjir. Itulah perkara yang perlu kita ambil berat tentang perkara ini, Tuan Speaker.

Begini juga satu perkara berkaitan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran ini juga saya minta supaya dipertimbangkan yang mana Yang Berhormat Taman Templer bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pernah meninjau satu jeti nelayan di Kg. Assam Jawa. Jeti itu bahawasanya disiapkan oleh pihak Tentera Udara Diraja Malaysia kerana balasan kepada budi baik nelayan-nelayan berkenaan menolong mereka menarik bangkai pesawat yang jatuh di sana ketika itu. Maka pihak TUDM mengeluarkan belanja membuat jeti baharu untuk mereka. Persoalan yang ada di sini yang mana Yang Berhormat Taman Templer dilihat ialah bahawa ban yang ada di situ dah pecah. Dan pihak-pihak nelayan mahukan bahawa benda itu supaya dijadikan kalau boleh, dijadikan sebuah pintu kawalan air

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

atau pun kunci airlah bagi membolehkan jeti itu terus aktif dan satu lagi membolehkan air-air yang bertakung di hujung-hujung tahun seperti in, bulan 12 kena berjaga-jagalah. Bila hujan yang berlebihan, air laut tinggi maka air akan bertakung dan menyebabkan tanaman-tanaman kontan seperti serai habis di kawasan-kawasan berkenaan dan termasuk air itu juga akan masuk ke rumah-rumah penduduk yang ada di sana. Jadi mungkin dengan ada pembinaan pintu air kawalan, air yang baru ini atau pun kunci air ini akan memudahkan, membolehkan dengan segera apabila air bertakung. Apabila air surut boleh dibuka dan membantu 2 kunci air lagi kana dan kiri Tanjung Keramat dan Sg. Buloh, Jeram membantu mengeluarkan air itu dengan seberapa segera ke laut dan mengurangkan takungan air yang berada di dalam kebun-kebun. Ini harapan saya supaya dapat dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Perkara seterusnya Tuan Speaker, ada 5 minit lagi JKR, Jakiran, JKR. PK4 Kod 04703, Menaik taraf Jalan. Saya berdiri di sini bermula dari tahun 2013 akhir tahun apabila pembentangan bajet, saya tengok dan juga saya tahu berkaitan dengan menaik taraf laluan B33 dari persimpangan Telok Piah ke Batang Berjuntai. Saya tak nak panggil Bestari Jaya, saya panggil Batang Berjuntai. Batang Berjuntai sejarah bukan senang-senang Batang Berjuntai ya. Jadi saya lihat masih lagi tahun hadapan RM10.00 lah lagi. RM10.00 lah lagi, lagi sebenarnya sebelum 2013 saya berada di sini saya tahu benda ini sudah diambil tindakan sebelum ini untuk membuat kajian untuk lebarkan jalan, menaik taraf. Maka daripada setahun ke setahun masih RM10.00. Jadi bertanyalah saya di sini, agak-agaknya terus sampai tahun bila ya, agak-agak dian nak naik taraf jalannya diperuntukkan dalam tahun yang berkenaan bagi membolehkan kerja-kerja ini dimulakan, kerja-kerja menaik taraf. Ini pertanyaan sayalah, daripada pihak Kerajaan Negeri. Jadi dalam perkara ini bila sebut jalan ini Tuan Speaker, saya kadang-kadang bila sebut JKR ini, Jakiran, risau saya Tuan Speaker. Dia kaitkan dengan saya ya, Sungai Burong saya dengar bercakap, Ijok bercakap tentang jalan itu, jalan sanggah. Itu berleluasa, saya juga tahu banyak jalan-jalan yang lain yang laluan saya. Persoalannya pada hari ini kenapa jalan-jalan yang selepas di selenggara selepas diturap semula, cepat pecah. Ini persoalannya, ia kita tahu jalan itu tidak ada papan tanda had muatan kerana jalan itu kekuatan jalannya 5 tan, 5 tanlah, kalau 8 tan, 8 tanlah. Sepatutnya menampal papan tanda ini kena pasang memaklumkan kepada pengguna jalan raya bahawa kekuatan jalan itu ialah 8 tan contohnya. Tapi apakan daya kenderaan sekarang ini kalau dulu setakat 6 tayar saja depan ada 2 belakang ada 2, 4 6 sekarang ini sudah puluh pun ada tayar-tayar kenderaan sekarang. Jadi laluan itu dah berat maka jalan yang dibuat ini bukan saja nak menunggu tak berganti tahun, berganti bulan saja dah pecah semula. Jadi perlulah pihak JKR mengambil tindakan bahawa jalan-jalan yang diselenggarakan atau dibuat turap semula perlulah dinaikkan papan tanda dan mintalah mereka yang berkuasa mengambil tindakan ke atas kenderaan-kenderaan yang melalui jalan berkenaan yang di luar daripada had muatan yang dibenarkan. Mungkin dengan keadaan itu, mungkin boleh tahan lama sikitlah jalan itu, ah itu dia. Jadi kita berharaplah supaya papan tanda dipaparkan di

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

situ dan pihak yang berkuasa yang boleh menjalankan penguatkuasaannya undang-undang dapat mengambil tindakan.

Berkaitan dengan jalan ini juga Tuan Speaker, saya lihat banyak jalan-jalan yang sekarang ini diturap semula cantik tak kisahlah peruntukan MARRIS ke peruntukan Kerajaan Negeri tapi kenapa bahu jalannya, bahu jalannya tidak secantik seperti jalan yang baharu lepas diturap, ini persoalan. Saya dapat lihat bahawa kadangkala bahu jalan itu rendah. Bila rendah kita faham apa akan berlaku sekiranya tayar kenderaan kita termasuk ke bahu jalan atau pun tayar motosikal itu termasuk ke jatuh ke bawah, apa agak-agak akan berlaku. Ini bayangan yang kita boleh lihat ya, jadi perkara ini perlu dibayangkan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, jalan yang mana Yang Berhormat?

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Banyak, jalan saya tengok di Jalan Permatang Tengah, Jalan Tanah Rancangan Api-api, Jalan Bukit Rotan ke Kg. Kuantan. Semua saya nampak apa yang berlaku, tanah yang diletakkan kadang-kadang untuk bahu jalan tanah yang bukan gred dia. Bukan gred dia yang sepatutnya diletak di situ. Jadi benda itu tak seimbang, saya faham berbeza Jalan Negeri dengan Jalan Persekutuan. Terutama jalan lebuh raya, lebuh raya dikorek ditampal balik, jadi bahu jalannya tak terjejas. Tapi jalan kita ini hasil tambah-tambah bahu jalannya direndah, makin ke bawah ke bawah, ini bahaya. Jadi dilihat semula, apabila dibuat jalan baharu atau turap semula, lihat sekali bahu jalannya. Memastikan bahawa dia sama ya, sama dengan jalan yang dia buat itu bagi membolehkan tidak ada ganggu gugat atau kacau ganggu atau pun membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang ada. Jadi perkara-perkara ini perlu di perlihatkan maka Tuan Speaker. Jadi terima kasih banyak bagi peluang saya cakap, saya dah nampak jam itu membolehkan saya habis di sini ya. Jadi saya ingat pertimbangkanlah segala apa yang saya nyatakan supaya dapat sama-sama kita perbaiki segala kelemahan yang ada. Maka itu saja, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan jam 1:00 tengah hari, saya tangguhkan sidang sehingga ke jam 2:30 petang. Dewan ditangguhkan

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Assalamualaikum warahmatullah dan selamat petang. Dewan disambung semula, saya persilakan Sabak Bernam.

YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya berdiri untuk mengambil peluang pada petang ini dalam perbahasan Pembangunan. Dengan pertama sekali adalah melihat kepada P.01 bagi tajuk PK.2 iaitu Laluan Luar Bandar. Dalam tajuk ini juga merangkumi persoalan beberapa berkaitan dengan soal kemudahan awam atas desa. Dan saya hendak merujuk kepada 3 atau pun 4 balai raya di Sabak dan juga sebahagiannya ada di jiran sebelah iaitu di Sungai Air Tawar kerana memandangkan Sungai Air Tawar, kita sudah tidak ada wakil rakyat tetapi saya cuba untuk membantu bangkitkan beberapa permasalahan. Terutama sekali balai raya Kampung Banting yang difahamkan bahawa balai raya ini akan di lopuskan tetapi saya difahamkan proses permohonan pelupusan daripada JKR masih belum ada jawapan, sedangkan keperluan masyarakat untuk menggunakan balai raya ini adalah penting. Jadi mohon kalau belum, mohon disegerakan yang kedua ialah balai raya di Taman Cahaya, ini balai orang ramai di Taman Cahaya di Sungai Besar. Yang sampai sekarang masih tidak boleh digunakan kerana balai raya masih dikunci sedangkan keperluan masyarakat penduduk taman untuk menggunakan. Balai raya ini sangat penting bagi keperluan kemudahan untuk mereka berinteraksi mengadakan program, kelas tuisyen dan sebagainya. Tetapi mereka masih mengeluh sampai sekarang dan apa tindakan Kerajaan Negeri terhadap balai raya ini. Yang ketiga ialah balai raya di Kampung Naidu, di Sabak. Bukan sekadar balai raya ini dalam keadaan yang rosak teruk bahkan sekarang ini balai raya ini sudah tidak berfungsi sebagai balai raya. Sekarang balai raya ini telah berfungsi sebagai rumah dan tempat tinggal yang diduduki oleh individu tertentu yang dijadikan balai raya ini sebagai tempat tinggal mereka. Padahal kita merujuk ke Pejabat Daerah tidak ada apa-apa kelulusan, tidak ada apa-apa kebenaran dan tidak ada apa-apa keistimewaan pun diberikan kepada individu untuk menduduki balai raya ini untuk dijadikan sebagai rumah. Jadi kita mohon pada Kerajaan Negeri supaya mengambil perhatian kerana saya difahamkan dulunya balai raya ini digunakan untuk kelas-kelas tuisyen terutama bagi masyarakat kaum India di persekitaran tersebut. Begitu juga saya ingin merujuk kepada soal pembangunan desa juga. Tentang beberapa perkara iaitu saya tak tahu nak letak di mana votnya tentang masalah lembu berkeliaran di kampung-kampung ini. Sebab apabila ada isu tentang *accident* umpamanya, tidak ada siapa yang mengaku tentang pemilik lembu tersebut. Tetapi masalah ini sangat kronik, sebenarnya sangat kritikal. Pada tahun lepas kalau tuan-tuan masih ingat dipaparkan melalui media, pertembungan pergaduhan sehingga peristiwa berdarah di Kampung Baru, di Sabak yang puncanya disebabkan oleh lembu-lembu yang berkeliaran. Yang akhirnya

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

menimbulkan pergaduhan dalam masyarakat beberapa anak remaja telah diangkut. Anak remaja Melayu, anak remaja India diangkut oleh Pegawai Keselamatan dan terpaksa tidur di lokap dan sebahagian mereka didakwa. Sebahagian mereka telah mengaku terlibat dalam jenayah dan sebahagiannya bahawa kes ini telah dibawa ke mahkamah yang akhirnya kes ditutup begitu. Tetapi persoalannya, sangat besar, sangat kritikal bahkan hampir saya kira tahun ini saja sudah melibatkan beberapa kali *accident* berlaku disebabkan oleh lembu-lembu yang berkeliaran. Jadi polisi Kerajaan Negeri terhadap lembu yang berkeliaran ini sama ada kita ada satu polisi yang baru untuk menyelesaikan masalah-masalah ini sebab, masalah lembu berkeliaran ini bukan sekadar di kebun-kebun orang lain dan sebagainya tetapi di taman-taman, di kawasan-kawasan majlis. Di taman pertama saya sebut, di Sabak, penduduk ...

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang minta penjelasan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Adun Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Dengan lembu-lembu ini tidak ada tuan? Ada tuan ke tidak ada tuan?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Sebab itu bila ditanya ada beberapa *accident* berlaku, tak ada siapa yang mengaku lembu ini tetapi dalam keadaan waktu yang lain pula, seolah-olah lembu ini ada tuan tetapi dibiarkan begitu sahaja. Cuma kita minta polisilah sama ada mungkin kalau tiba-tiba lembu ini pada esok paginya sudah berada di pinggan, di kedai-kedai ini apakah yang pengusaha lembu ini sedangkan berada di atas pinggan hidangan apakah boleh didakwa. Dan apakah dari sudut milik mereka boleh untuk melakukan hal yang sedemikian. Jadi ini sebab sudah menjadi rungutan masyarakat, jadi oleh sebab tidak ada mengaku milik siapa jadi orang mengatakan bahawa itu milik umum, siapa pun boleh jadi milik kepada lembu. Sebab itu sudah berkira-kira untuk mengambil tindakan untuk menyembelih dan sebagainya, sebagai mengambil tindakan masalah lembu yang berkeliaran ini. Jadi oleh sebab itu kita hendak keseriusan Kerajaan Negeri. Minggu lepas saja umpamanya seorang penduduk daripada Kg. Sepintas terpaksa menghadapi, dia menghadapi kemalangan kereta dia masuk ke parit kerana masalah lembu yang berkeliaran. Jadi ini menimbulkan satu suasana yang sangat tidak bagus dan suasana keselamatan yang terancam dengan sebab lembu-lembu yang berkeliaran ini. Kemudian saya juga hendak membangkitkan soal, soal vot tentang P.08 di Jabatan Pertanian. Tentang Pembangunan Tanah terbiar sebagaimana juga rakan-rakan yang lain membangkitkan tetapi yang ini saya hendak sebut berkaitan dengan soal tanah terbiar yang saya difahamkan PKNS, dia ada tanah seluas lebih 50 ekar

nun di Sungai Lang. Sedang tanah ini terbiar dan bukan sekadar PKNS bahkan ada juga saya difahamkan Bank Islam antaranya, Kementerian Pendidikan umpamanya dia mempunyai tanah tetapi sampai hari ini dia terbiar. Tapi mana-mana yang menjadi milik Kerajaan Negeri, atau pun agensi Kerajaan Negeri termasuk PKNS ini yang tanah ini sekian lama dalam keadaan terbiar dan kita pun tak tahu apa perancangan sebenarnya PKNS terhadap tanah-tanah yang mereka miliki yang hari ini menjadi tempat *parking* lembu. Hari ini menjadi yang sebagaimana keluhan daripada rakan yang lain sebagaimana Dusun Tua sebentar tadi menyebut tentang pembangunan tanah terbiar. Kalau mungkin boleh diberikan kepada pemohon-pemohon sebab ramai belia yang mohon tanah untuk mereka buat, melakukan program pertanian berskala kecil umpamanya dalam jangka masa yang pendek umpamanya dengan tanaman-tanaman kontan. Yang ini mereka sangat ramai yang memerlukan tetapi tidak ada tanah-tanah untuk dibangunkan. Jadi apa salahnya tanah-tanah itu mereka tidak membangunkan supaya boleh sama ada disewakan atau diberi ruang kepada belia-belia ini untuk membangunkan tanah. Sementelahan saya sebutkan tentang pertanian yang mempunyai peruntukan dan lazimnya dalam soal melahirkan pengusaha-pengusaha atau pun pengusaha-pengusaha baru pertanian ini, banyak pengusaha-pengusaha yang diberikan insentif ialah mereka yang telah lama berkecimpung dalam dunia pertanian. Tetapi bagi pengusaha-pengusaha baru kadang-kadang dalam keadaan serba kepayahan dan anak-anak muda yang baru ada sijil diploma pertanian dan sebagainya tetapi mereka tidak mempunyai modal untuk melakukan usaha pertanian mereka. Waktu yang sama mungkin kehendak Kerajaan Negeri supaya mereka ada pengalaman sedangkan mereka tidak mempunyai modal. Tetapi dia ada satu ilmu dan kesungguhan untuk melakukan, jadi di sini saya fikir Kerajaan Negeri perlu untuk memberikan satu ruang dan peluang kepada mereka untuk keluar dan lahir sebagai pengusaha-pengusaha baharu untuk diberikan satu peluang yang baik kepada mereka. Dan saya juga hendak menyebut dalam masalah yang dibangkitkan juga tentang masalah pembangunan tanah juga ialah atau pun soal pembangunan desa ini ialah merujuk kepada permohonan yang pernah dibuat melalui Kampung Desa Kasih atau pun di Kampung PPRT di Parit 8½, di Sungai Besar sebab isu ini sudah berjalan lama semenjak daripada Sungai Burong menjadi Pegawai Daerah di Sabak Bernam ketika dulu pun telah ada permohonan dibuat sebenarnya. Bahawa PPRT yang ada di situ menempatkan di tanah rizab parit, JPS dan rizab jalan JPS, rizab parit. Jadi sampai hari ini mereka masih membuat permohonan apa status sebenarnya. Apakah mereka akan dibiarkan duduk dalam tanah yang sebeginu yang tidak diberikan status kepada mereka sedangkan mereka telah mohon? Banyak kali supaya diberi hak milik kepada tanah, diberi hak milik kepada mereka. Dan ini sebenarnya menjadi kepayahan kepada mereka untuk membangunkan tanah itu sendiri dan mereka dalam keadaan yang hidup dalam keadaan yang tidak ada *confident* sebab bila bukan tanah mereka, bila-bila masa dia boleh keluar dari situ. Dan ini sering menjadi ugutan kepada mereka sehingga mereka tidak ada satu *confident* duduk di tanah mereka sebab tanah bukan milik mereka, sedangkan mereka sudah puluh tahun dah duduk di situ. Walaupun menyedari tanah itu agak

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

sukar tapi kerana boleh jadi kerajaan dulu meletakkan mereka di tempat seperti itu, sedangkan saya fikir banyak tanah lagi boleh diletakkan. Tetapi oleh sebab ia sudah berlaku maka apa pendirian kerajaan sebenarnya terhadap tanah yang mereka duduki. Sama ada sebab mereka ternanti jawapan sama ada boleh atau pun tidak boleh. Sama ada mereka boleh diberikan tanah itu boleh menjadi hak milik mereka atas sebagaimana juga PPRT-PPRT yang lain yang mereka telah mendapat hak milik atau pun mereka perlu menerima jawapan bahawa mereka tidak ada hak terhadap tanah yang mereka duduki buat masa sekarang. Begitu juga saya hendak merujuk kepada tanah yang sama. Di tanah yang pernah dikeluarkan satu surat oleh PKPS, diambil alih oleh PKPS di PT 4086 Kampung Hala cara baru. Yang Sungai Panjang yang seluar 129.05 hektar, tanah ini telah diambil oleh PKPS dan surat telah dikeluarkan tetapi statusnya sampai sekarang ini belum ada satu pun sedikit gambaran bahawa PKPS serius untuk membangunkan tanah ini. Bahkan penduduk dalam keadaan yang keluh kesah, ada sebahagiannya dah ada rumah di situ yang mereka telah meneroka tanah ini lama. Bagaimana tentang tanah ini sama ada PKPS akan terus membangunkan tanah ini atau pun sebenarnya mereka masih boleh diberi ruang dan masa untuk mereka duduk di situ. Dan mereka terus mengutip hasil di situ kerana tanah ini sebenarnya telah pun di pecah lot-lot tertentu kepada beberapa pengusaha. Jadi mereka sendiri dalam keadaan yang serba kerunsingan. Apa kalau boleh dibenarkan tanaman, apa jenis tanaman yang mereka boleh tanam. Sebab buat masa sekarang memang mereka mempunyai kelapa sawit di situ. Mereka telah menduduki dan ada rumah tetapi oleh sebab surat PKPS tetapi gambaran sampai sekarang tidak nampak pun keseriusan PKPS untuk membangunkan tanah yang seluas 129.05 hektar. Begitu juga di belia 2 ...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker boleh mohon mencelahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, sila Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Sabak ya. Saya sebenarnya ingin *share* juga perkara berhubung dengan masalah di walaupun di Sungai Panjang. Terutama ialah kawasan menghala cara baru yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk dibangunkan sebagai kawasan pertanian. Tapi di situ juga berbau darah sebab ada penempatan rumah PPRT dululah. Saya ingat 111 buah rumah, dia pun nasibnya sebagaimana di Parit 8. Jadi saya tak pasti sama ada mereka juga telah kedudukan mereka daripada segi menjadi hak milik tanah itu telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan sama ada Sabak bersetuju tak kalau boleh mereka juga ini tergolong dalam golongan termiskin, golongan PPRT ini seharusnya diberikan harapan untuk mendapatkan hak milik tanah mereka.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong dan boleh dimasukkan dalam sebahagian dalam ucapan saya untuk diberi jawapan oleh pihak kerajaan. Begitu juga saya hendak merujuk tadi tentang

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Kampung Belia 2 yang ini telah kerajaan telah memberikan mengurniakan atau meluluskan lot-lot tanah untuk dibina rumah. Satu Kampung di Belia 2 untuk bina rumah tetapi masalah mereka tak boleh bina rumah sebab akses jalan raya tidak ada. Infra jalan raya tidak ada tapi bila Pejabat Daerah kata, Pejabat Daerah tak boleh buat infra sebab rumah tak ada. Jadi sekarang ini mana nak dulu. Rumah dulu ke jalan dulu ini masih sampai sekarang dalam pertikaian hendak buat rumah. Sebab rumah tidak boleh buat sebab infra tidak ada nak pergi nak bina rumah. Nak buat infra alasannya kerana rumah belum ada. Jadi infra tidak boleh dibuat. Jadi harap kerajaan dapat menyelesaikan dengan segera masalah-masalah tanah yang berlaku. Kemudian saya hendak menyebut dalam soalan pembangunan ya dengan P.13 Pembangunan Saliran Mesra Alam ataupun berkaitan dengan soal parit dan saliran dan sebagainya. Ini rungutkan daripada masyarakat kampung tentang pembersihan parit-parit yang sekarang ini penjadualannya ialah 3 kali dalam masa 1 tahun, tetapi 3 kali ini adalah satu tempoh yang agak panjang, boleh jadi kerana tanah yang subur, paritnya parit air yang mudah untuk berkembang biak apa ni rumput-rumput. Dalam tempoh 3 kali ini dia agak terlalu panjang jadi kalau boleh ya selain daripada beberapa pandangan di kalangan masalah ini supaya kalau boleh kita tingkatkan 3 kali dalam masa setahun ya berikan kepada JPS dengan peruntukan supaya daripada 3 kali kita tingkatkan kepada 4 kali dalam proses pembersihan parit dan saliran sebagaimana yang disebut. Dan saya hendak menyebut tentang masalah-masalah tentang Jabatan Agama Islam berkaitan soal bangunan Masjid ini sekalian. Sekarang ini saya telah diberi maklumat oleh beberapa Pengerusi dan Nazir Masjid tentang masjid-masjid sudah lama boleh jadi Sabak Bernam ini bumi yang lama dan banyak masjid-masjid lama yang sekarang ini masjid terus beroperasi dan masih belum lama masjid tidak dibuat yang baru masih lagi digunakan masjid sebahagiannya masjid-masjid wakaf yang mereka tidak hendak masjid baru tetapi masih mengekalkan masjid yang lama. Contohnya Masjid Lubuk Pusing umpamanya. Mereka tidak hendak tidak diubahsuai kerana masjid itu adalah masjid wakaf orang ramai kerana hendak memanfaatkan wakaf masyarakat ataupun orang dulu-dulu. Tetapi apa pun rungutkan kerana banyak masjid sudah berlaku kebocoran bila berlaku hujan lebat bocor. Ada masjid yang telah mendapat sumbangan dan peruntukan untuk membaik pulih tiga empat kali yang lepas baik pulih berlaku kebocoran. Sebulan baik pulih berlaku kebocoran antaranya berlaku di Parit 10 saya rasa Y.A.B. Dato' Menteri Besar sudah dua tiga kali telah pergi ke masjid ini termasuk pelancaran mula-mula kita beri sumbangan kepada BLB. BLB kepada petani pun di Masjid Parit 10, di masjid ini bila hujan sahaja Tok Siak sudah tahu di mana hendak meletakkan besen sebab sudah tahu dah di mana kebocoran itu berlaku. Banyak kali tetapi masih menadah. Begitu juga di Masjid Batu 4 Sepintas pun berlaku kebocoran. Masjid Makmoriah di Sungai Besar pun berlaku kebocoran. Jadi saya tengok dalam pembangunan masjid-masjid di Sabak Bernam pada tahun ini tidak nampak hanya token sahaja. Dan mungkin tidak berlaku pembinaan masjid baru tetapi saya difahamkan Masjid di Parit 10 ini telah diluluskan untuk pembinaannya cuma kita tidak tahu bila diakan atau mungkin ia akan dimasukkan ke dalam RMKe11 tetapi tidak tahu bila tindakan keperluannya sangat mendesak untuk

dibina. Jadi itu beberapa perkara yang saya cuba bangkitkan dalam ini dan sekarang ini tuan/puan sekalian dalam. Begitu juga saya ingin bertanya pada tentang pembangunan satu program yang dulu pernah diluluskan dan telah ada pembangunan yang namanya Pembangunan IJAS ataupun Institut Jati Diri Selangor yang bangunannya telah ada dan pernah ada digunakan tetapi setelah 10 tahun ianya terbiar dan saya telah pergi melihat memang ada bangunan kukuh tetapi kerana persekitarannya *afferent* tanahnya telah jatuh di kampung Sungai Tengah berhampiran dengan sungai dan 10 tahun ianya tidak dimanfaatkan. Jadi apakah perancangan kerajaan negeri untuk membangunkan tanah ini. Begitu juga saya hendak merujuk dalam ucapan ruang yang ringkas ini tentang jalan-jalan tentang apa ni tentang peruntukan jalan-jalan dan saya menyebutkan ini kerana ada beberapa perkara yang perlu dan segera untuk diambil perhatian. Pertama adalah untuk membantu DUN Sungai Air Tawar yang mereka sering merungut jalan di antara Sungai Air Tawar menghala ke Parit Baru sejauh 50 kilometer. Jalan ini jalan laluan Bas Selangor Bas Smart Selangor lalu di situ tetapi lazimnya kalau ada masa kenduri bas terpaksa berundur mencari laluan lain sebab jalan terlalu sempit dan sering berlaku kemalangan. Jadi mohon kerajaan negeri untuk melihat jalan ini supaya boleh dilebarkan kerana dia bukan sekadar sekarang ini sudah sibuk tetapi juga laluan Bas Smart Selangor dan memudahkan proses perjalanan. Memang sebab rungutannya begitulah kalau ada sahaja masyarakat persekitaran yang masyarakat jalan yang buat kenduri jalan itu tidak boleh dilalui oleh bas. Dan begitu juga jalan di antara Tok Khalifah Sungai Panjang ke Bagan Terap ini dalam menaik taraf jalan P.12 Jabatan Kerja Raya juga. Saya hendak menyebut tentang jalan ini sebelum ini menjadi laluan kepada lori-lori yang mengangkut tanah merah untuk pembinaan *West Coast Expressway* yang sedang dibina sekarang ini dan menyebabkan saya kira ini menjadi punca besar yang menjadi sebab jalan rosak dan lebih teruk lagi sekarang ini bahaya adalah kerana sudah berlaku keruntuhan di tebing jalan di sebelah parit. Jadi jalan itu telah runtuh dan dibimbang jalan itu sudah menampakkan bahawa saya telah turun bersama JKR, JPS dan Penolong Pejabat Daerah Sabak Bernam telah minta turun sama-sama saya untuk melihat jalan ini. Tetapi saya fikir dia perlu satu pemberian yang segera sebab sudah dalam keadaan serba bahaya. Bukan sekadar jalan itu adalah jalan yang jalan kona yang menjadi tempat laluan pelajar-pelajar, lori-lori dan bas bahkan dan lebih teruk lagi ialah pada waktu malam kerana tepi jalan itu sudah tidak ada lagi kaki lima sudah tidak ada lagi sudah tidak ada kaki lima dan dia terus tepi jalan terus rebak terus turun ke terus turun ke parit. Jadi ini perlu pemberian yang segera. Saya bimbang sebab laluan ini menjadi laluan beberapa buah sekolah sekurang-kurangnya ada 4 sekolah yang ada di Bagan Terap. Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Terap, Sekolah Agama Bagan Terap, Sekolah Rendah Bagan Terap, Sekolah Agama Bagan Terap hampir semua melalui jalan ini apatah lagi jalan ini pada waktu kesibukan pagi sangat mendesak sebab beberapa insiden telah berlaku yang menyebabkan yang kita menuntut supaya kalau boleh kerajaan dapat menyegerakan ataupun dapat menurunkan patut peruntukan yang segera bagi membaiki jalan-jalan ini sebab memang saya percaya sebagaimana kata JKR juga ia memerlukan satu kos yang

besar tetapi kerana soal keselamatan yang sangat mendesak kerajaan negeri dapat mengambil kira dengan beberapa keperluan-keperluan yang saya bangkitkan. Terima kasih sekadar yang dapat saya ambil kongsi bersama pada petang ini. *Assalammualaikum waramatullah hiwabarakhatuh.*

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baru.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya mula dengan muka surat VOT.P.01 PK.3 Usahawan. Saya ingin menyentuh Program Usahawan India di Selangor yang merupakan satu program yang masuk tahun Kedua yang melahirkan Usahawan India. Peruntukan ini telah dinaikkan daripada RM1 juta ke RM3 juta memang satu berita yang baiklah kepada kaum India yang menarik yang berminat untuk menjadi Usahawan. Saya mengharap kerajaan mengambil sikap yang lebih terbuka iaitu mengendalikan peruntukan tersebut dengan melibatkan lebih banyak NGO supaya lebih ramai orang India dapat menyertai latihan yang diberikan. Kerajaan negeri sepatutnya memperluaskan program itu kepada semua daerah dan mencontohi Jawatankuasa Tetap Pendidikan yang mengendalikan bantuan kepada SJKC, SKT dan Sekolah Agama Rakyat iaitu terdapat borang permohonan dalam *online* terdapat fasa demi fasa, tarikh tutup dan mempelawa NGO memohon dan mengadakan mesyuarat dengan Ahli Dewan Negeri. Seterusnya saya merujuk kepada VOT yang sama PK.4 Program Kebudayaan Dato' Menteri Besar telah mencadangkan beberapa inisiatif baru yang akan dilaksanakan pada Tahun 2018. Saya ingin menyentuh program-program pembangunan bakat muda termasuk kegiatan penulisan kreatif yang diilhamkan oleh Karier Allahyarham Rahman Rasyid. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri atas usaha mengenang Allahyarham Rahman Rasyid dengan cara yang sangat bermakna ini. Allahyarham Rahman Rasyid adalah penduduk Kuala Kubu Baru sejak Tahun 1992. Saya ingin menceritakan sedikit kecemerlangan Allahyarham Rahman Rasyid, Allahyarham telah melahirkan 4 buah buku sepanjang hayat dia. Banyaknya Malaysian Journey di berulang cetak beberapa kali sehingga menjadi fenomena penulisan. Buku ini telah mendapat 5 bintang *ranking* di amazon.com. Seterusnya Allahyarham menghasilkan 2 buah buku lagi iaitu *Small Town* pada Tahun 2016 sebelum beliau meninggal dunia yang menggunakan gaya dan bahasa bermutu tinggi dan sentiasa memberi cabaran kepada pembacanya. Saya mengharap kerajaan negeri boleh memilih Kuala Kubu Baru sebagai salah satu tempat mengadakan program yang berkaitan dengan Allahyarham Rahman Rasyid. Ini adalah kerana persatuan sejarah Kuala Kubu Baru juga mencadangkan membina Rumah Sastera Allahyarham Rahman Rasyid akan bergerak wadah keilmuan yang padu menghasilkan anak-anak muda *berstail* dan berkebolehan. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker saya merujuk kepada VOT yang sama PK.6 Program Pembudayaan Wanita dan Keluarga. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan untuk perkhidmatan *mammogram* dan pemeriksaan *breast* secara percuma oleh kerajaan Persekutuan telah dimansuhkan pada Tahun 2018. Kita bersyukurlah kerajaan negeri masih meneruskan dan

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

menjaga golongan wanita sejak kerajaan negeri memperkenalkan pemeriksaan *mammogram* secara percuma di negeri Selangor. Dan lebih 30,000 orang menerima manfaat pada inisiatif tersebut berbanding dengan kerajaan persekutuan memansuhkan peruntukan untuk memo gram kerajaan negeri pun meningkatkan peruntukan daripada RM1 juta ke RM2 juta pada tahun hadapan. Ini adalah sangat baik untuk rakyat Selangor. Saya ingin mengemukakan 3 cadangan kepada kerajaan negeri untuk mengukuhkan dan melengkapi dasar wanita Selangor. Itu satu. Memberi peruntukan bagi membantu bangunan milik kerajaan yang memberikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti sebagai langkah pertama kerajaan negeri dalam menggalakkan setiap bangunan kerajaan mempunyai perkhidmatan penjagaan kanak-kanak. Yang kedua buat pada masa kini kebanyakan bangunan kerajaan negeri tidak menyediakan kemudahan bilik Laktasi untuk golongan ibu yang bekerja. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan negeri kerana telah menyediakan bilik Laktasi di bangunan SUK. Saya mengharap kerajaan negeri juga memberi peruntukan bagi membantu jabatan atau agensi kerajaan yang lain supaya mereka mencontohi langkah yang progresif inilah. Yang ketiga dalam usaha untuk menarik lebih ramai wanita untuk masuk semula pasaran kerja. Kerajaan Negeri boleh memberi *soft protection*, dengan izin di mana ibu hamil boleh berdaftar diri dengan Kerajaan Negeri sekiranya wanita tersebut kembali bekerja dengan majikan atau syarikat. Kerajaan Negeri boleh memberikan susu atau *pampers* percuma selama enam (6) bulan. Tuan Timbalan Speaker, perkara seterusnya ialah PK 13, pembangunan muzium daerah-daerah yang tidak diperuntukkan wang. Ini ialah tahun keempat saya membangkitkan perkara yang sama supaya pihak Kerajaan boleh mengambil berat pembangunan muzium-muzium daerah memandangkan muzium adalah pemegang amanah warisan negara yang tidak ternilai. Tuan Timbalan Speaker, Negeri Selangor mempunyai sembilan (9) daerah dan setakat ini terdapat empat (4) buah muzium di tiga (3) daerah. Saya rasa sudah sampai masanya, pihak Kerajaan memberikan perhatian kepada daerah Hulu Selangor yang kaya dengan sejarahnya tetapi belum mempunyai sebuah muzium untuk menyimpan bahan-bahan sejarah yang menceritakan kegembilangan Hulu Selangor dari tahun 1780 hingga tahun 1931. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat sedikit bahan-bahan sejarah Hulu Selangor yang didermakan oleh pencinta-pencinta sejarah disimpan di Perpustakaan Daerah Hulu Selangor yang terletak di Kuala Kubu Baharu. Sekiranya terdapat satu muzium sejarah di daerah, maka saya pasti ramai pencinta-pencinta sejarah akan menderma bahan sejarah daerah Hulu Selangor bagi pengisian muzium tersebut. Inilah kali keempat, saya merayu kepada Kerajaan Negeri di Dewan yang mulia ini supaya mewujudkan sebuah muzium sejarah di daerah Hulu Selangor. Tahun ini merupakan tahun melawat Hulu Selangor dan saya nampak kekurangannya yang mana tidak ada muzium untuk mengenali sejarah Hulu Selangor kepada pelancong. Kebanyakan penduduk Hulu Selangor mencadangkan rumah DO yang usang dan terbiar dijadikan muzium kerana rumah tersebut memang unik dan bersejarah. Saya memohon pihak Kerajaan sekali lagi mempertimbangkan rumah DO yang lama itu dibaik pulih dan dibuka semula sebagai muzium seperti mana Muzium Insitu di Jugra

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

yang dibuka pada tahun 2012 pada asalnya juga adalah sebuah Balai Polis daerah yang lama. Tuan Timbalan Speaker, saya merujuk muka surat 212, vote B12. Saya sebut kod projek lebih baiklah.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Morib minta mencelah.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Morib?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya nak mencelah hujah yang telah dikemukakan oleh Kuala Kubu Baharu iaitu dia sebut tadi Muzium Insitu Jugra. Jadi saya mohon pihak PADAT mengambil peduli dan mempromosikan lagi Muzium Insitu Jugra yang saya agak sunyi sepi di Bukit Jugra. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tambahan tu. Sambung Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Nak masuk dalam ucapan saya, bolehlah. Saya merujuk kepada muka surat 212, vote B12. Saya sebut kod projek lebih senang untuk dirujuk, 04801 - Menaiktaraf Persimpangan dan Mengganti Jambatan Di Jalan Kuala Kali, Rasa B115 Ke Laluan Persekutuan 1 yang mana peruntukannya adalah RM500,000.00 pada tahun depan. Saya mengucapkan terima kasih kerana sekurang-kurangnya projek ini dah boleh *kick off*. Saya cuma meminta penjelasan pihak Kerajaan mengenai skop kerja RM500,000.00 ini supaya rakyat mengetahui simpang yang bahaya ini akan diselesaikan oleh Kerajaan Negeri yang peduli rakyat.

Akhir sekali, saya merujuk kepada muka surat 246, vote 17, PK 8 – Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang jumlah peruntukannya adalah RM2.07 juta. Saya berharap Kerajaan Negeri lebih mengambil perhatian membantu penternak lembu kerana seperti dalam Dewan ini, kita pun dengar tadi Yang Berhormat Sabak mengatakan kita sering mendapat aduan bahawa lembu berkeliaran di jalan dan di kawasan perumahan. Bila kita nak ambil tindakan terhadap penternak tersebut, maka mereka merayu Kerajaan Negeri bagi tempat untuk mereka menternak. Saya nampak TKPM ayam daging tidaklah begitu mendesak kerana terlalu banyak syarikat swasta melibatkan diri dalam industri tersebut dengan tanah sendiri. Saya berharap Kerajaan Negeri memantau dan mengkaji semula TKPM supaya prestasinya adalah memuaskan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Anggerik yang memohon Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada masakan protein yang lain seperti puyuh. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh membangunkan pelbagai makana protein yang lain seperti

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

itik, angsa, ayam belanda (peru) kerana kita tidak boleh terlalu bergantung pada ayam daging. Itu sahaja, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 185, Kod Projek Pecahan Kepala PK 4, Sosial 04001 dan 04008. Saya mahu perincian seperti apakah KPI dan kumpulan sasaran yang dimaksudkan perkhidmatan masyarakat dan program pembangunan minda rakyat kerana saya lihat peruntukannya agak besar. Kedua, saya merujuk PK 2, butiran 02004, 02005 - Pembangunan Desa. Selat Klang memohon kepada Kerajaan memberi fokus kepada kampung yang telah menyerahkan potensinya seperti yang telah terbukti dalam Anugerah Kampung Tradisi Terbaik dan mengenal pasti kekuatan, potensi sedia ada untuk dimanfaatkan supaya ada kemajuan ketara di kampung-kampung tersebut sebagai tindakan *follow up*, dengan izin *follow through* untuk benar-benar membangunkan kampung tersebut kerana sudah tentulah bila dia dapat anugerah 1, 2, 3 tak semestinya 1 sahaja. 1, 2, 3 itu, mereka ini ada modal insan yang mampu membangunkan. Jadi apakah sumber yang diperlukan, yang perlu dikenal pastikan oleh Kerajaan. Mungkin sumber kemahiran, ilmu, mungkin sumber daripada rangkaian-rangkaian yang boleh membangunkan ekonomi kampung tersebut. Mungkinkah prasarana, mungkinkah kemudahan awam yang perlu dipertingkatkan di kampung tersebut. Jadi suntikan semangat, saluran peruntukan yang mencukupi akan memastikan kampung berdaya maju ini untuk terus cemerlang dan akan mempunyai nilai tradisi, mempunyai daya tahan supaya tidak dihancurkan oleh arus pemodenan sehingga lupa lupa nilai tradisi mereka sendiri. Adakah mungkin peradaban ini atau pun tamadun kecil, *little mini Baldatun Toyyibatun Warabbun Ghafur* boleh diwujudkan, boleh dihasilkan dengan tumpuan fokus kepada kampung-kampung yang berpotensi ini. Jadi saya mohonlah kepada Kerajaan Negeri khususnya Kampung Delek telah dianugerahkan Kampung Tradisi Terbaik Daerah Klang dan Naib Juara Negeri Selangor. Jadi mintalah jenguk-jenguk Kampung Delek. Kampung Sungai Udang dapat nombor 3 lah, daerah Klang pun boleh juga berpotensi. Lagi-lagi dengan adanya Jambatan Ketiga Klang, maknanya mungkin pelancong-pelancong yang ingin melihat sendiri dengan mata kepala sendiri Jambatan Ketiga Klang bolehlah singgah kerana ia melalui Kampung Sungai Udang.

Saya juga merujuk kepada kod PK 7 khususnya 07002. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah membina gelanggang bola jaring di Taman Aneka Baru, Sungai Udang. Semalam saya telah merasmikannya. *Alhamdulillah*, ada 18 pasukan 180 peserta, bersama-sama dengan Ketua Kampung, Tok Penghulu ya. Namun, saya mohon kepada Kerajaan Negeri khususnya PK 9 Perbandaran kerana tanah di seluruh kawasan sekeliling tersebut tidak rata. Sudahlah musim hujan

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

sekarang ini. Ada bekas tiang lampu yang tenggelam sebahagiannya, terjongket sebahagiannya dan sangat merbahaya terutama bagi anak-anak kecil, bagi warga emas atau pun pengguna-pengguna taman permainan tersebut. Jadi saya mintalah, biarlah ratakan padang itu sedikit kerana ianya bakal seluruh Selat Klang ini teruja kerana ini *first time* dapat gelanggang bola jaring ini. Jadi mereka teruja. Bila tengok sana, sebab mereka ini daripada pelbagai tempat. Bila tengok sana, tonggang tonggek sikitlah, terjongket sana sini, maka *anti climaks* sikitlah. Jadi saya minta Kerajaan Negeri khususnya MPK memberi perhatian kepada perkara tersebut. Saya juga merujuk khususnya untuk Dato' Menteri Besar, vote P01 ini, muka surat 190, PK 19 butiran am, khususnya 19003 - Pengambilan Balik Tanah. Nak pantun *special* sikit Timbalan Pengerusi.

Sungai Udang Jambatan Ketiga,
Sungai Sireh tiada berkapur,
Kerajaan Negeri berhati mulia,
Mohon kembali masuk campur.

Khususnya apa yang saya sebutkan di sini ialah di mana isu, masalah Kampung Sungai Sireh di mana permohonan rayuan dan rayuan penyelesaian tuntas, isu pendudukan 260 unit rumah peneroka bandar yang bersettinggan di atas Lot-Lot 1204 hingga 1210 dan Lot 1216 dan Lot 1222, Kampung Sungai Sireh Tambahan dan Kampung Sungai Sireh Utama. Dia punya cerita Dato' Menteri Besar ialah di mana sebelum tahun 2008 ini, setiap kali nak Pilihan Raya mereka ini dijanjikan oleh pihak sebelah sanalah di mana n mereka boleh menyelesaikan masalah settinggan tersebut. Agak musykilnya di mana tanah ini seluruh penduduknya, semuanya Melayu tetapi yang ada nama di geran tanah itu 14 syarikat. Syarikat bukannya individu, 14 syarikat. Semuanya bukan Melayu dan apa yang berlaku, yang saya difahamkan oleh penduduk ini selepas 2008 ini. Mereka mengatakan mereka ini disuruh duduk sana kemudiannya pihak sebelah sana mengatakan mereka akan selesai. Malangnya mereka tak sedar bahawa mereka duduk di tanah yang ada geran, ada orang punya. Jadi oleh kerana ini, saya merujuk jugalah yang disebutkan oleh Dato' Menteri Besar, muka surat pertama lagi pendahuluan teks ucapan belanjawan Dato' Menteri Besar untuk menjadikan rakyat semakin teguh mendukung Kerajaan hari ini yang tuntas membangun bangsa dan memakmur negeri. Kebanyakan penduduk ini telah sedar bahawa mereka ini agak tertipi dan terpedaya oleh orang sebelah sana. Jadi oleh kerana mereka ini mengikut telunjuk seolah-olah mereka tak tahu, mereka terduduk atau terdiam di tanah orang lain. Mereka telah pun sedar dan mereka mengakui kesilapan mereka, mengikut-ikut sahaja pemimpin mereka sebelum ini. Jadi saya merayalah bagi pihak mereka, Dato' Menteri Besar sebagai kita yang berhati mulia ini. Dato' Menteri Besar, Kerajaan Negeri berhati mulia dan kita pun ada rezeki lebih sedikit. Apalah salahnya sekiranya kita bantu menyelesaikan masalah mereka, membantu mengambil balik tanah ini yang kemungkinannya sebelum ini adalah tanah Kerajaan sebelum diberi kepada syarikat. Kemudian untuk menyelesaikan masalah mereka yang selama ini

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

berpuluhan tahun telah menunggu bagaimanakah penyelesaian akhirnya itu nanti. Jadi Dato' Menteri Besar, mereka inginlah bertemu, *Insha Allah* dengan Dato' Menteri Besar selain kita melihatkan sebelah sana tanah KTM itu, *Insha Allah* Dato' Menteri Besar dikatakan akan memberi Borang 5A kepada mereka ini. Mereka ini yang di tanah lot persendirian ini memohon penyelesaian secara tuntas dan secara bijaksana yang memang menuntut walaupun memang mungkin bukan masalah Kerajaan yang sebenarnya tetapi masalah orang dulu, masalah pimpinan orang-orang dahulu sebelum 2008 ini. Jadi saya mewakili mereka untuk meminta jasa baik kepada Kerajaan Negeri bantulah mereka sebab sebelum ini Lembaga Perumahan ada masuk campur tapi ada masalah, mereka ini dipengaruhi oleh senang saya sebut pimpinan UMNO lah. Pimpinan UMNO kata tak payah bayar. Kerajaan Negeri kata kena bayar. Kalau bayar nanti kita separuh *one to one*. Kalau bayar akan dimulakan proses pengambilan balik untuk diselesaikan pemberimilikan tetapi UMNO pula kata bayar tak payah, tunggu mereka menang bayar RM1.00 aja. Mana adalah tanah yang RM1.00 sekarang ini. Tetapi mereka percaya sebelum PRU13 mereka memang tak bayar. Mereka tidak mengikutkan arahan negeri. Tetapi sekarang ini Dato' Menteri Besar mereka merayu sekali lagi mudah-mudahanlah *Insya Allah* kita Kerajaan Negeri yang baik hati, yang boleh membantu mereka ini *Insya Allah* keluar daripada kemelut setelah ditipu sekian lama. Jadi, saya mengharapkan *Insya Allah* Dato' Menteri Besar boleh membantu mereka ini di lot persendirian Kampung Sungai Sireh. Akhir sekali, muka surat 187, PK.14 – Perpustakaan Daerah Klang, Butiran 14005, saya melihat hanya token sahaja jadi saya mohon pihak kerajaan khususnya mungkin Pejabat Tanah Daerah Klang boleh mengenal pasti satu keping tanah yang agak besar, yang agak memuaskan kerana Daerah Klang ini adalah Bandar Diraja. Sudah tentulah perpustakaan adalah satu premis yang penting, yang akan boleh memuatkan pelbagai sumber ilmu di situ. Jadi, sudah tentulah ini sepatutnya menjadi keutamaan tapi saya lihat hanya token RM10.00 sahaja. Jadi, saya harap Kerajaan Negeri bolehlah beri sedikit lihat bagaimana nak merealisasikan satu perpustakaan yang setaraf dengan Daerah Klang itu sendiri *Insya Allah*. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada beberapa perkara yang saya nak bangkitkan. Yang pertama ialah P.01, muka surat 185, PK.1 – Ekonomi, 0103 – Smar Selangor Delivery Unit. Saya nak berbahas bersama dengan PK.11, 11003 – Program ICT Smart Selangor. Saya nak bahaskan di sini bahawa beberapa tahun yang dulu 2014, *from* 2014 kita sudah ada Smart Selangor dan kita hari-hari ada rancangan. Ada banyak yang kita belanja untuk membuat *master plan* dan lain-lain. Dan berjuta-juta ringgit kita buat *master plan* dan saya berasa bahawa tahun ini 2018 kita kena fokus apabila perbelanjaan di Smart Selangor Delivery Unit kepada infrastruktur ataupun benda yang boleh dirasai oleh rakyat. Kalau kita ada *master plan*, apa-apa *plan* pun kalau tidak ada tindakan tak

ada menjadi *action* yang boleh dirasai oleh rakyat itu tidak bermakna. So, saya nak minta penjelasan daripada kerajaan apakah rancangan SSDU untuk tahun 2018 dan apakah yang boleh dirasai oleh rakyat? Yang isu yang kedua yang saya jarang bangkitkan adalah isu luar bandar sebab Damansara Utama *fully urban, nice*. Tapi saya nak bangkitkan sini sikit tentang PK.2 – Luar Bandar, 02001 – Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak. Saya sentiasa dengar polisi-polisi kerajaan sentiasa adalah bantuan petani ataupun penternak dari segi wang. Kita bagi duit, bantuan duit, duit, duit. Tapi sini saya nak cadangkan kepada kerajaan supaya kita *look into another perspective*. Kenapa? Kerana petani betapa banyak duit kita bagi mereka kalau tanah mereka yang mereka yang tanam itu tidak berhasil ataupun produktiviti kecil, *income* mereka akan kecil kerana produktiviti tanah. Saya nak memberi satu, berkongsi dengan Dewan Yang Mulia ini tentang perubahan iklim *climate change*. Bagaimanakah ia akan menukar atau mengubah produktiviti di Negeri Selangor? Saya sangat tertarik dengan Y.B. Seri Andalas yang bercakap dengan *food security* di Negeri Selangor di mana 90% daripada makanan di Selangor adalah datang dari hasil di luar negeri kita dan adakah Negeri Selangor mampu untuk meningkatkan penghasilan makanan ataupun *agricultural product* untuk memastikan *food security*? Kenapa kita kena mementingkan *food security*? Adalah bukan kerana sekarang kita tak ada makanan untuk makan tetapi 10 tahun kemudian, 20 tahun kemudian apabila kita dijejaskan produktiviti tanah dijejaskan oleh perubahan iklim kita akan menjadi masalah kerana makanan akan jadi semakin mahal. Apabila makanan jadi semakin mahal, rakyat Selangor tak ada tanah yang produktiviti tinggi, itu masalah bagi kita sebab kita kena beli banyak makanan. Saya bagi satu statistik. United Nation (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) telah menjangka bahawa kerana ada perubahan iklim 25% pengeluaran makanan dunia akan hilang sebelum tahun 2050. Disebabkan kita ada bukan sahaja perubahan iklim kerana perubahan iklim kita juga ada masalah kekurangan air ataupun kemerosotan tanah. Sementara itu, penduduk dunia akan menjangka akan meningkat dari 7 billion hingga kira-kira 9.5 billion. Ini bermaksud, bermakna bahawa secara keseluruhannya dunia kita bukan saja Selangor, bukan saja Malaysia, seluruh dunia akan ada *food security problem* pada masa akan datang. Kita selalu bincang membantu petani dari segi bantuan insurans dan lain-lain tetapi saya nak cadangkan kerajaan supaya kita *think out of the box*. Bagaimana kita boleh membantu petani bukan dari segi insurans, bantuan kewangan sahaja tetapi meningkatkan produktiviti bermaksud bagaimana kita boleh membantu mereka untuk menghasilkan dalam satu ekar tanah kalau dia menghasil 1,000 saya tak berapa fasihlah dalam itu *agriculture* punya. Kalau dia berhasil 1,000 kilogram produk untuk satu ekar tanah, bagaimana kita boleh menggunakan teknologi, menggalakkan insentif, bagi insentif untuk menggunakan bioteknologi ada penyelidikan supaya satu ekar tanah itu boleh menghasilkan 3,000 kilogram produk *agriculture*. Itu sangat penting dan saya nak cadangkan supaya kerajaan boleh menimbang bagaimanakah kita boleh *start an incentive program*, kita ada dua perkara. Satu perkara ialah kita menggalakkan penyelidikan sama ada kita nak DMBI ataupun Jabatan Pertanian supaya kita dapat penyelidikan supaya kita boleh

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

dapatkan spesis *agriculture* yang lebih tahan perubahan iklim. Yang kedua adalah bagaimana kita bagi insentif supaya petani-petani kita boleh berubah dari menggunakan pelbagai *labor force* iaitu kolar biru kepada *machine*. Bagaimana mereka boleh menggunakan traktor, *machine* lain-lain untuk meningkatkan produktiviti tanah. Itu sikit cadangan saya untuk pembangunan luar bandar. Dan yang ketiga yang nak saya bangkitkan adalah di muka surat 186, P.01, PK.6 – Wanita, Kebajikan dan Kesihatan, Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga. Saya nak mengucapkan tahniah kepada kerajaan sebab Pusat Wanita Berdaya sangat berjaya dalam pimpinan Y.B. Sementa dan juga Yang Berhormat Batu Tiga. Pusat Wanita Berdaya memang sudah ada sikit keputusan dari segi pencapaian yang sangat menggalakkan. Tetapi saya ingat kita *it's time to move forward*. Kita sudah ada satu *network* wanita yang begitu baik dan bagaimanakah kita boleh *move forward*? Saya berasa bahawa *moving forward* kita bukan sahaja kelas-kelas untuk memasak menjahit tetapi bagaimanakah Wanita Berdaya menjadi pemangkin untuk wanita-wanita yang sedang bekerja, yang ada karier? Bagaimanakah kita boleh memberdayakan wanita yang bekerja sekarang? Dan satu lagi saya rasa bahawa Kempen Kesedaran Gangguan Seksual masih lagi kurang dan bagaimanakah kerajaan boleh membantu dari segi meningkatkan kesedaran lagi? Saya membaca Dasar Wanita Selangor dan pelan tindakan dan saya nak mengucapkan tahniah lagi sekali lagi untuk IWB bahawa ada *at least we have* pelan tindakan dan saya nak cadangkan sebab masa saya membaca saya dapat semua *table-table* ini ada tindakan, penyampaian dan petunjuk tetapi pentunjuk itu *for an example* dia bagi petunjuk adalah bilangan pelanggan dan kualiti nasihat yang diberikan, itu bilangan. *So, we don't have a fixed goal*, dengan izin. KPI itu, dia ada kata KPI. KPI adalah bilangan apa-apa bilangan nombor orang yang pergi program tersebut dan lain-lain tetapi petunjuk yang di pelan tindakan ini tiada satu *fixed number*. Kalau kita kata 10 orang, 10 orang pergi program ini, adakah ini menunjukkan bahawa ini sudah berjaya? Ataupun kita kena *fix* satu *goal* yang spesifik. Kalau kita ada 10 *goal* yang spesifik dalam tahun, tiga tahun kemudian apakah *goal* kita? Lima tahun, 10 tahun apakah spesifik *number*? *I think that is very important* sebab kita kena ada satu *goal* untuk pergi kalau hanya laporan, bilangan itu sangat *abstract* so saya minta kerajaan untuk meneliti tapi secara keseluruhan saya tengok dari segi memberdayakan wanita dari 2008 sampai sekarang kita sudah banyak, ada banyak perbezaan. Hanya *we have to improve beyond what we are doing now*, dengan izin. Saya nak merujuk kepada PK.10 – Pelancongan sekarang. Pelancongan, kod projek 1003 – Menaiktaraf Produk Pelancongan. Saya meneliti bahawa peruntukan hanya RM1.5 juta sahaja. Tuan Speaker, RM1.5 juta tidak boleh buat apa-apa. Saya ada pada *holiday* raya, saya pergi Pulau Ketam. Saya pergi sana melancong sana pergi Y.B. punya tempat tengok penuh dengan orang. Jeti penuh tetapi apa yang kurang di sana adalah jeti itu tiada infrastruktur untuk keselamatan. Tidak berapa selamat dan huru, *it's a mess* kerana kerajaan tiada *coordinate* semua pengusaha bot-bot yang menghantar orang dari Pulau Ketam ke pelabuhan dan saya mencadangkan bahawa kerajaan untuk meningkatkan lagi infrastruktur pelancongan sebab apa yang saya tengok adalah banyak produk-produk pelancongan di Negeri Selangor

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

bukan di tempat-tempat di mana PBT adalah kaya. Sebagai contoh Kuala Kubu Baharu, Bukit Melawati semua tempat-tempat ini ada banyak produk ataupun ada banyak tempat yang memang menarik tetapi PBT-PBT memang tidak mampu untuk meningkatkan infrastruktur. Saya berasa bahawa kalau kerajaan boleh meningkatkan infrastruktur lebih banyak orang akan pergi. Pulau Ketam sebagai satu contoh. Masa itu banyak orang dari KL sebab mereka tidak boleh pergi jauh. Orang yang bekerja di KL kalau ada *holiday* dia pergi mana? Dia pergi Selangor. *Internal, own state or internal vacation* tetapi mereka pergi sana tempat tak cukup. Saya berasa bahawa kita kena membangunkan yang infrastruktur pelancongan di luar bandar di Selangor dan saya nampak bahawa...

Y.B. DR. HALIMAH BINTI ALI: Speaker.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Ya.

Y.B. DR. HALIMAH BINTI ALI: Boleh celah?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Selat Kelang sila.

Y.B. DR. HALIMAH BINTI ALI: Tahukah Damansara Utama, *weekend* saja, satu *weekend*, 4,000 hingga 8,000 pelancong pergi ke Pulau Ketam?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Memang penuh. Saya tak tahu berapa. Banyak, tapi memang penuh dan penuh dengan potensi. Saya berasa kalau dengan ada Kerajaan Negeri kalau boleh kita *help a little bit* ia akan jadi lebih lagi banyak orang dan berpotensi dan kita boleh mula membangunkan industri luar bandar. Dan saya nak membuat perbandingan Selangor membuat promosi *into* kod projek 1001 – Promosi, RM4.5 juta. Promosi kita *promote* produk industri pelancongan kita RM4.5 juta. Tetapi infrastruktur kita buat RM1.5 juta sahaja. Itu, itu tidak *not balance*. So, saya mohon Kerajaan Selangor boleh timbangkan sikit untuk meningkatkan lagi produk pelancongan dari segi infrastruktur. Dan seterusnya Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak untuk PK.17 - Projek Khas Negeri. Untuk kod projek 17008 – Tempat Letak Kereta Awam Seksyen 5, Shah Alam. Saya nampaksaya nampak bahawa Kerajaan Negeri bagi RM4.5 juta untuk Shah Alam membuat tempat letak kereta. Saya nak tanya kepada Kerajaan kenapa kita bagi peruntukan untuk Shah Alam sebab Shah Alam seperti yang saya tahu daripada *google* sebab saya bukan YB Shah Alam tapi Shah Alam MBSA belanjawan mereka adalah RM450 juta lebih kurang RM450 juta. Kenapa Kerajaan Selangor kena bagi peruntukan untuk pihak Berkuasa Tempatan yang begitu kaya. Kita bagi kena bagi peruntukan untuk membangunkan infrastruktur kepada PBT-PBT yang tidak kaya yang macam Sabak Bernam macam tempat-tempat yang memang mereka belanjawan sangat kurang untuk meningkatkan infrastruktur. Saya nak minta penjelasan daripada Kerajaan sama ada kita boleh *claim* balik wang itu kepada MBSA supaya kita boleh salurkan kepada PBT-PBT yang lebih memerlukan

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

peruntukan tersebut. Seterusnya saya ingin dapatkan penjelasan daripada Kerajaan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta mencelah sedikit.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Ya. Ok boleh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker terima kasih Damansara Utama. Saya sangat setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Damansara Utama tentang peruntukan tersebut harus difokuskan kepada PBT yang daif seperti Sabak Bernam jadi minta pihak Kerajaan agar Yang Berhormat setuju lebih banyak fokus kepada Sabak Bernam kerana Sekinchan ada tumpuan pelancongan, terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Minta mencelah. Saya rasa bukan sahaja kepada Sekinchan kerana Sekinchan sudah sangat popular jadi kita bagikan kepada daerah-daerah lain.

TIMBALAN SPEAKER : Sila Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Ini bukan atas bukan *jurisdiction* saya ini terpulang kepada Kerajaan Negeri dan apa yang saya tengok adalah Sekinchan dapat setuju informasi sentral dan Hulu Selangor pun hendak dapat juga dan saya merasa bahawa Kerajaan Negeri perlu adil dan saya memang bersetuju dengan YB Sekinchan bahawa Sekinchan bagus tetapi saya pun setuju Bukit Melawati pun bagus Kuala Kubu Baru pun bagus banyak tempat yang memang menarik di Negeri Selangor. Seterusnya saya nak mendapatkan sedikit penjelasan daripada Kerajaan sama ada KOD Projek 1701317, 17014, 17015, 17016 *Art Gallery, Heritage Walk, Musium Textile, Musium Stamp, Japanese Garden* adakah apa perkembangan dan adakah telah siap sebab saya tiada apa-apa maklumat tentang muzium-muzium ini.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Speaker saya berminat hendak ajak Yang Berhormat jalan-jalan di Shah Alam dengan saya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Dan saya nak tanya untuk ini saya tidak tau jawab ya Kota Anggerik. Saya hendak mendapatkan penjelasan kalau sudah siap berapakah nombor pelawat kita kena tahu kalau kita belanja banyak berapa juta kita belanja untuk muzium saya nak minta penjelasan daripada Kerajaan nombor pelawat setiap bulan dan adakah kos *value for money* kalau tidak ada cukup pelawat macam mana kita boleh meningkatkan promosi itu lagi. Seterusnya Tuan Speaker saya ada satu lagi adalah di muka surat 221P13, PK3 Pembangunan Lembangan Sungai. Saya berasa bahawa kita untuk tahun ini banyak untuk pembangunan tebing sungai-sungai tidak mendapat fokus ataupun tumpuan Kerajaan saya tidak tahu kenapa untuk kali ini kita memang tiada tebing sungai penstabilan tebing sungai

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

untuk sungai-sungai tertentu dan naik taraf sungai-sungai tertentu untuk kawasan saya minta sedikit untuk meneliti sedikit Sungai Kayu Ara saya sudah banyak berkali-kali kata Sungai Kayu Ara kita kena *totally upgrade* tebing-tebing *river bank* tebing sungai ini hendak minta penjelasan daripada Kerajaan untuk Sungai Kayu Ara dan seterusnya saya nak membincangkan sedikit tentang pembangunan lembangan sungai di seluruh Negeri Selangor. Apa yang sekarang kita tengok adalah semua tebing sungai sekarang di Negeri Selangor menjadi tanah terbiar. Orang yang bagi buat besi buruk ada yang menjadi untuk sampah dan lain-lain. Saya hendak mencadangkan di sini bahawa kita boleh tengok potensi tebing sungai ini. Kalau kita tengok beberapa bandar di seluruh dunia bandar-bandar ini diberi perhatian yang cukup kepada tebing sungai. Kenapa? Kerana tebing sungai boleh menjana pendapatan tebing sungai boleh dijadikan *water front* boleh dijadikan tempat ekonomi dan kita sebagai Kerajaan kita dapat cukai tanah dan juga tebing sungai boleh menjadikan tempat rekreasi. Bayangkan kita ada tempat jogging *track* 10 kilometer satu sungai kita boleh jogging di tebing sungai dengan pemandangan yang cantik landskap yang cantik. Itu rekreasi dengan ada tempat-tempat rekreasi sedemikian kita boleh sahaja meningkatkan *riversibility* untuk bandar-bandar di Selangor tetapi boleh *attract* banyak orang lagi untuk masuk Selangor sebagai pelancong atau tinggal di sini dan mereka akan menjadi pekerja di sini dan lain-lain so saya hendak minta Kerajaan dan JPS untuk tengok macam mana kita boleh meningkatkan lagi potensi tebing sungai ini jangan lah tengok tebing sungai sebagai satu masalah tetapi satu potensi yang kita boleh ambil *take advantage of* dengan izin saya nampak dari tebing sungai lagi untuk Co Projek 03003, 03004 Perangkap Sampah hanya RM2 juta di peruntukan untuk perangkap sampah. Kita ada banyak sungai di Negeri Selangor dan apa bila kita tengok sungai kita sekarang bukan sahaja Sungai Selangor tetapi sungai di negeri-negeri lain pun sama penuh dengan sampah. Dua perkara satu infrastruktur perangkap sampah tidak cukup kita tengok sampah-sampah kita penuh sungai kita penuh sampah kalau kita hendak buat *water front* pun orang tidak mahu pergi kata kena bersihkan so saya minta bahawa Kerajaan kalau boleh menambahkan lagi.

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Speaker.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Ya.

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya ingin mencelah sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya nak minta cadangan dari Yang Berhormat adakah semasa sudah sampai sekarang untuk Negeri Selangor tubuhkan satu perbadanan Sungai Klang. Memang saya bersetuju kita telah pun laksanakan beberapa program di mana kita hendak bangunkan tebing-

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

tebing sungai dan tanah-tanah tepi sungai *its a* memang tanah-tanah ini boleh digunakan dan boleh di bangunkan sebagai satu kawasan yang cantik dan diminati so adakah masanya di negeri untuk tubuhkan satu perbadanan Sungai Klang yang akan jaga dan buat pelan dan sebagainya di Sungai Klang.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya berasa bahawa bukan sahaja Sungai Klang tempat-tempat lain penuh dengan potensi. Saya menyambut baik tapi saya bukan Kerajaan minta Kerajaan untuk mengambil maklum bahawa bagaimanakah kita boleh menubuhkan perbadanan ataupun jawatankuasa supaya menumpukan perhatian sahaja untuk sungai-sungai dan tebing-tebing sungai bagaimana kita boleh mencantikkan tebing sungai kita dan bukan sahaja mencantikkan tetapi mendapatkan menjana pendapatan itu yang sangat penting kita menjana pendapatan untuk Kerajaan dan yang kedua kenapa sungai kita kotor saya rasa kesedaran sivik di kalangan rakyat Selangor belum lagi cukup untuk saya bagi satu saya mohon bahawa JPS ataupun pihak LUAS boleh membuat kempen kesedaran memelihara sungai dengan lebih lagi meningkatkan kempen ini supaya kesedaran menjadi lebih tinggi untuk memelihara sungai kita. Saya ada satu cadangan ada banyak orang membuat kempen mereka membuat kempen bahawa kita kena menjaga sungai membuat poster sahaja jaga sungai dan lain-lain. Apa yang saya cadangkan adalah apabila kita membuat kempen kita buat aktiviti sungai di mana kita buat aktiviti sungai itu orang pergi sungai buat apa-apa aktiviti di sana di mana dia boleh tengok dengan mata sendiri bagaimanakah situasi sekarang di sungai. Saya bagi satu contoh beberapa bulan dahulu saya pergi *snorkeling* lepas *snorkeling* YB Bukit Lanjan sudah tengok saya pergi *snorkeling* saya nampak ada banyak plastik masa itu kesedaran saya tentang kita perlu menurunkan penggunaan plastik menjadi tinggi sebab kita tengok memang tempat itu tidak boleh ada plastik. Oleh itu saya berasa bahawa apabila kita membuat satu kempen untuk memelihara sungai kita kena membuat aktiviti di sungai supaya orang nampak ini *rubbish* ini semua sampah tidak baik kita kena memelihara dan ia akan berkata kepada jiran-jiran mereka ataupun kawan-kawan mereka untuk memelihara sungai. Itu sahaja cadangan saya untuk kerajaan dan saya harap boleh diteliti dan dijawab.

TIMBALAN SPEAKER: *Snorkeling* tidak ajak Kota Anggerik ya. Sila Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker memberi peluang untuk saya bangkitkan beberapa isu di bawah KOD Projek VOT P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Di bawah butiran PK6 Wanita Kebajikan dan Kesihatan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah membawa ataupun mewujudkan banyak program berbentuk pemerkasaan wanita dan keluarga dan salah satu yang saya nampak boleh di perbaiki ataupun di nilai tambah adalah kursus pengusaha taska di rumah. Jadi ini memberi peluang kepada suri rumah yang tinggal di rumah untuk menjana pendapatan bagi keluarga. Hanya saya agak tertanya-tanya sama ada

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

mereka mengikuti kursus tersebut adakah dilakukan pemantauan terhadap perkhidmatan mereka berikan kerana mereka setelah mengikut kursus tersebut mendapat sijil boleh operasi daripada JKM kalau itu maklumat yang betul. Jadi hanya daripada segi pemantauan pusat penjagaan taska di rumah ini perlu dilihat kerana terdapat banyak juga kes bukan di rumah yang saya sebut ini hanya kita perlu mencegah berlakunya kes-kes penderaan yang banyak kita dengan kebelakangan ini itu perkara yang pertama. Keduanya butiran PK7 Generasi Muda dan sukan menaik taraf infrastruktur sukan saya lihat sukan menjadi satu perkara yang sihat. Untuk orang muda menghabiskan masa dan tenaga mereka. Oleh itu perlu di tingkatkan serta diperbaiki infrastruktur yang sedia ada bagi memberi peluang dan ruang begitu ramai orang yang muda terutama sekali bagi kawasan perumahan bertingkat di mana kita lihat pembangunan perumahan bertingkat ini tidak selalunya dari segi perancangannya kita lihat begitu kurang kawasan untuk bersukan juga berekreasi. Jadi saya mohon di kalau di kawasan taman Medan Dataran Anak Muda yang telah dilancarkan seluruh negara sudah tiba masanya untuk di baik pulih dataran tersebut sebab ia menjadi satu tempat tumpuan bagi orang muda belia untuk menghabiskan masa mereka bersukan. Jadi penggunaannya sangat tinggi (bahasa Arab) dengan izin kita lihat kita memerlukan baik pulih permukaan gelanggangnya serta pencahayaan dan sebagainya. Yang keduanya berkaitan dengan sukan juga, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan melihat semula kalau ada dewan-dewan yang tidak digunakan ataupun sering digunakan untuk permainan badminton, takraw dan sebagainya boleh di ubah suai ataupun ditukar menjadi kompleks sukan sebab ini kerana kompleks sukan berkurangan di dalam di mana-mana juga dan saya ingin mencadangkan satu dewan di dalam DUN yang saya jaga Dewan 227 ini di tukar menjadi kompleks sukan dia sentiasa menjadi tumpuan permainan badminton, permainan kereta lumba tamia dan juga takraw dan sebagainya bola jaring. Jadi kebetulan di sekitar kawasan dewan tersebut juga terdapat padang bola sepak dalam proses dinaik tarafkan. Jadi saya lihat satu inisiatif yang baik ditukarkan dewan tersebut kerana jarang digunakan untuk aktiviti yang lain hanya banyak aktiviti sukan dilakukan di situ ditukarkan menjadi mini kompleks sukan. Jadi ini memberi peluang kepada anak muda bersukan dan menghabiskan masa mereka dalam aktiviti yang sihat daripada mereka berlumba motosikal di atas jalan raya. Seterusnya bawah PK9 Perbandaran kemudahan asas saya mohon supaya rumah ataupun asalnya adalah Pusat IT kemudian ditukarkan kepada *Homework Room* hanya kini saya lihat ia lebih optima dapat digunakan agar sekiranya ia dijadikan kelas pemulihan ataupun kelas introversi bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas. Saya telah bekerjasama dengan beberapa sekolah agama, Sekolah rendah agama di kawasan untuk membuat saringan terhadap pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tersebut dan telah mendapat agak ramai yang pelajar-pelajarnya mempunyai masalah pembelajaran. Jadi saya telah berbincang untuk mencari ataupun mewujudkan kelas-kelas harian untuk pelajar-pelajar tersebut ikuti program intervensi kanak-kanak ataupun pelajar-pelajar yang berkeperluan khas ini dan kita perlu satu tempat dan kita telah kenal pasti *Homework Room* agak sesuai menjadi kelas tersebut. Jadi

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

saya mohon kemudahan asas ini diubahsuai kan supaya kita dapat menjalankan kelas pagi dan petang untuk pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran tersebut dan satu lagi kemudahan awam kebetulan kawasan yang saya jaga ini adalah banyak terdapat pangsapuri-pangsapuri kos rendah jadi keperluan kepada dewan-dewan orang ramai sangat tinggi jadi saya juga ingin mencadangkan supaya tapak yang ada satu di Medan 32. Sebelum itu terdapat gerai haram yang telah dirobohkan jadi digunakan tapak tersebut untuk sebuah dewan. Sebenarnya telah ada sebuah dewan sebelum ini tetapi dewan tersebut telah digunakan oleh Tadika Kemas. Jadi penduduk di kawasan tersebut telah dinafikan sebuah dewan untuk aktiviti kemasyarakatan. Jadi saya mohon supaya kemudahan awam itu diwujudkan. Seperkara lagi ini saya nampak bawah butiran Kerajaan Tempatan masalah *parking* dengan izin tempat letak kereta adalah masalah yang begitu meruncing di kawasan pangsapuri-pangsapuri. Saya mohon supaya pihak Kerajaan tempatan menimbangkan menggunakan tanah-tanah yang berdekatan sebagai tapak *parking* tambahan bagi mengatasi masalah laluan jadi sempit kerana kereta-kereta diletakkandi jalan di kiri dan kanan jalan jadi ini menyukarkan juga kalau sekira terjadi apa-apa kecemasan pihak bomba tidak boleh melalui laluan tersebut jadi saya ingin mencadangkan supaya tanah-tanah rintis yang berada berdekatan dengan perumahan bertingkat ini di gunakan untuk mewujudkan tapak letak kereta tambahan bagi penduduk. Saya juga ingin membangkit ataupun mengetahui status jejantas projek jejantas yang menyeberangi *New Pantai Express Way* yang telah melantik satu syarikat perunding untuk mengemukakan reka bentuk projek tersebut dan saya dimaklumkan bahawa prosesnya mengambil masa untuk mendapat kelulusan daripada pelbagai pihak terutamanya daripada KTM. Jadi saya memohon supaya pihak-pihak yang berkaitan tidak, cuba mempercepatkan proses tersebut kerana keperluan kepada jejantas tambahan ini tinggi memandangkan sudah meningkatnya pengguna pada hari ni yang lebih suka menggunakan motosikal berbanding kereta kerana ia menjimatkan dan juga menjimatkan masa dan wang. Jadi saya mohon supaya pembinaan jejantas kedua menyeberangi MPE disegerakan. Saya juga saya cuba cari VOT di bawah JPS mengenai tapak-tapak pembetungan yang akan ditutup selepas selesai projek seluruh Negeri Selangor. Terdapat tapak-tapak pembetungan ini ditutup, namun saya mohon Kerajaan Tempatan untuk menukar status penggunaan tanah tersebut kepada daripada pembetungan kepada kemudahan awam kerana saya ada beberapa cadangan sebab tanah-tanah yang akan ditinggal akan ataupun dikosongkan tersebut ada yang beberapa agak besar izinkan saya memetik terdapat satu tapak di PJS1/32, PJA307 dimohon untuk menjadikan tapak rekreasi. Ada sembilan sebenarnya saya ada senarai di sini perlu ke saya baca semua atau saya berikan secara bertulis kepada pihak yang berkaitan. Saya akan *Whatsapp* kepada EXCO yang berkaitan. Jadi saya mohon ia digunakan untuk kemudahan awam sebab kita lihat selalunya pembangunan di bandar ini tapak-tapak rekreasi adalah cebisan ataupun lebihan tanah yang tertinggal setelah di peruntukan membangunkan bangunan. Jadi ini salah satu perkara juga yang kita perlu ubah setiap kali kita mewujudkan tapak rekreasi. Kemudian bawah PK 14 Perpustakaan bawah butiran menaik taraf

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

perpustakaan pekan. Jadi sering di dalam DUN Taman Medan ada satu ada sebuah pekan di Seri Manja sangat popular kalangan pelajar-pelajar terutama sekali apabila musim cuti sekolah. Jadi saya baru-baru ini melihat perpustakaan tersebut mempunyai banyak koleksi buku-buku yang baru dan mungkin perlu disusun lebih kemas sebab sekarang ini buku-buku tersebut duduk di dalam bakul-bakul. Jadi mungkin pihak perpustakaan perlu menyediakan mengubah suai sedikit kita lihat penggunaan *cafe* tidak lagi digunakan jadi diubah suai menjadi tempat letak rak-rak buku yang baru dan saya juga menyambut baik inisiatif perpustakaan yang pergi ke sekolah-sekolah untuk membawa buku yang dipinjamkan untuk satu bulan kepada pelajar-pelajar sekolah. Jadi ini akan menggalakkan lagi pelajar-pelajar berkunjung ke perpustakaan. Hanya saya mohon untuk cuti sekolah ini jika sekiranya perpustakaan boleh menganjurkan aktiviti-aktiviti bermanfaat bagi mengisi masa lapang pelajar-pelajar yang berkunjung ke perpustakaan tersebut. Di bawah VOT yang sama PK15 Perumahan dan Hartanah. Di bawah butiran kehidupan bandar komuniti sejahtera, saya ada sebut tadi tentang kawasan rekreasi di perumahan bertingkat selalunya adalah cebisan atau lebahan tanah yang ditinggalkan setelah dibangunkan bangunan-bangunan flat tersebut. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan agar kita menukar konsep taman-taman tersebut tidaklah ia menjadi tempat buang sampah dan tidak dikunjungi walaupun namanya taman dengan mengambil konsep *pocket park*. *Pocket park* ini dengan izin digunakan oleh negara-negara di dunia terutama sekali di kawasan bandar di mana nilai tanah sangat tinggi maka mereka tidak boleh melakukan taman-taman yang besar saiznya kecil dan keluasannya 400 meter persegi ataupun kurang daripada itu yang memasukkan unsur-unsur yang lebih menarik bukan hanya menyediakan perabot permainan yang konvensional tapi mungkin ada reka bentuk *design* yang lebih moden yang setiap penggunaan akan menggunakan mengikut apa yang mereka rasa dan fikirkan. Jadi ini saya nampak sangat berjaya di luar negara, pendekatan ini boleh di perkenalkan supaya *pocket park* ini dengan izin boleh memberi nilai tambah kepada nilai hartanah di kawasan tersebut sebab ia menggambarkan satu seni dan juga memberi peluang kepada pengguna membuat impritasi mereka sendiri tentang taman tersebut. Seterusnya di bawah VOT P13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bawah KOD Projek PK3 Pembangunan lembangan sungai. Jadi saya Taman Medan bersetuju dengan cadangan Damansara Utama sebentar tadi untuk membaiki tebing-tebing Sungai Klang saya berharap JPS memeriksa atau melihat sepanjang Sungai Klang tersebut mana tebing-tebing yang perlu di perbaiki mana kerosakan yang lebih serius tidak berlaku. Jadi dibaiki serta pembersihan usaha-usaha pembersihan dan perindahan sungai ini dapat diteruskan kerana ini merupakan satu peluang untuk kita mewujudkan tapak rekreasi tanpa perlu mencari tanah yang lain menggunakan tebing sungai sebagai tapak rekreasi untuk kawasan yang dilalui oleh sungai ini kerana sekiranya tidak saya rasa nampak pencerobohan serta digunakan sebagai tapak pembuangan sampah akan berlaku. Jadi perlu ada aktiviti yang lebih baik, yang lebih positif di tebing-tebing sungai ini sebelum itu belum berlaku usaha untuk membersihkan serta mengindahkan sungai itu perlu dilakukan. Saya nampak usaha Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi yang

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

sihat. Warga Selangor yang sihat berbasikal, bersenam, berjoging dan sebagainya. Itu dapat dilakukan apabila tepi-tepi sungai ini, tebing-tebing sungai ini sudah menjadi indah dan juga sesuai untuk aktiviti sukan. Seterusnya di bawah Vot P 14 Jabatan Agama Islam Negeri Selangor bawah kot projek PK 1 sekolah-sekolah agama, butiran membaik pulih dan menaik taraf sekolah agama. Hanya perkara yang saya ingin bangkitkan ini adalah sekolah-sekolah KAFA Integrasi, kelas agama, kelas Al Quran dan Fardu Ain. Sekolah-sekolah ini sebenarnya walaupun dia tidak secara terus di bawah Kerajaan Negeri tetapi dia membantu menampung keperluan kepada sekolah-sekolah agama dalam Negeri Selangor. Hanya mereka ini terperangkap di tengah, sekolah-sekolah KAFA ini duduk di bawah Negeri Selangor kemudian mungkin pihak persekutuan, mungkin rasa Selangor ada banyak duit jadi perlu tolong KAFA dan sebagainya. Tapi KAFA ini dikira sebagai Sekolah Agama Rakyat hanya tiap kali peruntukan Sekolah Agama Rakyat diberikan KAFA tidak mendapat jumlah yang wajarlah. Untuk dibangunkan dan di baik pulih bangunan dan sebagainya. Terdapat dua KAFA Integrasi di kawasan saya Pinang Tunggal satunya yang perlukan bangunan baru kerana penggal lepas, pelajar-pelajarnya belajar di bawah khemah. Setelah dibina kantin sekarang ini pelajar-pelajar tersebut belajar di kantin sebab bangunan sekolah tidak cukup jadi mereka terpaksa belajar di kantin. Jadi ini satu perkara yang sangat merunsingkanlah pihak guru kerana suasana yang tidak kondusif untuk mereka belajar. Jadi saya mohon pertimbangan daripada pihak kerajaan untuk meluluskan peruntukan bagi mereka membina satu bangunan baru. Kalau tidak membina bangunan baru itu pun membaik pulih sebab saya difahamkan juga bangunan yang sedia ada juga dalam keadaan daif. Kemudian yang kedua sekolah, Sekolah Al islah, KAFA Al islah ini juga ada cerita yang saya rasa agak kasihan jugalah sebab mereka terpaksa menyewa lot kedai. Jadi kos menyewa lot ini juga ditanggung 100% melalui yuran yang kutip, jadi guru-guru di KAFA ini terpaksa lewatkan pemberian elaun guru-guru untuk bayar sewa. Jadi guru-guru ini setiap bulan bergilirlah bulan ini ada beberapa yang lewat terima gaji untuk bayar sewa kedai juga bayar bil-bil dan sebagainya. Jadi ini sudah berlaku agak lamalah jadi saya mohon supaya dipertimbangkan supaya mereka ada “headed heart” kos dengan izin. Terpaksa membayar sewa manakala kos-kos yang lain mereka ada bangunan sendiri . Jadi untuk KAFA Al-Islah ini diberi peruntukan atau apa diberi sedikit bantuan untuk mereka menampung untuk membayar kos penyewaan premis. Dan akhir sekali di bawah kod projek PK 4 surau, saya mungkin di sini dia tidak ada pembinaan surau yang baru, saya ingin bangkitkanlah ada beberapa surau yang diberikan kebenaran untuk mengutip dana daripada awam bagi pembinaan surau yang baru. Memandangkan keadaan ekonomi sekarang maka kutipan dana itu agak lembap dan mengambil masa beberapa tahun. Jadi surau-surau yang perlu dibina untuk keperluan penduduk tidak dapat dilakukan kerana tidak cukup dana. Hanya saya mohon kalau dapat dipertimbangkan di pihak kerajaan dapat membantu untuk membina surau. Ini di kawasan pangsapuri memang penduduknya padat jadi keperluan surau yang lebih besar agak mendesak. Ada satu surau yang saya lihat agak mendesak iaitu Surau

AI Takwa di PJS 2. Jadi itu sahaja daripada Taman Medan, saya mohon menyokong, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Teratai merujuk kepada muka surat 185 kod P 1 PK 1 Ekonomi khususnya kot projek 0103 SMART Selangor *Delivery* Unit. Teratai dengan ini mengingatkan dewan yang mulia ini berkenaan dengan SMART Selangor *Delivery* Unit yang telah memperkenalkan beberapa jenis ataupun hala tuju ingin dilakukan oleh SSTU dan Teratai ingin bertanya tentang berkenaan dengan anggaran perbelanjaan pembangunan ini sama ada termasuk SMART Safety dan SMART Security yang mana mengikut kajian yang telah diketengahkan oleh Teratai sebelum ini kebanyakannya wanita berasa tidak selamat apabila mereka berjalan atau berada di tempat awam. Jadi daripada SMART *Waste Management*” berjaya dilaksanakan SMART *Transport and Mobility* yang telah kita kata diperkenalkan tahun ini jadi Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat mengambil berat berkenaan dengan SMART Safety dan Security khususnya terhadap golongan wanita dan juga kanak-kanak. Teratai ingin merujuk kepada Kod Projek 02007 iaitu berkenaan dengan pembangunan luar bandar, pembangunan Kampung Baru di mana terdapat RM5 juta dibekukan untuk peruntukkan pembangunan kampung baru. Teratai ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini berkenaan dengan keadaan yang berlaku di setengah kampung baru di Selangor buat masa kini. Yang mana ada antara kampung baru yang mana rumah-rumah telah ditukar menjadi perindustrian kecil di mana telah melibatkan warga asing yang agak ramai dan Teratai berharap supaya Kerajaan Selangor dapat mengambil berat berkenaan dengan keadaan sosial yang sedang berlaku di kawasan kampung baru ini. Bagi PK 3 usahawan yang mana Teratai ingin menarik perhatian di dalam dewan yang mulia ini berkenaan dengan kepentingan Kerajaan Selangor untuk membangunkan usahawan khususnya usahawan muda yang mana melibatkan internat di mana pada hujung minggu yang lepas iaitu sempena “*single day*”. Ali Baba telah mencatat RM25 bilion “*sale*” dalam masa hujung minggu sahaja. Jadi ini merupakan satu trend yang baru bukan sahaja di Selangor tetapi bukan sahaja di peringkat Antarabangsa juga yang mana sikap ataupun amalan membeli belah barang pengguna telah bertukar daripada membeli belah barang-barang di kedai-kedai ataupun Kompleks membeli belah, kini satu trend yang lebih mudah dan lebih terus telah diperkenalkan ataupun telah menjadi satu amalan bagi seluruh, bagi rakyat khususnya bagi penduduk di Selangor di mana Selangor merupakan satu negeri maju. RM25 bilion telah dicatatkan oleh Ali Baba hanya “*transaction*” perniagaan dalam masa 2 hari sahaja. Jadi saya rasa sekiranya Kerajaan Selangor dapat membangunkan usahawan dalam bidang ekonomi melalui SIDAK. Melalui program SIDAK itu sangat baik yang mana mengajak ataupun mendidik anak muda kita untuk macam mana membuat “*transaction*” dengan lebih baik. Yang mana dapat menarik sahaja bukan sahaja pembeli dalam Negeri Selangor tetapi dari luar negara juga boleh berlaku. Bagi PK

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

4 yang mana khususnya untuk skop projek 04005 hal ehwal pengguna dengan keadaan GST diperkenalkan harga minyak yang selalunya tidak tetap kebarangkalian meningkat. Saya rasa sudah sampai masanya untuk Kerajaan Selangor untuk mendidik pengguna macam mana menjadi seorang pengguna yang bijak khususnya dengan keadaan harga barang yang naik ataupun harga minyak yang tidak stabil. Teratai seterusnya ingin merujuk kepada muka surat 186 iaitu kod projek PK 6 wanita, kebajikan dan kesihatan. Memang Teratai mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor yang selalunya mementingkan kebajikan wanita yang mana Teratai juga ingin mengambil kesempatan ini merujuk kepada 06001 kod projeknya di mana di dalam program-program pembangunan wanita juga termasuk keluarga. Sering kali kita membaca berita-berita bahawa terdapat kanak-kanak nyawa kanak-kanak terkorban akibat mereka jatuh daripada rumah pangsapuri ataupun flat-flat. Yang mana Teratai percaya bahawa Kerajaan Selangor dapat melakukan satu program khas supaya mendidik ibu bapa macam mana nak menjaga anak-anak mereka daripada membiarkan anak-anak terdedah kepada aspek-aspek yang mana kadangkala boleh meragut nyawa-nyawa kanak-kanak mereka. Ini adalah satu perkara yang penting kita lebih baik ambil langkah-langkah pencegahan daripada kita menyesal apabila-apabila nyawa kanak-kanak telah diragut ataupun di korban begitu sahaja. Untuk PK 8 iaitu kerajaan prihatin, Teratai nampak daripada keseluruhan anggaran perbelanjaan bagi P 01 bagi anggaran perbelanjaan kerajaan prihatin hanya kita kata, kita hanya memperuntukkan RM2.5 juta sahaja untuk kerajaan prihatin. Teratai tidak pasti apakah sebab bagi PK 8 ini diperuntukkan dengan peratusan anggaran perbelanjaan yang agak rendah mungkin disebabkan ataupun Selangor telah mencapai kemiskinan tegar tetapi kita juga harus ambil perhatian terhadap kemiskinan bandar yang sedang giat atau semakin laku dalam masa beberapa tahun yang lepas ini. Yang mana walaupun kita ada banyak program inisiatif peduli rakyat tetapi kebanyakan syarat-syarat pemohon adalah dengan gaji dan pendapatan seisi rumah adalah RM3,000 ke bawah ataupun RM1,500 ke bawah. Jadi bagi penduduk-penduduk yang khususnya tinggal di bandar sekiranya gaji mereka hanya RM1,500 ataupun lebih rendah daripada itu, saya rasa tidak ada sesuatu keluarga ataupun seorang penduduk boleh kita kata hidup di dalam kawasan bandar dengan kos kehidupan yang sangat tinggi ini. Untuk PK Ke 9 iaitu Perbandaran 090002 kemudahan awam PBT. Teratai ingin nak menarik perhatian dewan yang mulia ini berkenaan dengan masalah sosial yang mana taman-taman yang diselenggarakan oleh PBT ada antara taman-taman itu telah di terdapat insiden yang mana motor-motor, motosikal ataupun kenderaan telah di pandu masuk ke dalam taman ataupun padang yang mana telah menambahkan kerosakan berlaku bagi kemudahan-kemudahan yang telah dipasang ataupun telah dibina di dalam taman atau pun padang yang patutnya menjadi tempat bersenam penduduk-penduduk dan Teratai berharap taman-taman ataupun dewan yang di bawah penyelenggaraan PBT dapat dijaga dengan baik. Teratai juga ingin merujuk kepada muka surat 187 iaitu PK 12, Alam sekitar. Teratai ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini berkenaan dengan pencemaran yang pernah berlaku di Selangor khususnya bagi pembakaran terbuka dan juga pencemaran

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

sungai. Bagi pembakaran terbuka ada kalanya kita memang dapat respons daripada YB EXCO berkenaan dengan apa tindakan yang telah diambil apabila sesuatu pembakaran terbuka berlaku. Tetapi kita juga nampak ada kawasan-kawasan yang mana pembakaran terbuka berlaku di kawasan sama dan nampaknya bagi pesalah-pesalah mereka tidak bimbang ataupun tidak takut atas tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap mereka ataupun agen-agen mereka. Bagi pembakaran terbuka ini bukan sahaja menjelaskan, mencemarkan udara tetapi juga menjelaskan kesihatan penduduk dan kita berharap bagi program alam sekitar kita bukan sahaja membuat penanaman pokok yang juga penting juga tetapi kita juga harus mengambil ataupun merancang sesuatu program atau pun satu polisi untuk menangani masalah pembakaran terbuka yang selama ini berlaku selain daripada pencemaran sungai. Untuk PK 14, Perpustakaan. Kod Projek 140002, menaik taraf Perpustakaan Pekan. Teratai tidak nampak ada apa-apa anggaran bagi tahun 2018 ini dan Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat mementingkan perpustakaan-perpustakaan yang mana selalunya saya difahamkan memang pihak PBS mereka mengambil kita katakan pihak Lembaga mereka ambil satu inisiatif yang baik ataupun ada rancangan yang baik tetapi atas kekangan dari segi peruntukan mereka tidak laksanakan ataupun tidak dapat membina perpustakaan yang baik khususnya di kawasan pekan ataupun di desa. Teratai juga ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan Selangor yang mana sesuatu perpustakaan komuniti akan dibina di kawasan Teratai dan Teratai berharap lebih banyak perpustakaan dapat dibina dan untuk memberi menggalakkan anak-anak kita untuk ada menanamkan amalan membaca. Untuk Kod Projek 14011, Perpustakaan Bergerak. Teratai berasa hairan yang mana anggaran tahun 2018 tiada peruntukan telah ditulis ataupun di catit kan dalam bagi kod projek ini. Malahan YAB Dato' Menteri Besar telah melancarkan perpustakaan bergerak tahun ini dan memang Teratai berharap lebih banyak perpustakaan bergerak dapat di kita kata disediakan untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk kita. Jadi Teratai minta kerajaan Selangor untuk memberi ataupun penjelasan berkenaan dengan tiada anggaran tahun 2018 untuk kod projek ini. Untuk PK 15, Perumahan dan Hartanah, Kod Projek 15004 dan juga Kod Projek 150007, Pembangunan Sistem Pengawalan Pembangunan Rumah Selangorku dan juga Pembangunan Sistem. Tahun ini kita juga tidak nampak ada sebarang peruntukan untuk 2 kod projek ini yang merupakan pembangunan sistem untuk pembangunan hartaanah di Selangor dan Teratai tidak pasti apakah sebab ataupun alasan tidak meletakkan anggaran perbelanjaan bagi dua-dua kod projek ini yang mana sering kali bagi Rumah Selangorku ataupun Rumah Smart Selangor ataupun bagi Rumah PPR selalunya telah dibangkitkan dalam dewan yang mulia ini. Teratainya seterusnya merujuk kepada muka surat 189, Kod PK 18, Inisiatif Peduli Rakyat, Kod Projek 18001, Pusat Khidmat Krisis Serenti. Kita sedia maklum bagi Pusat Khidmat Krisis Serenti adalah sangat kritikal khususnya bagi golongan wanita yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga. Tetapi tahun ini Teratai nampak hanya RM50,000.00 sahaja diagihkan untuk kod projek ini yang mana seharusnya bagi Pusat Khidmat Krisis Sehenti ini merupakan satu kawasan ataupun satu unit yang

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

sangat penting untuk kita kata membela atau melindungi wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga. Seterusnya Teratai ingin merujuk kepada muka surat 207. P12, Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Kod Projek PK 1, Pelbagai rancangan dan juga Teratai berharap bahawa dengan jejantas yang telah diminta ataupun dimohon oleh Teratai setelah pihak JKR dan juga PBT telah mengkaji sekian lama bagi jejantas di Taman Seraya itu dapat kerja-kerja awalan. Dapat dilaksanakan secepat mungkin. Memandangkan Jambatan Crank telah habis siap, habis di kita kata dibina Teratai berharap bagi jejantas yang begitu kecil di Taman Seraya dapat juga disiapkan secepat mungkin. Teratai juga ingin merujuk kepada muka surat 212 iaitu Vot P12, PK 4, Kod Projek 04510, Meningkatkan aspek keselamatan jalan raya di daerah Hulu Langat. Teratai berharap bagi jalan-jalan utama di kawasan Teratai dapat dipasang dengan *anti-crime fencing* yang mana selalunya kita dengar ada kes-kes ragut yang berlaku yang mana Teratai diberitahu bahawa dengan pemasangan *anti-crime fencing* ini dapat menghalang ataupun menghalang penduduk-penduduk kita daripada diragut oleh kumpulan yang tertentu dan Teratai berharap bagi aspek keselamatan jalan raya ini pihak JKR Selangor ataupun JKR Hulu Langat dapat memberi perhatian di kawasan DUN Teratai. Untuk P13 juga, Teratai juga ingin merujuk kepada PK 2, Menaik taraf saliran. Teratai ingin mengetengahkan masalah di Sungai Puteh dan juga Sungai Kerayong yang mana kita sering kali menerima aduan yang mana masalah kita kata kekotoran sungai telah berlaku akibat daripada ada banyak sampah-sampah ataupun terdapat jadual penyelenggaraan sungai itu mungkin belum diadakan. Jadi, Teratai di sini ingin memohon supaya kerajaan Selangor menyediakan jadual penyelenggaraan sungai-sungai supaya pihak Jabatan Saliran dapat menyelenggarakan sungai-sungai sekurang-kurangnya satu kali satu bulan dan bukannya mungkin satu tahun hanya satu kali itu adalah tidak cukup dan tidak memadai. Seterusnya Teratai ingin merujuk kepada muka surat 231 iaitu Vot 14, Vot P 14, Jabatan Agama Islam Selangor, Kod Projek PK 1, Sekolah-Sekolah Agama, sekolah Teratai ingin sekali lagi membawa masuk Sekolah Rakyat Agama Kampung Cheras Baru di mana kita telah dapat permohonan dan juga rayuan daripada pihak Sekolah Rakyat Agama Kampung Cheras Baru di mana mereka terdapat kekurangan bilik darjah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Timbalan Speaker, saya nak minta pencerahan sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya dengar ada macam tak *clear* ini. Sekolah Agama Rakyat ke Sekolah Rakyat Agama? Mana satu betul? Bagi perbetulkan sedikit

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Sekolah Rakyat Agama, Sekolah Agama Rakyat. Maaf. Ok, di mana bagi sekolah ini sebenarnya mereka bilangan pelajar bertambah banyak dan Teratai juga ingin mengucapkan terima kasih kepada cikgu-cikgu yang sanggup kita kata mendidik yang mana selalunya apabila kita terdapat kekurangan bilik darjah. Bilik cikgu telah digunakan. Jadi Teratai berharap bahawa masalah ini

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

telah berlaku 2 tahun dan Teratai berharap bahawa sekolah ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan Selangor dan sebab kita juga dapat bahawa sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah yang baik di kawasan DUN Teratai dan juga di daerah Hulu Langat yang mana mereka dapat mendidik pelajar-pelajar dengan baiknya. Bagi muka surat ke 235 juga, bagi Kod Projek PK3, 03500 daerah Hulu Langat. Teratai tidak nampak bagi Masjid Nurul Saadah, Kampung Cheras Baru telah dimasukkan. Teratai berharap bahawa pihak Jabatan Agama Islam Selangor dapat kita kata mengadakan satu sesi turun padang sebab di situ kita nampak ada banyak perubahan yang patut dilaksanakan dan juga disokong oleh kerajaan Selangor khususnya untuk kerja-kerja pembaikan pulih yang juga melibatkan kos yang sangat tinggi. Maka dengan ini Teratai menyokong. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Tanjung Sepat ingin mengambil bahagian hanya ringkas sahaja. Saya merujuk dengan kod muka surat 185, Kod Projek 02004, Program Pembangunan Desa. Saya ucapan tahniah kepada kerajaan negeri yang telah pun melaksanakan program bagi meningkatkan kecekapan dan keprihatinan pemimpin-pemimpin masyarakat terutamanya dalam melaksanakan program 3K dan juga program-program yang berkaitan untuk menjayakan program Kampung Tradisi Terbaik di seluruh Selangor. Saya dalam kesempatan ini ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri meningkatkan jumlah apa ini, hadiah ataupun tanda simpati kepada ketua kampung yang telah pun berusaha sebaik mungkin bagi meningkatkan program-program ataupun aktiviti-aktiviti kampung di tempat masing-masing. Jadi hadiah kampung terbaik ini supaya dapat ditingkatkan sama ada di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri itu sendiri. Kemudian yang keduanya saya juga merujuk kepada muka surat yang sama dengan merujuk kepada kod 04008 iaitu dengan Program Minda Rakyat. Saya ingin penjelasan daripada kerajaan, apakah bentuk program yang ingin dilaksanakan melalui bajet ataupun peruntukan sejumlah RM12,300,000.00. Saya juga mencadangkan di sini supaya program-program berkaitan itu tidak tertumpu kepada untuk membina generasi ataupun pemimpin masa akan datang tetapi saya mencadangkan supaya dalam program peruntukan yang untuk hari ini supaya program-program itu juga diperuntukkan dan program-program yang berbentuk kesedaran dan juga bagi mengelakkan masyarakat ataupun yang berada di sama ada di bandar ataupun di luar bandar mereka ini dapat kesedaran sivik supaya tidak melakukan *vandalism* ataupun merosakkan harta-harta awam dan di samping itu juga saya ingin mencadangkan melalui peruntukan yang ada ini supaya melalui juga pembangunan minda ini rakyat juga dididik dengan kesedaran untuk tidak melakukan apa ini pembuangan sampah merata-rata iaitu dengan mengadakan kempen-kempen yang lebih agresif. Kemudian saya juga merujuk kepada Kod 50001 dan juga hingga Kod 50002 yang berkaitan dengan PK 5, Pendidikan. Saya ingin penjelasan daripada kerajaan apakah bentuk sejumlah yang dibelanjakan melalui kod pendidikan ini sejumlah RM10,000,000.00 dan RM100,000,000.00 apakah bentuk program ataupun sama ada bentuk biasiswa

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

ataupun semata-mata untuk apa ini membangunkan infrastruktur yang ada dalam apa sekolah-sekolah ataupun institusi pendidikan di Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat boleh sambung esok. Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan 4.30 petang. Saya tangguhkan sidang sehingga esok, Selasa 14 November jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)